

4TH PARLIMEN MALAYSIA

^ DEWAN RAKYAT
y

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT 1 PARLIMEN
KEDUABELAS 1 2011 1

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang
Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARIKHAMIS : 23 JUN 2011 1

CAWANGAN PERUNDANGAN PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALANNO. 8 HINGGA 143)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**SIDEKSANI
CAWANGAN PERUNDANGAN PARLIMEN MALAYSIA**

NO SOALAN

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN CHONG ENG
(BUKIT MERTAJAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2011

Y.B. PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebabnya pendapatan per kapita (*per capita income*) negara kita semakin ketinggalan berbanding dengan negara serantau Singapura, Korea Selatan, Hong Kong dan Taiwan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pendapatan per kapita negara kita telah meningkat kepada RM26,175 atau USD8,633 pada tahun 2010 berbanding RM23,850 atau USD6,767 pada tahun 2009. Kedudukan ini meletakkan Malaysia di kalangan negara berpendapatan sederhana tinggi. Untuk tergolong di tahap negara berpendapatan tinggi, Kerajaan gigih berusaha mentransformasi ekonomi agar pendapatan per kapita mencapai USD15,000 menjelang 2020. Ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk mencapai status negara maju.

2. Negara telah terperangkap dalam jurang pendapatan sederhana. Sehubungan itu, Kerajaan telah memperkenalkan Model Ekonomi Baru (NEM) untuk mencapai pertumbuhan mapan. Kerajaan kini giat mengambil pelbagai langkah dan strategi dalam mentransformasi negara ke arah menjadi sebuah

negara maju berpendapatan tinggi. Kerajaan telah memulakan langkah transformasi berteraskan empat tonggak iaitu, Gagasan IMalaysia: Rakyat Didahului, Pencapaian Diutamakan, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). ETP dirangka untuk membuat perubahan struktur melalui lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) bagi mengatasi halangan dan mewujudkan persekitaran yang sesuai serta menggalakkan pertumbuhan. Antara SRI utama ialah merancakkan pertumbuhan semula pelaburan swasta, membangunkan tenaga kerja berkualiti, membina infrastruktur berasaskan pengetahuan serta memantapkan sumberdan kemapanan pertumbuhan.

3. Dengan komitmen ini, sejumlah 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi telah dikenal pasti untuk meningkatkan pendapatan kasar negara kepada RM1.7 trilion dan mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan menerusi 131 projek permulaan (EPP). Sehingga 13 Jun 2011, 65 daripada 131 EPP dengan 87 inisiatif telah diumumkan dengan pelaburan berjumlah RM170 bilion dengan anggaran sumbangan kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM220 bilion dan mewujudkan kira - kira 362 ribu peluang pekerjaan baru.

4. Sementara itu, GTP bertujuan untuk mengukuhkan penyampaian perkhidmatan awam memberi tumpuan terhadap pelaksanaan enam bidang keutamaan nasional (NKRA) iaitu mengurangkan jenayah, membanteras rasuah, mempertingkat pencapaian pelajar, meningkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah, mempertingkat infrastruktur asas luar bandar dan menambah baik sistem pengangkutan awam bandar. Perkhidmatan yang efisien ini membolehkan sektor awam menjadi pemangkin dalam mempermudah dan merancakkan aktiviti sektor swasta.

5. Dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti tenaga kerja, Kerajaan terus memberi penekanan kepada peningkatan modal insan yang berkualiti, berkemahiran, inovatif dan kreatif. Untuk ini, Talent Corporation Malaysia Berhad (Talent Corp) telah ditubuhkan untuk menarikdan mengekalkan modal insan berkemahiran yang diperlukan. Usaha-usaha yang dilakukan termasuk mempermudahkan kepulangan tenaga pakar serta mempertingkatkan

kolabiasi dengan sektor industri, terutamanya bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir di sektor NKEA yang telah dikenalpasti. Bakat tenaga mahir dari dalam dan luar negara akan menyumbang kepada usaha mentransformasikan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan yakin bahawa usaha-usaha di atas akan memacu pertumbuhan ekonomi negara pada tahap yang lebih tinggi serta dapat menangani kekangan yang menghalang Malaysia keluar daripada perangkap ekonomi berpendapatan sederhana. Dengan sokongan padu semua pihak dan rakyat sekalian, sasaran status negara maju dengan pendapatan per kapita yang tinggi akan berjaya dicapai.

/UtT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARI PAD A DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN
OSMAN
TARIKH 23 JUN2011 (KHAMIS)
SOALAN NO. 9

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan rasional keputusan melaksanakan moratorium atau pembekuan terhadap pembukaan fakulti perubatan baru di institusi pengajian tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, keputusan melaksanakan moratorium ke atas penawaran kursus baharu bidang perubatan

di institusi pengajian tinggi atau IPT telah dibuat setelah diadakan rundingan dengan para pemegang taruh atau *stakeholders*, dengan izin, termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Perubatan Malaysia (MMC). Moratorium ini akan bermula daripada 1 Mei 2011 sehingga 30 April 2016. Dalam tempoh tersebut, semua IPT tidak akan dibenarkan untuk menawarkan kursus bidang perubatan yang baharu. Bagi IPT yang pada masa ini sedang menjalankan program kursus perubatan, mereka boleh terus mengambil pelajar bagi kursus perubatan seperti biasa.

Di antara pertimbangan utama yang mendorong Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan moratorium ini adalah:-

Pertama: Berdasarkan kepada kadar pengeluaran graduan perubatan dari IPT sedia ada, negara akan mempunyai jumlah doktor yang mencukupi menjelang tahun 2015 berdasarkan nisbah seorang doktor untuk 600 orang penduduk (nisbah 1:600) dan menjelang tahun 2020 dengan 1 nisbah 400 (1:400). Perkiraan tersebut adalah berdasarkan kepada jumlah graduan perubatan yang dilantik sebagai Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) sentiasa bertambah dari setahun ke setahun.

Pada tahun 2005, jumlah graduan adalah seramai 1,049 orang. Jumlah ini terus meningkat kepada 3,058 orang pada tahun 2009. KPT mengunjurkan seramai 5,188 graduan perubatan akan dikeluarkan pada tahun 2020. Jumlah ini hanya meliputi 19 buah IPT sahaja yang telah pun melahirkan graduan dan belum mengambil kira unjuran IPT yang baru diluluskan dan juga jumlah graduan perubatan dari luar negara yang dikendalikan oleh agen persendirian; dan

Kedua: Memberi fokus memastikan bilangan graduan perubatan yang dihasilkan negara dapat menjalani latihan siswazah atau *housemanship*, dengan izin, supaya mereka dapat menjadi seorang doktor yang kompeten dan selamat untuk menjadi pengamal perubatan. Jumlah Pegawai Perubatan Siswazah atau PPS yang sedang menjalani latihan sehingga Februari 2011 adalah seramai 6,762 orang. Pada masa ini, terdapat 41 buah hospital latihan termasuk tiga (3) buah Hospital Pengajar yang telah diakreditasi

sebagai hospital latihan siswazah.

Oleh yang demikian, secara purata setiap hospital mempunyai seramai 150 hingga 200 orang PPS. Keadaan ini telah menimbulkan kebimbangan mengenai kompetensi PPS berkenaan memandangkan peluang setiap PPS untuk menjalankan prosedur menjadi terhad kerana terpaksa bersaing antara satu sama lain.

SOALAN NO :

**10 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A :	TUAN AMRAN BIN AB GHANI
	[TANAH MERAH]
TARIKH	23 JUN 2011
SOALAN	

Tuan Amran Bin Ab Ghani (Tanah Merah) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah penyelesaian berhubung kos rawatan yang tinggi dan tidak munasabah dikenakan hospital swasta serta berapa banyakkah aduan yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan soalan lain yang menyentuh isu berkaitan kos rawatan yang tinggi dikenakan hospital swasta dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawal kos perubatan di hospital swasta, iaitu pertanyaan daripada Dato' Mustafa Kamal Bin Mohd. Yusoff bertarikh 23 Jun 2011 dan Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) bertarikh 27 Jun 2011 kerana pertanyaan-pertanyaan ini adalah berkaitan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ketiga Belas Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006. Iaitu kos atau fi profesional untuk perundingan dan prosedur perubatan dan pergigian dan lain-lain fi boleh dikenakan seperti fi penyediaan laporan perubatan oleh pengamal perubatan atau pergigian swasta.

|

Jadual Ketiga Belas menyatakan fi maksimum atau julat fi yang boleh dikenakan oleh pengamal perubatan atau pergigian yang mengamal di mana-mana hospital swasta dan wajib dijadikan panduan oleh hospital swasta di Malaysia dalam mengenakan caj ke atas pesakit.

Walau bagaimanapun, fi selain daripada fi profesional seperti fi penginapan, fi tatacara kejururawatan, fi peralatan, fi ujian makmal dan fi ubat-ubatan masih belum dikawalselia Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pada keseluruhannya, kos rawatan di hospital swasta adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan kos rawatan di hospital awam yang mengenakan caj rawatan bersubsidi terutama kepada pesakit kelas tiga yang hanya dikenakan bayaran maksimum sebanyak RM500.00 sahaja bagi apa-apa perkhidmatan jagaan kesihatan. Kos rawatan di hospital swasta, terutama kos yang tidak dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia seperti fi penginapan dan ubat-ubatan adalah berbeza-beza di antara satu hospital swasta dengan hospital swasta yang lain dan bergantung di antaranya kepada kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan, lokasi hospital swasta dan kos penyenggaraan hospital.

Pada tahun 2010 sebanyak 38 pertanyaan atau aduan mengenai fi yang tinggi atau tidak berpatutan termasuk dua (2) aduan adalah mengenai fi profesional dan selainnya adalah mengenai fi penginapan, fi peralatan, fi ujian makmal dan fi ubat-ubatan telah diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Dari jumlah tersebut, didapati 15 (39.5%) aduan adalah berasas termasuk kedua-dua aduan mengenai fi profesional yang tinggi.

Beberapa langkah diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengawal kos rawatan perubatan yang dianggap tinggi dan tidak munasabah di hospital swasta dan seterusnya mengelak dari dikenakan kos rawatan yang tinggi adalah seperti berikut:

1. Pemantauan ke atas fi yang dikenakan oleh hospital swasta dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berpandukan Jadual Ketiga Belas di mana pertanyaan dan ketidakpuasan hati atau aduan daripada pelbagai pihak mengenai fi disemak dan seterusnya diteliti.
2. Berdasarkan keputusan siasatan ke atas pertanyaan atau aduan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyarankan atau memberi peringatan kepada pihak

Langkah-langkah jangka pendek

hospital swasta supaya mematuhi fi yang tertera dalam Jadual Ketiga Belas dan mengenakan fi yang munasabah ke atas pesakit.

3. **Kementerian Kesihatan Malaysia juga berharap supaya pesakit memainkan peranan penting untuk memantau sendiri kos perubatan yang dikenakan dengan membandingkan caj keseluruhan yang dibilikan kepada pesakit dengan anggaran kos yang telah diberikan kepada pesakit seperti yang diperuntukkan dibawah perenggan 27(1)(a), Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006.**

Di bawah peruntukan tersebut pihak hospital swasta perlu memastikan bahawa seseorang pesakit, sebagai haknya, diberikan maklumat termasuk kos yang mungkin dikenakan bagi rawatan, penyiasatan atau prosedur yang hendak dijalankan. Selain itu, di bawah perenggan 26(1)(a,), Peraturan-Peraturan yang sama, pesakit, di atas permintaan, juga mempunyai hak untuk diberitahu caj yang dianggarkan bagi perkhidmatan bersesuaian dengan diagnosis awal yang dibuat sebelum memulakan jagaan atau rawatan.

Langkah-langkah berterusan

4. **Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memastikan pihak pengurusan hospital swasta melakukan pemantauan ke atas caj yang dikenakan oleh pengamal perubatan yang mengamal di hospital swasta berkenaan. Fi profesional yang dikenakan oleh pengamal perubatan atau pergigian swasta dikawal oleh sistem yang dibangunkan oleh pihak hospital swasta sendiri bagi memastikan fi tersebut tidak melebihi fi yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Belas.**
5. **Pihak organisasi jagaan yang diuruskan (MCO) turut memantau caj perubatan yang dikenakan oleh pihak hospital swasta untuk pesakit-pesakit berinsuran.**

Pihak MCO akan menjalankan verifikasi terhadap setiap tuntutan bayaran yang dibuat ke atas seseorang pesakit oleh pihak hospital swasta dan mana-mana caj yang dianggap melampau termasuk fi profesional dan lain-lain fi yang dikenakan oleh pihak hospital swasta, akan dipersoalkan dan pembayaran akan hanya dibuat setelah mendapat klarifikasi dan didapati munasabah.

Langkah-langkah jangka panjang

6. Kementerian Kesihatan Malaysia juga sedang menyediakan draf pindaan ke atas Jadual Ketiga Belas termasuk beberapa nota tambahan bagi mengelakkan pengamal perubatan yang mengamal di hospital swasta daripada memanipulasi fi profesional yang boleh dikenakan ke atas pesakit dan mematuhi fi yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Belas yang akan dipinda itu.
7. Persatuan Hospital Swasta juga telah bersetuju bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memastikan hospital-hospital swasta yang menganggotai persatuan tersebut memuatnaik dan memaparkan fi bagi pelbagai prosedur bagi membolehkan pesakit membuat pilihan rawatan mengikut kemampuan serta menjamin ketelusan dari segi kos rawatan perubatan.

Kementerian Kesihatan Malaysia berpendapat dengan kerjasama semua pihak termasuk pesakit sendiri, langkah-langkah dan mekanisme untuk memantau dan mengawal kos rawatan yang dikeluarkan hospital swasta dapat dilaksanakan supaya kos rawatan tidak terus meningkat dengan sewenang-wenangnya.

NO SOALAN : 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PADA YB TUAN MOHD
NIZAR BIN ZAKARIA
(PARIT)**

**TARIKH 23.06.2011
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah keperluan Askar Wataniah pada masa depan dan senaraikan jumlah terkini Askar Wataniah mengikut negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keperluan Askar wataniah (AW) adalah berdasarkan kepada rancangan pembangunan AW iaitu; untuk rancangan peringkat awal Pembangunan AW bermula tahun 2000 hingga 2010 sasaran pencapaian pada nisbah 1 :1 (1 x Angkatan Tetap : 1 x Askar Wataniah) dan bagi rancangan masa hadapan mulai tahun 2011 hingga 2020 adalah 1 : 2 (1 x Angkatan Tetap : 2 x Askar Wataniah). Bagi merealisasi rancangan ini tercapai, kerjasama semua pihak amat diperlukan termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk turut sama membangunkan dan menyeru belia-belia setempat bagi menyertai AW.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah terkini AW mengikut negeri berakhir 31 Mei 2011 adalah seramai 81,036 anggota. Jumlah ini adalah tercapai seperti rancangan awal Pembangunan AW nisbah 1 : 1 . Pecahan jumlah mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil	tf. Jess.-mi: •v' s	Jumlah Anggota
1.	Perlis	2,156
2.	Kedah	4,836

3.	Pulau Pinang	2,755
4.	Melaka	2,963
5.	Perak	5,986
6.	Selangor	5,587
7.	Kuala Lumpur	4,967
8.	Negeri Sembilan	5,188
9.	Terengganu	7,963
10.	Kelantan	5,901
11.	Johor	7,983
12.	Pahang	6,923
13.	Sarawak	8,425
14.	Sabah	9,403
JUMLAH KESELURUHAN		81,036

>cL

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
TARIKH 23 JUN 2011 (KHAMIS)
SOALAN

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berbagai program telah dilaksanakan untuk melatih siswa yang menganggur seperti program STAR oleh Pembangunan Sumber Manusia Bhd, GEMS oleh Khazanah Nasional, GTP oleh MDeC, Perintis Mekar oleh UiTM, Program Siswazah Industri Pembinaan oleh CIDB. Mengapa pihak Kementerian tidak mengambil langkah untuk membetulkan keadaan ini di IPTS yang menghasilkan graduan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi komited dalam memastikan modal insan yang dihasilkan sama ada daripada IPTA mahupun IPTS adalah berkualiti, berkemahiran dan berpengetahuan, kreatif dan inovatif yang merupakan pra-syarat bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi.

Namun demikian, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan KPT Tahun 2010, jumlah peratusan graduan IPTS yang bekerja semasa tarikh konvokesyen (lazimnya 3 hingga 4 bulan selepas peperiksaan akhir) adalah 57.4 peratus berbanding graduan IPTA sebanyak 48.0 peratus. Program pengajian ditawarkan oleh IPTS yang lebih menjurus kepada bidang pekerjaan tertentu adalah antara punca peratusan graduan IPTS bekerja adalah lebih tinggi. Sehubungan itu, penyertaan pelajar IPTA dalam program kebolehpasaran graduan lebih diberi tumpuan, tambahan pula bilangan mereka adalah lebih ramai berbanding graduan IPTS.

NO. SOALAN : 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN I LISAN

DARI PAD A

:Y.B.
DATUKTIONG
THAIKING
[LANANG]

TARIKH JAWAPAN : 23JUN 2011 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR
menyatakan

- (a) adakah Kerajaan berancang untuk memperluaskan penggunaan tenaga solar yang mesra alam; dan
- (b) adakah Kerajaan berancang untuk memberi subsidi atau galakan kepada penggunanya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan pembangunan tenaga solar mula dilaksanakan di bawah Projek *Malaysia Building Integrated Photovoltaics* (MBIPV). Program ini dilaksanakan bagi menggalakkan penggunaan BIPV bagi menurunkan kos sistem fotovoltik di negara ini serta mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau. Sasaran yang telah ditetapkan di bawah program ini adalah sebanyak 1.5 MW kapasiti tenaga solar yang bersambung ke grid. Setakat 31 Mei 2011 jumlah kapasiti tenaga solar yang bersambung ke grid adalah sebanyak 2.5MW.

Program MBIPV ini telah pun tamat pada 31 Mei 2011 yang lalu dan kesinambungan bagi pembangunan tenaga solar akan diteruskan di bawah Mekanisme *Feed-in Tarif* (FiT) yang akan dilaksanakan melalui penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu 2010 yang telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 27 April 2011 yang lepas. Selain itu, inisiatif pembangunan tenaga solar juga telah dikenal pasti untuk dilaksanakan

melalui, dengan izin *Entry Point Project 10* (EPP-10) di

bawah *Economic Transformation Programme (ETP) / National Key Economic Areas (NKEA)*. Melalui pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini, adalah dijangkakan bahawa penjanaan elektrik daripada tenaga solar akan meningkat kepada 46 MW pada tahun 2012 dan seterusnya 1250 MW pada tahun 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan mekanisme FiT akan meningkatkan *viability* pelaksanaan projek-projek tenaga solar berskala kecil oleh pihak individu seperti pemilik/penyewa rumah kediaman mahupun berskala besar sehingga 30MW oleh entiti komersil. Ini memandangkan kadar tarif yang tetap iaitu dalam julat RM0.55-1.78/kWj untuk tempoh 21 tahun telah ditetapkan di bawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2010 mewujudkan suasana pelaburan yang selamat dan terjamin.

Selain itu, Kerajaan juga telah menyediakan kemudahan insentif fiskal seperti pengecualian duti import atau cukai juaian kepada *Third Party Distributors*, dengan izin, bagi peralatan sistem solar dimana ia akan membantu mengurangkan kos sistem PV secara langsung. Kerajaan juga akan melaksanakan

langkah-langkah bagi

mewujudkan teknologi solar tempatan bagi membantu mengurangkan kos penjanaan tenaga solar di negara ini di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu 2010.

Sehubungan itu, Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk memberi subsidi tambahan memandangkan kemudahan-kemudahan sedia ada adalah mencukupi buat masa ini bagi menarik minat semua pihak untuk menyertai pembangunan tenaga solar di negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERINTAHAN PERTANYAAN

PERTANYAAN	JAWAB LISAN DATO'
DARIPADA	NGEH KOO HAM 23 JUN
TARIKH	2011 (KHAMIS) NO. 14
SOALAN	

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan nama-nama semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam Negara kita. Nyatakan mana-mana antara institusi pengajian tinggi ini yang masih menggunakan sistem kuota berlandaskan kaum dalam pengambilan masuk penuntut-penuntutnya dan nyatakan kuota-kuota yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Mei 2011, terdapat 20 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan 460 institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Senarai penuh IPTA dan IPTS boleh diperolehi di laman web KPT melalui <http://www.portal.mohe.gov.my/portal/paae/portal/ExtPortal/IPT>.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA adalah berasaskan prinsip meritokrasi yang mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Dasar ini telah diguna pakai sejak sesi akademik 2002/2003 bagi menggantikan Dasar Pengambilan Mengikut Kuota Kaum yang diguna pakai sebelumnya. Memandangkan dasar pengambilan pelajar tidak lagi berasaskan kuota kaum, maka peratusan mengikut kaum yang berjaya ditawarkan tempat di IPTA adalah dinamik. Dengan pelaksanaan dasar meritokrasi, semua pemohon yang layak serta memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan tanpa mengambil kira kaum, agama dan jantina berpeluang mengikuti pengajian tinggi di IPTA,

SOALAN NO.: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Y.B. DAT UK HAJJAH NORAH BINTI
ABD. RAHMAN
DARI PADA : TANJUNG MANIS 23 JUN 2011
KAWASAN : (KHAMIS)
TARIKH : LISAN

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJJAH NORAH BINTI ABD. RAHMAN
(TANJUNG MANIS) minta MENTERI KERJA RAYA
menyatakan:-

- (a) Apakah polisi Kerajaan terhadap penggunaan atau aplikasi teknologi hijau bagi bangunan dan jalan raya di peringkat negeri memandangkan tidak semua negeri mempunyai Exco Teknologi Hijau; dan
- (b) Apakah polisi Kerajaan bagi peringkat Jabatan Kerja Raya CJKR) negeri, bagi aplikasi teknologi hijau untuk pembuatan jalan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahii Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara pada 24 Julai 2009. Dasar ini antara lain bertujuan untuk menyediakan hala tuju pengurusan alam sekitar yang mapan. Berikutan itu juga, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Teknologi Hijau yang dipengerusikan sendiri oleh Y.A.B. Perdana Menteri sebagai platform tertinggi yang berperanan untuk menyelaras isu-isu berkaitan pembangunan teknologi hijau di negara ini. Melalui inisiatif Kerajaan ini, penggunaan sumber-sumber tenaga yang tidak mencemarkan alam dan boleh diperbaharui akan diperluaskan lagi dalam pembangunan infrastruktur negara, seperti pembinaan bangunan dan juga jalan raya.

Sehubungan itu, Kerajaan telah memberikan galakan kepada sistem penarafan Green Building Index (GBI) yang dibangunkan oleh Pertubuhan Akitek Malaysia dan Persatuan Jurutera Perunding Malaysia, bertujuan memberi peluang kepada pemaju dan pemilik bangunan untuk mereka bentuk dan membina bangunan hijau yang mampu menjimatkan tenaga, air dan mesra alam. Di samping GBI, Kerajaan juga turut melancarkan garis panduan MSI 525 sebagai inisiatif terhadap penggunaan teknologi hijau dalam pembinaan bangunan pejabat Kerajaan dan bangunan-bangunan komersial. Manakala bagi menjimatkan

sumber air pula, Kerajaan baru-baru ini telah mewajibkan semua pemaju harta tanah untuk memasang Sistem

Pengumpulan Air Hujan (SPAH) sebelum pelan pembangunan mereka diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, berkuat kuasa mulai bulan September 2011.

Manakala garis panduan aplikasi hijau dalam pembinaan jalan raya pula dilaksanakan menerusi Pekeliling jawatankuasa Piawai dan Kos yang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Ciri-ciri teknologi hijau pembinaan jalan raya akan mengambil kira aspek pengurusan alam sekitar, akses dan keseimbangan alam semula jadi, aktiviti dan bahan-bahan pembinaan serta teknologi permukaan jalan (pavement). Dalam tempoh RMKe- 10 ini, program perintis teknologi hijau akan dilaksanakan melibatkan pembinaan beberapa projek jalan raya baru yang akan menggunakan sekurang-kurangnya 40% bahan binaan berdasarkan teknologi hijau. Ia termasuk program penggantian lampu-lampu jalan dari jenis konvensional kepada jenis LED yang terbukti mampu mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida kepada alam sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun tidak semua negeri mempunyai EXCO Teknologi Hijau, namun Kerajaan Persekutuan berharap supaya garis panduan dan alat penarafan teknologi hijau yang telah diamalkan ini dijadikan sebagai panduan dan rujukan oleh semua agensi pelaksana di peringkat negeri. Ini bagi memastikan penerapan aplikasi teknologi hijau dapat

diperluaskan pelaksanaannya di seluruh negara sebagaimana yang digariskan dalam Dasar Teknologi Hijau Negara.

Sekian. Terima kasih.

**DARI PADA : Y.B. DATUK CHUA SOON BUI
(TAWAU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2011

Y.B. DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) berapakah cukai penjualan dan perkhidmatan (5% lama, 6% baru) yang telah dikutip daripada pelbagai sektor perniagaan tersenarai dalam setiap negeri terutama Sabah, dan jumlah kutipan yang diperolehi setiap tahun sejak 2003; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan menggunakan pendapatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan bagi setiap negeri dari tahun 2003 hingga 2010 adalah sebanyak RM84 bilion iaitu cukai jualan sebanyak RM61 bilion dan cukai perkhidmatan sebanyak RM23 bilion. Bagi negeri Sabah, jumlah kutipan cukai jualan dari tahun 2003 hingga 2010 adalah sebanyak RM954 juta manakala jumlah kutipan cukai perkhidmatan dari tahun 2004 hingga 2010 adalah sebanyak RM565 juta.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, selaras dengan Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan, segala hasil dan wang yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah disatukan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Hasil yang dikumpulkan di bawah Kumpulan Wang Disatukan akan digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kerajaan yang telah diluluskan di Parlimen dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan demi manfaat kepada rakyat di seluruh negara.

**DARIPADA :Y.B. DATUK SERI HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH
(KALABAKAN)**

PERTANYAAN :LISAN

TARIKH :23.06.2011

**Y.B. DATUK SERI HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH [KALABAKAN] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-**

- (a) berapa banyakakah lesen perjudian yang telah diluluskan oleh Kerajaan untuk negeri Sabah; dan
- (b) apakah pihak berkuasa Kerajaan pernah meninjau aktiviti dan sumbangan kebajikan kelab-kelab ini dengan mengambil kira keuntungan yang dikaut melalui lesen judi yang mereka perolehi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN *faff*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) jumlah lesen perjudian yang diluluskan oleh Kerajaan untuk negeri Sabah adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Lesen	Nama Syarikat	Jumlah Lesen
(i)	Lesen Induk Syarikat Nombor Ramalan	Diriwan Corporation Sdn. Bhd.	1
		Sandakan Turf Club	1
(ii)	Lesen Ejen Syarikat Nombor Ramalan	Diriwan Corporation Sdn. Bhd.	40
		Sandakan Turf Club	40
		Sports Toto Malaysia Sdn. Bhd.	33
(iii)	Permit / Lesen Mengendalikan Mesin Gaming (Slot Machines)	Kelab Persatuan	23
		Kelab Syarikat	23
	Jumlah Keseluruhan		161

- (b) Kerajaan sentiasa menggalakkan kelab-kelab yang telah diberikan lesen dan permit untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat umumnya dan ahli-ahli kelab khususnya.

SOALAN NO: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH 23 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tindakan yang diambil ke atas TV3 yang didapati menayangkan iklan Hari Raya pada tahun 2010 tanpa permit FINAS.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa mengambil langkah-langkah tegas terhadap stesen-stesen TV dan radio swasta sekiranya kandungan yang disiarkan didapati bercanggah dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, syarat lesen atau mana-mana peruntukan undang-undang yang digunakan bagi industri penyiaran swasta di Malaysia.

SOALAN NO: 18

Untuk makluman, antara syarat-syarat lesen yang ditetapkan bagi kandungan siaran televisyen swasta adalah:-

1. Pihak stesen televisyen perlu memastikan semua kandungan yang pra-rakam termasuk iklan adalah ditapis dan mendapat kelulusan terdahulu dari Lembaga Penapisan Filem (LPF) sebelum ia boleh disiarkan di televisyen.
2. Pihak stesen televisyen dan radio swasta juga tidak boleh menyiarkan kandungan yang menyinggung sensitiviti agama, bangsa dan budaya mana-mana masyarakat di Malaysia.
3. Pihak stesen televisyen dan radio swasta tidak boleh menyiarkan apa-apa jua kandungan yang bertentangan dengan budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia mahupun kandungan yang tidak menyumbang kepada aspirasi nasional. Untuk tahun 2010 sehingga Mei 2011, sebanyak 1707 kes telah disiasat oleh SKMM. Ini meliputi kes berkaitan hakcipta, kewangan, phishing, kesalahan syariah, kandungan jelik dan kesalahan-keslahan di bawah Seksyen 233 dan 211 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Bagi portal, laman dan blog terbabit, SKMM telah mengambil tindakan kompaun, pertuduhan di mahkamah dan sekatan capaian.

Iklan Hari Raya Aidilfitri bertajuk ‘Sinari Lebaran’ yang disiarkan oleh stesen TV3 adalah disiarkan tanpa kelulusan terdahulu dari pihak LPF dan bukannya dari pihak FINAS. Oleh itu, perkara tersebut dengan jelas telah melanggar peruntukan syarat-syarat lesen yang ditetapkan. Selain itu, kandungan iklan tersebut juga telah menyinggung sensitiviti masyarakat Islam di Malaysia. Justeru, tindakan kompaun RM20 000

SOALAN NO: 18

telah dikenakan terhadap stesen penyiaran tersebut. Pihak Kementerian berharap semoga perkara ini diambil iktibar oleh stesen penyiaran yang lain.

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 JUN 2011 (KHAMIS)

DARIPADA : DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED
[SEPANG]

SOALAN

DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah pemberi pinjaman wang yang diberi lesen mengikut negeri dan apakah bentuk pemantauan terhadap mereka memandangkan terdapat dakwaan bahawa operasi syarikat terbabit sama seperti aktiviti yang dilakukan oleh golongan 'along'.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 2,613 Pemberi Pinjam Wang Yang Berlesen di Semenanjung Malaysia sehingga kini. pecahan Pemegang Lesen Mengikut Negeri adalah seperti berikut:

I ' \ eH [J L'	Λnvnii	
1	JOHOR	307
2	KEDAH	160
3	KELANTAN	18
4	MELAKA	109
5	NEGERI SEMBILAN	139
6	PAHANG	102
7	PERAK	288
8	PERLIS	14
9	PULAU PINANG	388
10	SELANGOR	609
11	TERENGGANU	24
12	WP KUALA LUMPUR	451
13	WP PUTRAJAYA	4

iH inwa^Mi Mi

Manakala Lesen Pemberi Pinjam Wang bagi Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dikeluarkan sendiri oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Bagi tahun 2010, bilangan lesen yang dikeluarkan di Sabah ialah 202, Sarawak 254 dan Wilayah Persekutuan Labuan 3.

Antara bentuk pengawasan yang dijalankan ke atas pemegang lesen ini adalah

- (i) menjalankan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis Pemberi Pinjam Wang Berlesen. Semakan akan dibuat ke atas buku lejar akaun, salinan perjanjian pinjaman, keadaan premis operasi dan kesahihan lesen. Melalui kaedah ini, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dapat mengenalpasti kesalahan yang cenderung dilakukan oleh pemegang lesen seterusnya dapat mengekang perlanggaran ke atas peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400],
- (ii) menjalankan penyiasatan ke atas aduan-aduan yang diterima berhubung salah laku pemberi pinjam wang seterusnya mengeluarkan notis kompaun atau menjalankan pendakwaan di mahkamah. Bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan penguatkuasaan, beberapa peruntukan kesalahan barn telah dimasukkan dalam Akta Pemberi Pinjam Wang (Pindaan) 2011 seperti larangan penggunaan ejen, perjanjian yang dibiarkan kosong dan jenis cagaran yang dibenarkan. Hukuman penalti bagi kesalahan melakukan gangguan serta ugutan terhadap peminjam turut dipertingkatkan.

Dalam hal ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KP KT) telah memastikan agar pemberi pinjam wang yang dilesenkan mematuhi sepenuhnya peruntukan undang-undang yang termaktub di dalam Akta 400. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KP KT) menyeru agar orang ramai yang mengetahui atau menjadi mangsa kepada pemberi pinjam

wang berlesen yang beroperasi seperti Ah Long agar dapat tampil membuat aduan kepada Kementerian.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

Soalan No : 20

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARI PADA Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)

TARIKH : **23.06.2011**

SOALAN:

Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan garis panduan yang menetapkan silibus sejarah negara untuk dijadikan teks bagi mengimbangi fakta dan sensitiviti dalam fakta itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Sejarah memang digubal berdasarkan kerangka dan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Namun hasrat yang perlu dimasukkan dalam matlamat dan objektif kurikulum tersebut adalah berpandukan kepada intipati (*the essence*) kepada disiplin Sejarah. Sementara ketepatan fakta dan sensitiviti dalam kandungan kurikulum Sejarah adalah ditentukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan pakar Sejarah serta sejarawan.

Rjm 84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA DATO' HENRY SUM AGONG
 [SARIKEI]
TARIKH 23 JUN 2011
SOALAN

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Klinik 1 Malaysia diwujudkan di kawasan Parlimen Lawas

Tuan Yang di-Pertua,

SOALAN NO : 21

Klinik 1 Malaysia merupakan ilham kerajaan untuk menyediakan prasarana kesihatan dengan tujuan utama memberikan perkhidmatan rawatan ringan kepada masyarakat bandar yang berpendapatan rendah. Klinik 1 Malaysia seharusnya dibina dalam kawasan perumahan dan mudah dicapai oleh penduduk setempat. Selain memudahkan rakyat mendapat rawatan, ia juga diharap dapat membantu mengurangkan beban pesakit di klinik kesihatan di kawasan bandar yang sedia ada.

|

Pada masa ini, Kementerian baru sahaja menerima cadangan permohonan untuk mewujudkan klinik 1 Malaysia dikawasana ini dari Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dan sedang mempertimbangkan permohonan tersebut. Selain dari itu, terdapat fasiliti lain yang turut menyediakan perkhidmatan kesihatan di kawasan ini seperti Klinik Kesihatan Sarikei, Klinik Desa Bayong dan Klinik Desa Sungai Rusa.

Bagi kawasan parlimen Lawas, kementerian belum bercadang untuk mewujudkan Klinik 1 Malaysia memandangkan sudah terdapat fasiliti kesihatan sedia ada iaitu Hospital Lawas dan Klinik Kesihatan Lawas yang dapat menampung keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk setempat di samping terdapat 3 buah klinik swasta di Lawas. Fasiliti kesihatan sedia ada dapat diakses dengan mudah oleh penduduk setempat dan dihubungi dengan jalanraya yang baik.

Walaubagaimanapun, bagi menambahbaik perkhidmatan yang sedia ada, pembinaan sebuah Klinik Kesihatan Lawas yang baru dengan perkhidmatan yang komprehensif adalah lebih sesuai dan ianya telah dimasukkan ke dalam *3rd rolling plan* Rancangan Malaysia Ke10 (RMK-10).

PEMBERITAHU PERTANYAAN
LJSAN

Y.B. TUAN NGA DEWAN RAKYAT, MALAYSIA **KOR** **MING**

23.06.11 (KHAMIS)

X0- PERTANYAAN

DARI PADA

TARIKH NO. **Y.B. TUAN NGA KOR MING minta MENTERI**

SOALAN **PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN**

INDUSTRI menyatakan secara terperinci jumlah hasil pendapatan Kerajaan dari dasar AP (Approved Permit) kereta dan jumlah bilangan serta nama penerima AP dalam tempoh 2005 hingga tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Baiet 2010 pada 23 Oktober 2009 menetapkan bahawa setiap unit AP yang dikeiuarkan ke atas svarikat-svarikat pemegang AP Terbuka dikenakan bayaran sebanyak RM10,000 bermula 1 Januari 2010.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Jun 2011,
hasii kutipan pembavarau AP Terbuka adalah sebanyak RM398.21
juta. Sebahagian hasil kutipan akan disalurkan kepada Dana
Automotif Bumiputera yang akan digunakan untuk melaksanakan
program-program di bawah Pelan Pembangunan Bumiputera.

Tuan Yang Dipertua,

Lesen Import (AP) bagi kenderaan dikategorikan kepada dua iaitu AP Terbuka dan AP Francais dan had bumbung bagi kedua-dua kategori adalah berdasarkan 10% daripada jumlah pengeluaran kenderaan (TIV) tahun sebelumnya.
Dasar semasa bagi AP Terbuka dan AP Francais adalah seperti berikut:

- (i) AP Terbuka (98 syarikat)

® Pemegang AP Terbuka dibenarkan mengimport semua jenis kereta baru dan terpakai dari mana-mana sumber di luar negara kecuali 20 jenama kereta baru yang dikenakan syarat sekatan import;

- had usia kenderaan terpakai yang dibenarkan import adalah 1 hingga 5 tahun; dan
- Kaiian Semula Dasar Automotif Nasional pada 28 Oktober 2009 menetapkan bahawa tiada peruntukan AP Terbuka dipertimbangkan kepada svarikat-svarikat baru.

(ii) AP Francais (24 syarikat)

- Pemegang AP Francais hanya dibenarkan mengimport kenderaan baru secara terus dari syarikat pengeluar di luar negara bagi ienama-ienama tertentu berdasarkan perjanjian Francais: dan

Kajian Semula Dasar Automotif Nasional pada
28 Oktober 2009 menetapkan hanya pengambilan alih
francais jenama sedia ada sahaja dibenarkan dan tiada
peruntukan AP Francais dipertimbangkan kepada
jenama-jenama baru.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh tahun
2005 sehingga 1 Jun 2011, jumlah Lesen Import (AP) kenderaan
(AP Terbuka dan AP Francais) yang telah dikeluarkan kepada
svarikat-svarikat pemegang AP adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah AP Keluar (unit)
2005	57,267
2006	38,545
2007	27,838
2008	40,886
2009	33,492
2010	53,659
2011 (sehingga 1 Jun 2011)	27,092

Soalan No : 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	Y.B. TUAN DING KUONG HUNG (SARIKEI)
TARIKH	23.06.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI] minta Menteri Pelajaran menyatakan usaha dan rancangan Kementerian mengatasi masalah kekurangan bilik darjah bagi sekolah-sekolah di kawasan bandar, Sarikei. Nyatakan juga status pembinaan sekolah baru seperti yang dirancang di dalam RMK10 di Sarikei.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Setakat ini semua sekolah rendah di Daerah Sarikei masih beroperasi secara satu sesi. Manakala sekolah menengah pula dari tiga buah, sebuah sekolah beroperasi secara dua sesi. Dari pemerhatian Jabatan, keperluan pembinaan tambahan bilik darjah bagi sekolah rendah tidak begitu kritikal. Walau bagaimanapun, usaha untuk menambah baik sekolah-sekolah yang sedia ada tetap diteruskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ke 10, sebuah sekolah menengah iaitu SMK Sarikei Baru telah diluluskan untuk Daerah Sarikei yang sekarang ini di peringkat rekabentuk dan penyediaan dokumen tender.

Rjm 81

NO. SOALAN: 24

FEMBER1TAHUN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA YB. DR. HAJI DZULKEFLY BIN
AHMAD
[KUALA SELANGOR]

TARIKH JAWAPAN : 23 JUN 2011 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan kedudukan projek Langat 2 yang bakal menelan belanja RM8.65 bilion bagi menampung kekurangan air di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya yang dikatakan akan menghadapi margin simpanan yang kritikal pada tahun 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kajian Sumber Air Negara bagi tahun 2000 hingga 2050 yang telah disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) telah memperakukan bahawa Skim Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor sebagai cadangan terbaik bagi memenuhi peningkatan permintaan bekalan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga tahun 2025. Skim penyaluran air mentah ini terbahagi kepada dua projek utama iaitu pelaksanaan Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor (PPAMPS) dan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan (LRAL2).

Di bawah Skim ini, air mentah yang disalurkan dari Sungai Semantan, Pahang melalui PPAMPS akan dirawat dan diagihkan oleh Projek LRAL2 di Hulu Langat, Selangor. Projek LRAL2 ini dilaksanakan melalui 2 fasa. Fasa 1 dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2014 dengan keupayaan membekalkan air terawat sebanyak

1,130 juta liter sehari. Pada masa ini, kerja-kerja bagi projek LRAL2 Fasa 1 dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam 23 pakej.

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 31 Mei 2011, kemajuan kerja sebenar keseluruhan Projek LRAL2 Fasa I ini adalah sebanyak 28.16% berbanding 36.32% yang dijadualkan. Projek ini telah mengalami kelewatan sebanyak 8.16% iaitu kira-kira 266 hari bekerja. Kelewatan ini adalah disebabkan penawaran tender bagi Pakej 2A untuk pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 Fasa I tertangguh. Begitu juga tender bagi kerja-kerja pembinaan Pakej 4A untuk Kolam Air Imbangan Bukit Enggang yang dijadualkan bermula pada 1 Disember 2010 masih belum dikeluarkan.

Pelaksanaan projek ini telah mengalami kelewatan disebabkan oleh penangguhan kelulusan daripada Kerajaan Negeri Selangor berhubung 3 perkara berikut:

- i. pengambilan balik tanah hak milik;
- ii. penggunaan tanah rizab hutan simpan; dan
- iii. kelulusan arahan pembangunan daripada Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT)

Kelewatan ini sesungguhnya telah menyebabkan kedudukan margin bekalan air di Lembah Klang khususnya dan seluruh negeri Selangor amnya meruncing dan akan menyebabkan krisis bekalan air pada tahun 2014.

a*****

SOALAN NO. 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LiSAN

DARI PADA YB PUAN TAN AH ENG (GELANG PAT AH)

TARIKH 23 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan menerusi pelbagai skim Kementerian di seluruh negara tahun ini termasuk bagi menggalakkan penerimaan (seperti ibu tunggal) dengan menjalankan perniagaan kecil-kecilan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin akan rakyat yang memerlukan bantuan bagi menampung perbelanjaan kehidupan sehari-hari.

Menerusi pelbagai skim bantuan di bawah Kementerian, sebanyak RM1.2 bilion telah dibelanjakan sepanjang tahun 2010 yang memberi manfaat kepada 424,526 orang penerima. Jumlah peruntukan bantuan kebajikan yang telah dibelanjakan mengikut skim bantuan adalah seperti berikut:

BIL	SKIM BANTUAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1.	Bantuan Kanak-kanak (BKK)	290 juta
2.	Bantuan Orang Tua (BOT)	422 juta
3.	Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik/ Oku Terlantar (BPT)	81 juta
4.	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	22 juta
5.	Elaun Pekerja Cacat (EPC)	146 juta
6.	Bantuan Anak Pelihara	526 ribu
7.	Bantuan Am	223 juta
8.	LAIN-LAIN - Geran Pelancaran - Bencana - Alat tiruan - Latihan Apperantis	1.5 juta 4.6 juta 2 juta 173 ribu

Kerajaan mengambil inisiatif dalam meningkatkan taraf hidup penerima bantuan Jabatan agar dapat keluar daripada keadaan miskin tegar dan mempunyai kehidupan

yang lebih selesa. Pelbagai usaha telah dilakukan seperti, dengan izin, '*productive welfare*' dan Program 1 Azam yang mana menggalakkan penerima bantuan terutama golongan ibu tunggal melibatkan diri dalam bidang perniagaan kecil-kecilan.

Golongan ibu tunggal ini akan dibantu melalui projek '*productive welfare*' dengan pemberian Geran Pelancaran sebagai modal permulaan bagi memulakan perniagaan mereka. Geran Pelancaran ini berbentuk pemberian sekaligus sebanyak RM2.700 atau di dalam bentuk peralatan yang setara dengan jumlah geran.

Melalui Program 1 Azam pula, Kerajaan memberi peluang kepada penerima bantuan termasuk ibu-ibu tunggal ini menceburkan diri dalam Azam Niaga iaitu penglibatan dalam menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di mana sebanyak RM140 juta telah disalurkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) pada tahun 2010. Penglibatan mereka dalam bidang perniagaan secara kecil-kecilan diyakini dapat mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan.

SOALAN NO:

26 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PADA: Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.

SANTIAGO

TARIKH: 23 JUN

2011

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan persediaan Kerajaan untuk declassify dokumen-dokumen termasuk laporan pakar-refer Bank Dunia berkait dengan pembentukan Majlis Konsultansi Gaji Minimum untuk semakan stakeholders. Apakah status pembentukan Majlis tersebut pada masa kini.

PR-1242-L44664

JAWAPAN:

Tuan yang di-Pertua,

1. Dokumen-dokumen termasuk laporan pakar rujuk Bank Dunia berkait dengan pembentukan Majlis Perundingan Gaji Negara tidak sesuai dibuka kepada tatapan umum pada masa ini memandangkan ia masih di peringkat cadangan. Membuka dokumen tersebut untuk

tatapan umum boleh mengundang kekeliruan di kalangan masyarakat. Justeru, KSM tidak bercadang *declassify* dokumen-dokumen tersebut.

2. Berhubung dengan status pembentukan Majlis Perundingan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia akan membentang Rang Undang-Undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (RUU MPGN) di Mesyuarat Kedua, Penggal Ke Empat, Parlimen Kedua Belas, yang sedang berlangsung sekarang. Setelah RUU MPGN ini diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Majlis Perundingan Gaji Negara akan ditubuhkan sebagai platform utama dalam deliberasi dan penetapan upah termasuk menentukan kadar gaji minimum dan mekanisme pelaksanaannya.
3. Majlis Perundingan Gaji Negara akan berperanan membuat perakuan / syor gaji minimum dan seterusnya akan mengangkat syor tersebut kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan kelulusan. Dalam hal ini, polisi gaji minimum boleh dilaksanakan setelah semua proses dan persediaan diselesaikan, yang dijadualkan penghujung tahun ini.
3. Berhubung dengan kadar gaji minimum, buat masa ini ia masih diperhalusi dari pelbagai aspek seperti inflasi, produktiviti, kadar pengangguran, pertumbuhan KDNK dan sebagainya. KSM telah melantik Bank Dunia untuk menjalankan satu kajian mengenai gaji minimum dan dijangka Kementerian menerima laporan Bank Dunia pada akhir bulan Julai 2011.

**PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING 23
TARIKH JUN 2011 (KHAMIS)
SOALAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
NO. 27**

Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah pihak Kementerian akan meluluskan permohonan IPTA bertaraf kolej untuk dinaikkan taraf ke Kolej Universiti dan apakah kriteria asas yang perlu dipenuhi sebelum ditimbang untuk kelulusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Pengajian Tinggi tidak mempunyai perancangan untuk menaik taraf sebuah IPTA bertaraf kolej kepada kolej universiti. Penubuhan sesebuah IPTA memerlukan pertimbangan yang serius dan perlu sesuai dengan kepentingan strategik negara dan keupayaan kewangan Kerajaan. Pada masa ini, terdapat 20 buah universiti awam di seluruh negara dan tiada IPTA bertaraf kolej universiti. Kementerian berpandangan bahawa jumlah IPTA yang sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara dan fokus Kementerian sekarang ialah untuk memperkasakan universiti awam tempatan. Kriteria penubuhan

atau naik taraf hanya akan diwujudkan jika terdapat keperluan berkaitan perkara tersebut.

Soalan No : 28

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN**
PERTANYAAN RAKYAT LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
(KUALA KEDAH)
TARIKH 23.06.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH] minta Menteri Pelajaran mena takan mengenai peratus dan jumlah pelajar yang mengikuti aliran sains dan sastera terkini di seluruh negara. Apakah dasar Kementerian dalam menawarkan bidang sains atau sastera mengikut kemampuan seseorang pelajar atau faktor ekonomi dan pekerjaan dalam pembangunan negara. Berikan juga maklumat pencapaian pelajar mengikut bidang ini dalam peperiksaan SPM dan STPM.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2000, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan dasar yang penjurusan murid lebih kepada aliran sains berbanding dengan sastera. Dasar baru ini dikenali sebagai dasar 60:40. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh sebelas tahun pelaksanaan dasar ini dilakukan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mendapati bahawa penyertaan murid dalam bidang sains telah meningkat. Pengwujudan sekolah menengah sains juga antara usaha untuk membantu meningkatkan penyertaan murid dalam aliran sains.

Di samping itu, data murid yang mengikuti aliran sains di sekolah menengah harian juga menunjukkan peningkatan. Sehingga kini peratusan murid yang

mengikuti aliran sains di sekolah menengah harian bagi Tingkatan 4 adalah 45.1% manakala Tingkatan 5 adalah 44.6%. Pada masa kini, KPM sedang menyediakan kertas penilaian pencapaian dasar berkenaan yang bertujuan untuk melihat langkah dan inisiatif yang boleh diambil bagi tujuan penambahbaikan pelaksanaan dasar ini.

KPM mengharapkan dengan penetapan dasar 60:40, iaitu 60 peratus murid-murid mengikuti aliran sains dan 40 peratus mengikuti aliran sastera ini dapat melahirkan ahli sains, teknokrat dan profesional yang dapat memenuhi aspirasi dan tuntutan agama, bangsa dan negara. Selain daripada itu, ia juga sebagai persediaan menuju ke arah negara maju, dasar ini diyakini dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara pada masa hadapan.

PERTANYAAN LiSAN **SOALAN:29**
DARIPADA DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
TARIKH PEMERITAHAN PERTANYAAN
23.05.2014 (KHAMIS)
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [SEKIJANG] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan mengapakah kenaikan harga barang khususnya barang makanan selalunya dikaitkan dengan harga minyak (petrol) tetapi apabila minyak turun barang tersebut tidak mengikut turun.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sepertimana ahli dewan sedia maklum, kos pengeluaran sesuatu produk termasuk produk makanan dipengaruhi oleh kos input dimana kos pengangkutan merupakan salah satu komponen dalam kos input tersebut. Sekiranya harga minyak meningkat, secara langsung kos input turut meningkat dan menyebabkan kenaikan harga barang.

Permintaan dan penawaran ke atas barang merupakan unsur utama dalam penentuan harga sesuatu barang dipasaran. Kos input yang mempengaruhi harga

barang termasuklah harga bahan mentah, kos lain pengangkutan, sewa bangunan, upah/gaji pekerja, bayaran levi, utiliti dan sebagainya. Kenaikan harga bahan api bukanlah merupakan faktor utama kenaikan harga barang kerana kenaikan tersebut adalah minimum dan sewajarnya tidak diambil kesempatan oleh peniaga.

Selain itu, sikap peniaga yang tidak bertanggungjawab serta mementingkan keuntungan semata-mata dan suka mengambil kesempatan adalah merupakan sebab utama kenapa harga barang makanan tidak turun walaupun kos pengeluaran telah menurun.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA TUAN HEE LOY SIAN

[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH 23 JUN 2011 (RABU)

SOALAN

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan**

- (a) bagaimana tindakan Kerajaan untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam indeks kebebasan media yang jatuh 2 tempat

SOALAN NO: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

berbanding tahun lalu dengan mencatat kedudukan 143 tahun ini.;

dan

- (b) bagaimana Kerajaan menjamin kebebasan media termasuk media alternatif dengan pengumuman penubuhan Majlis Perundingan Media Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kajian ‘*Press Freedom Index*’ adalah berdasarkan kepada nilai-nilai kebebasan akhbar yang wujud dan ianya adalah amat berbeza jika dibandingkan nilai kebebasan media antara satu negara dengan yang lain. Nilai kebebasan media di Malaysia adalah bersesuaian dengan peraturan serta perundangan yang diamalkan di negara ini dan sosiobudaya rakyatnya.

Persepsi pihak-pihak luaran berbeda-beda dari semasa ke semasa. Indeks yang Yang Berhormat sebutkan itu adalah dalam pemerhatian Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian ini.

Sebagai bukti bahawa sifat liberal dan pematuhan hak-hak asasi bersuara terlaksana dengan baik, semua parti pembangkang di Malaysia bebas menerbitkan akhbar masing-masing. Pengguna internet melebihi 17 juta orang di negara ini dan pengguna *Facebook* adalah yang paling ramai di negara ini mengikut nisbah pengguna dan bilangan penduduk.

Ini semua mencerminkan tahap kebebasan bersuara di negara ini

SOALAN NO: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI

KESIHATAN MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED

[SEKIJANG]

TARIKH 23 JUN 2011

SOALAN

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sejauh mana Kementerian boleh bertindak terhadap pihak-pihak yang sengaja menjual makanan yang telah luput tarikhnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa menjalankan pemantauan dan aktiviti penguatkuasaan ke atas penjualan produk-produk makanan yang telah luput tarikh tetapi masih dijual di pasaran.

Pengawalan terhadap penjualan makanan yang telah luput tarikh oleh KKM adalah tertakluk di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Dalam hal ini, Peraturan 14 (9) (a) Peraturan-Peraturan Makanan 1985 jelas menyatakan bahawa tanda tarikh pada apa-apa bungkusan tidak boleh dipinda atau diubah dan Peraturan 14 (9) (b) pula menyatakan tidak dibenarkan untuk menjual atau mengimport makanan yang telah luput tarikh. Sekiranya disabitkan kesalahan seseorang boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit (RM5000) atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun(2 Tahun).

Pada tahun 2010, melalui aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan di seluruh negara, sebanyak 29,382 rampasan yang bernilai RM3,152,130.77 telah dibuat terhadap produk makanan yang didapati meyalahi perundangan yang ditetapkan termasuk menjual

produk makanan yang telah luput tarikh. Manakala, pada tahun 2009 sejumlah 34,917 rampasan telah dilakukan dengan nilai rampasan sebanyak RM4,371,483.43.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan pengguna termasuk perbuatan mengitar semula barang makanan yang telah luput tempoh. Oleh itu, KKM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap sebarang kesalahan termasuk perbuatan mengitar semula dan menjual kembali barang makanan yang telah luput tarikh berdasarkan perundangan yang telah ditetapkan .

Selain itu, KKM juga sentiasa berusaha meningkatkan kesedaran pengguna terhadap keselamatan makanan melalui kempen, ceramah, pamphlet, promosi dan lain-lain.

Jika pengguna mendapati bahawa terdapat produk makanan yang telah luput tarikh tetapi masih dijual dan terdapat perbuatan mengitar semula dan menjual kembali barang makanan yang telah luput tarikh dikesan, pengguna boleh membuat laporan kepada KKM melalui Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman web <http://fsq.moh.gov.my>.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN
PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL
KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Dato' Rashid bin Din [Merbok]
Tarikh Menjawab	23 Jun 2011 (Khamis)
Soalan	No. 32

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan jumlah pendapatan purata yang diperolehi oleh pekebun-pekebun kecil getah ekoran kenaikan harga, daripada peningkatan pengeluaran getah semakin meningkat terutamanya di Sabah dan Sarawak sehingga tahun 2010.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Purata pendapatan pekebun kecil individu telah meningkat daripada RM1,440 sebulan pada tahun 2009 kepada melebihi RM2,500 sebulan pada tahun 2010. Peningkatan pendapatan ini selaras dengan kenaikan purata harga getah *Standard Malaysian Rubber* (SMR 20) daripada RM6.80 sekilogram pada tahun 2009 kepada RM10.58 sekilogram pada tahun 2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kawasan tanaman getah oleh pekebun kecil di Sabah dan Sarawak telah meningkat daripada 222,320 hektar pada tahun 2005 ke 253,690 hektar pada tahun 2010. Disamping itu, bilangan pekebun kecil yang terlibat dalam mengusahakan tanaman getah juga telah meningkat ke 135,600 orang.

NO. SOALAN: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
	[KOTA BELUD]
TARIKH	23 JUN2011 (KHAMIS)
SOALAN	

Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN [Kota Belud] minta PERDANA MENTERI menyatakan kekangan-kekangan yang dihadapi oleh Petronas untuk memberi projek-projek minyak dan gas kepada syarikat-syarikat berdaftar dari Sabah. Apakah usaha Petronas untuk membantu dan mendidik syarikat-syarikat ini untuk berjaya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cabaran utama yang dihadapi PETRONAS dalam menawarkan kontrak-kontrak bagi projek minyak dan gas kepada syarikat-syarikat berdaftar dari Sabah adalah untuk memastikan syarikat-syarikat berkenaan berkemampuan untuk melaksanakan bidang-bidang kerja yang kompleks dan berteknologi tinggi serta kompetitif dan memenuhi ketetapan kualiti, jadual dan kos.

PETRONAS telah berusaha membantu membangunkan syarikat-syarikat Sabah untuk melibatkan diri dalam industri minyak dan gas, termasuk:

- i) melaksanakan program-program khas untuk membangunkan usahawan- usahawan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

Bumiputera, seperti Program Pembangunan Usahawan, untuk

menjadikan syarikat-syarikat terbabit sebagai usahawan berdaya tahan dan kompetitif di dalam bidang-bidang berkaitan teknologi sederhana dan tinggi untuk penghasilan produk dan juga pembekalan perkhidmatan.

PETRONAS juga telah menjalankan sesi perbincangan dan dialog dengan syarikat-syarikat tempatan negeri mengenai peluang-peluang perniagaan dalam industri minyak dan gas negara melalui pertemuan dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Sabah dan Persatuan Kontraktor Minyak dan Gas Sabah (SOGCA).

PETRONAS melalui projek-projek mega menggalakkan usahasama-usahasama di antara syarikat-syarikat Sabah dengan syarikat-syarikat global dan terkemuka untuk meningkatkan daya kemampuan syarikat-syarikat Sabah dalam industri minyak dan gas. Projek *Sabah-Sarawak Gas Pipeline (SSGP)* sebagai contoh, sedang dijalankan oleh Konsortium Punj Loyd Ltd, Punj Loyd Oil & Gas (M) Sdn Bhd, Dialog E&C Sdn Bhd dan Petrosab Logistik Sdn Bhd, di mana Petrosab adalah anak syarikat Yayasan Sabah.

PETRONAS melalui anak syarikatnya, PETRONAS Dagangan Berhad (PDB), memberi keutamaan kepada syarikat tempatan Sabah untuk membekal dan memberi perkhidmatan dalam bidang-bidang kerja, termasuk:

- (a) Stokis dan pembekal untuk silinder LPG
- (b) Pembekal dan penjual produk PDB seperti minyak pelincir
- (c) Pengusaha stesen minyak PETRONAS
- (d) Kerja-kerja penyelenggaraan untuk stesen gas dan depot.

NO SOALAN :4g %

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
(SEPANGGAR)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 23.06.2011

Y.B. DATUK ENCHIN BIN MAJIMBUN [SEPANGGAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah nilai dan bilangan lot rumah serta jangka masa rumah-rumah yang dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dapat disiapkan di Kionsom Inanam, Rampayan Menggatal dalam kawasan Sepanggar. Apakah kesulitan pelaksanaan projek seumpama ini di Rampayan Menggatal yang dihentikan sejak pertengahan tahun lalu dan perkembangan satu lagi projek sama di Dambai Inanam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek Vista Pinggiran Inanam merupakan projek Rumah Mampu Milik yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di Kionsom Inanam, Rampayan Menggatal berkeluasan 61 ekar dan mempunyai 2,376 unit. Supernesa Sdn Bhd (SSB) telah dilantik sebagai kontraktor bagi projek ini pada 12 Oktober 2005. Walau bagaimanapun, notis penamatkan kontrak telah dikeluarkan pada 20 Januari 2009 disebabkan oleh kegagalan SSB memenuhi spesifikasi projek yang telah ditetapkan seperti tidak menyediakan kemudahan infrastruktur (jalan raya).

2. Projek perumahan ini merupakan projek *design and build* dan SPNB

telahpun membayar kos tanah kepada SSB untuk dibayar kepada pemilik asal tanah. Namun begitu, SSB tidak membuat bayaran tersebut yang menyebabkan pemilik asal tanah telah melakukan *kaveat*/halangan untuk melaksanakan pembinaan ke atas tanah tersebut. Berikutan itu, pihak SPNB telah menghantar notis tuntutan untuk mendapatkan semula kesemua kos tanah daripada SSB. Sehingga kini isu tanah masih di dalam proses perbicaraan mahkamah yang menyebabkan pelaksanaan projek terpaksa diberhentikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek di Dambai Inanam tidak dilaksanakan oleh SPNB.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]**

TARIKH 23 JUN 2011

SOALAN

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- a) peruntukan yang diagihkan untuk sektor psikiatri dan jumlah subsidi daripada Kerajaan untuk tahun ini; dan
- b) jumlah pesakit psikiatri di negara ini mengikut tahun sejak 2007.

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan yang diagihkan bagi tahun 2011 untuk perkhidmatan psikiatri bagi rawatan pesakit mental di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah

SOALAN NO : 36

sebanyak

RM56,100,000.00. Selain peruntukan untuk rawatan, KKM turut memberi bantuan kewangan bagi aktiviti promosi dan pencegahan di mana Lembaga Promosi Kesihatan ada menyalurkan kewangan dalam bentuk geran kepada badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (*NGO*) untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental. Sepanjang 2011 (hingga Jun 2011), sejumlah RM294.600 telah disalurkan kepada pertubuhan bukan kerajaan bagi melaksanakan aktiviti promosi kesihatan mental. Bagi tahun ini juga, Kementerian Kesihatan juga akan memperuntukkan RM500.000 bagi tujuan penerbitan bahan-bahan pendidikan kesihatan mental untuk disebarluaskan kepada masyarakat.

Data yang dikumpulkan oleh KKM di kalangan pesakit mental yang telah mendapatkan rawatan psikiatri di hospital-hospital KKM adalah didapati kes-kes ini meliputi *organic mental disorder, mental and behavioural disorders due to substance abuse, schizophrenia, mood disorder, neurotic, stress related and somatoform disorders* serta *mental retardation*. Dari tahun 2007 sehingga 2010 sejumlah 105,941 kes gangguan mental dan tingkah laku telah menerima rawatan dari institusi - institusi mental dan hospital-hospital di seluruh negara. Ini merupakan 1.3% dari jumlah kemasukan kes ke hospital. Majoriti kes melibatkan kumpulan umur reproduktif di mana peratusan kes menerima rawatan yang paling tinggi adalah dari kumpulan umur 25 - 34 tahun yang menyumbang kepada 30% dan ini diikuti oleh kumpulan umur 35 - 44 tahun iaitu 21.8%. Kes gangguan mental dan tingkah laku yang menerima rawatan adalah lebih tinggi di kalangan lelaki iaitu sebanyak 65% berbanding wanita yang menyumbang kepada 35% daripada jumlah keseluruhan kes. Dari keseluruhan kes menerima rawatan, 70% merupakan kes *schizophrenia*, diikuti dengan gangguan mood termasuk kemurungan (12%), gangguan mental akibat penyalahgunaan substans (7%), dan masalah neurosis (5%). Selebihnya adalah masalah organik dan *mental retardation*.

DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTIANWAR

NO SOALAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

(LEMBAH PANTAI)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2011

**Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-**

- (a) jumlah sumbangan Petronas kepada tabung Kumpulan Wang Amanah Nasional (KWAN), status penggunaan dan baki terkini; dan
- (b) adakah Kerajaan bersedia menetapkan 30% keuntungan tahunan Petronas dimasukkan ke dalam sebuah tabung pendidikan kebangsaan untuk pemberian biasiswa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) telah ditubuhkan untuk memastikan penggunaan optimum hasil sumber-sumber asli negara yang merosot supaya dapat memberikan sumber pendapatan yang berterusan dan stabil demi faedah generasi akan datang. Pengurusan dan pentadbiran hal ehwal KWAN ini dipertanggungjawabkan ke atas Bank Negara Malaysia yang memastikan dana KWAN dilaburkan dengan wajar manakala operasi kumpulan wang ini diselia oleh Panel KWAN. Sehingga

Jun 2011, jumlah sumbangan PETRONAS kepada KWAN adalah sebanyak RM3.0 bilion. Dana ini adalah aktif dan ia dilaburkan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Saiz dana KWAN kini berjumlah RM5.43 bilion.

Semenjak penubuhan sehingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011, PETRONAS telah membuat pembayaran sebanyak RM594.6 bilion dalam bentuk dividen, cukai, duti eksport dan perolehan petroleum kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan negeri di mana sejumlah RM65.7 bilion adalah pembayaran bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011.

Kerajaan pada masa ini telah menyediakan dana-dana bagi tujuan pendidikan negara di bawah agensi tertentu seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), MARA dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Pemberian biasiswa/pinjaman adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang menubuhkan tabung pendidikan baru seperti tabung pendidikan kebangsaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

JAWAB LISAN

PERTANYAAN

DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI

DARIPADA

ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR

[JERANTUT]

TARIKH

KHAMIS, 23 JUN 2011

SOALAN [59]

YB Dato' Seri Tengku Azlan Ibni

Almarhum Sultan Abu Bakar

[Jerantut] minta MENTERI LUAR

NEGERI menyatakan apakah
pendirian Malaysia tentang
pencerobohan pihak luar terhadap
sesebuah negara yang berdaulat.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Jerantut di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Malaysia berpegang teguh kepada pendirian bahawa kedaulatan sesebuah negara mestilah dihormati dan dipertahankan. Pendirian Malaysia adalah selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa dan peruntukkan-peruntukkan di bawah Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Piagam PBB).

3. Pendirian Malaysia ini secara khususnya adalah selaras dengan Artikel 2(4) Piagam PBB iaitu semua Negara-Negara Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu mengelak daripada menggunakan elemen-elemen ugutan atau kekerasan (*threat or use of force*) dalam mengendalikan perihal hubungan antarabangsa mereka. Artikel 2(3) Piagam PBB pula memperuntukkan bahawa Negara-Negara Anggota PBB perlu menyelesaikan sebarang pertelingkahan secara aman (*peaceful means*) agar tidak menggugat keadilan, keamanan dan keselamatan antarabangsa.

4. Artikel 2(7) Piagam PBB secara amnya pula tidak membenarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk campur tangan dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara.
5. Walau bagaimanapun, larangan untuk tidak campur tangan dalam hal ehwal domestik sesebuah negara ini tidak akan memprejudiskan langkah-langkah penguatkuasaan Majlis Keselamatan di bawah Bab 7 Piagam PBB apabila terdapat situasi-situasi yang mengancam keselamatan antarabangsa.
6. Oleh yang demikian, sebarang pencabulan atau pencerobohan pihak luar terhadap kedaulatan negara hendaklah dirujuk kepada Majlis Keselamatan PBB agar tindakan-tindakan yang diperuntukkan di bawah Bab 7 Piagam Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu boleh diambil.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	PEMBERITA
	HUAN
	PERTANYAA
	N KEMANG]
TARIKH	DEWAN
	RAKYAT
	23 JUN 2011 (Khamis)
SOALAN	38

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah tanggungan Kerajaan kos tambahan bagi Pakej Infrastruktur Projek Landasan Berkembar Elektrik antara Rawang dan Ipoh yang kini jumlah kerugiannya melebihi RM1.5 bilion daripada kos asal RM4.34 bilion

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua, Projek Landasan Berkembar Elektrik Rawang - Ipoh telah pun siap sepenuhnya pada tahun 2009 selepas diambil alih oleh kontraktor penyelamat iaitu UEMC Berhad dan perkhidmatan kontraktor asal DRB Hicom ditamatkan. Berikut dari kelewatan projek yang sepatutnya siap pada tahun 2007 dan beberapa pertikaian tuntutan perubahan kerja serta masalah pengambilan tanah/tapak, kos asal projek telah meningkat sebanyak RM1.612

bilion lebih tinggi daripada nilai kontrak asal projek yang berjumlah RM4.34 bilion. Pertambahan kos sebanyak RM1.612 bilion ini adalah disebabkan kos-kos dan bayaran seperti berikut:

a) Perlantikan UEMC	RM772.05juta
b) Perlantikan Perunding Ukur Bahan Bebas	RM 3.69 juta
c) Lanjutan Perkhidmatan PMC	RM 74.93 juta
d) Loss & Expense Mitsui-MTS	RM 336.49 juta
e) Amicable Settlement DRB-Hicom	RM 425.00 juta
Jumlah RM 1,612.16 juta	

Bayaran *amicable settlement* berjumlah RM425.0 juta telah dipersetujui bersama untuk membolehkan Kementerian Pengangkutan membayar terus kepada kepada subkontraktor/perunding DRB Hicom yang telah menjalankan kerja mereka dalam kontrak asal berbanding dengan tuntutan kos tambahan/gantirugi DRB-Hicom sebanyak RM740.0 juta.

SOALAN NO: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK AARON AGO ANAK DAGANG

[KANOWIT]

TARIKH **23 JUN 2011**

SOALAN

Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan peratusan kawasan pedalaman di Sarawak yang belum lagi mendapat liputan (*coverage*) telefon. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi menpercepatkan perkhidmatan telekomunikasi ke kawasan-kawasan pedalaman yang belum ada jalan lain untuk berhubung dengan dunia luar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada ketika ini, kadar liputan populasi selular di negeri Sarawak telah mencapai 83.98%.

Selaras dengan permintaan dan kehendak masyarakat semasa, Kerajaan pada ketika ini menumpukan usaha peluasan liputan teknologi

SOALAN NO: 18

selular untuk kemudahan rakyat. Di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP), sebanyak 203 menara telah dirancang di bawah projek yang dikenali sebagai Time 3 untuk menyediakan perkhidmatan selular bagi kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman yang masih belum menerima liputan.

Menara-menara ini dijangka siap dan beroperasi menjelang akhir tahun 2012.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 23 JUN 2011

SOALAN

Y.B. Tuan Lim Guan Eng Bagan minta PERDANA MENTERI menyatakan kriteria yang digunakan oleh Kementerian berhubung keputusan pembidaan pemilikan Pelabuhan Pulau Pinang kepada Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary. Berapakah jumlah bidaan dan jaminan pulangan keuntungan oleh syarikat-syarikat lain termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Penang Port Sdn Bhd (PPSB) adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan pada 7 Disember 1993 untuk mengendalikan aktiviti Pelabuhan Pulau Pinang. PPSB dikenal pasti sebagai syarikat yang berpotensi untuk diswastakan dalam gelombang kedua penswastaan.

2. Sehingga kini, Kerajaan masih belum memutuskan untuk menjual ekuitinya dalam PPSB kepada mana-mana pihak kerana masih sedang menyemak beberapa kertas cadangan penswastaan daripada pelabur asing dan tempatan. Antara isu-isu yang dipertimbangkan dalam penswastaan PPSB adalah pulangan yang baik kepada Kerajaan, kepentingan Kerajaan menerusi perkhidmatan strategik negara dapat terus dipelihara dan pemulihan prestasi kewangan PPSB supaya dapat bersaing sebagai salah satu pengendali perkapalan

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

yang terbesar di Utara Semenanjung Malaysia.

No. Soalan :
PR-1242-
L43367

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
BAGI JAWAB
LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA

**YB DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE
[SETIU]**

TARIKH 23 JUN 2011

SOALAN **YB Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang 'dilarikan' ke Lombok, Indonesia oleh warganegara berkenaan dalam tempoh lima tahun lalu dan berapa ramai pula yang telah berjaya dibawa pulang serta apakah usaha- usaha**

Kerajaan bagi memastikan isu ini tidak terus berpanjangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Setiu di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Mengikut statistik yang diterima oleh Kementerian Luar Negeri, bagi tempoh lima tahun kebelakangan, terdapat tigabelas (13) kes warganegara Malaysia yang telah dilarikan ke Lombok, Republik Indonesia.

3. Daripada jumlah tersebut seramai sembilan (9) orang telah berjaya dibawa pulang ke tanah air. Seramai tiga (3) orang tidak dapat dikesan. Manakala seorang lagi tidak diizinkan oleh suaminya untuk kembali ke Malaysia.

4. Kedutaan Besar Malaysia di Republik Indonesia telah menjalankan usaha yang sewajarnya dengan menghantar Nota Diplomatik kepada Kementerian Luar Negeri Republik Indonesia serta surat kepada Ketua Polis Daerah Mataram bagi membantu mengesan gadis-gadis tersebut.

Sekian, terima kasih.

DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE

(PETALING JAYA UTARA)

NO SOALAN

PERTANYAAN : **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**
TARIKH : **23.06.2011**

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan

- (a) impak pengurangan subsidi makanan, petrol, diesel, gas dan lain-lain barang asas kepada golongan masyarakat berpendapatan 40% terendah sejakjanuari 2010; dan
- (b) langkah-langkah mitigation yang akan atau telah dilaksanakan untuk membantu golongan tersebut yang menghadapi kenaikan kos kehidupan yang mendadak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM23.7 bilion atau 14.6% daripada perbelanjaan mengurus bagi jumlah keseluruhan subsidi untuk tahun 2011. Pecahan terperinci perbelanjaan tahunan subsidi mulai tahun 1999 hingga 2011 adalah seperti berikut {sila lihat **Lampiran 1**).

Kenaikan harga komoditi utama dunia termasuk minyak mentah dan minyak sawit mempunyai kesan kepada kedudukan kewangan Kerajaan

Persekutuan berikut ia merupakan antara komponen terbesar dalam perbelanjaan subsidi. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengapungkan secara terkawal harga runcit petrol RON97 supaya ia selaras dengan harga minyak mentah di pasaran dunia. Selain itu, untuk mengekalkan harga runcit RON95, Kerajaan juga terpaksa menambah peruntukan bagi subsidi petroleum, diesel dan LPG sebanyak RM5.6 bilion daripada RM10.3 bilion kepada RM15.9 bilion bagi tahun 2011. Peruntukan bagi subsidi minyak masak di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak juga ditambah sebanyak RM700 juta daripada RM928 juta kepada RM1.6 bilion bagi tahun 2011.

Pada bulan Mei 2011, subsidi gula telah dikurangkan 20 sen yang dijangka memberi penjimatan sebanyak RM117 juta. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih lagi menanggung subsidi gula sebanyak RM283 juta. Selain itu, pemansuhan diesel super subsidi bagi pengangkutan darat tertentu seperti penggerak utama (*prime mover*), kargo am dan teksi limosin serta nelayan laut dalam (zon C2) mulai 1 Jun 2011 dijangka menghasilkan penjimatan sebanyak RM712 juta.

Langkah rasionalisasi subsidi adalah perlu dalam usaha untuk memastikan peruntukan sumber yang lebih cekap, mengurangkan herotan pasaran dan aktiviti penyeludupan serta meringankan beban fiskal Kerajaan. Subsidi ke atas barang dan perkhidmatan mendorong penggunaan secara berlebihan. Malahan, industri tidak mempunyai dorongan untuk menambah baik dan mempertingkatkan produktiviti memandangkan kos input diberi subsidi. Kesan subsidi yang tidak diingini telah menjurus kepada peruntukan sumber yang tidak optimal, memberi kesan ke atas kecekapan pasaran dan persaingan serta membataskan potensi pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang. Sehubungan itu, apabila subsidi tidak menepati kumpulan sasaran, sejumlah besar dana awam tidak dapat disalurkan kepada program yang memberi faedah kepada rakyat. Rasionalisasi subsidi ini akan dilaksanakan secara teliti dan beransur-ansur agar ia memberi kesan yang minimum kepada pengguna dan perniagaan serta mengekang tekanan inflasi.

Kerajaan telah mengambil pelbagai usaha untuk membantu golongan yang mudah terjejas bagi mengurangkan beban kenaikan harga barang.

Antara langkah yang diambil termasuk:

Meneruskan pemberian subsidi bagi petrol RON 95, diesel dan LPG serta barang makanan seperti beras ST15%, gula dan tepung gandum;

Menyeragamkan harga bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi harga keperluan asas seperti beras, tepung gandum, gula dan gas masak. Bagi tahun ini, peruntukan sebanyak RM200 juta telah diluluskan di bawah Program Pengedaran Barang Perlu seperti beras, minyak masak, gula, tepung, gas, petrol dan diesel bagi menyeragamkan harga barang di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak serta kawasan tertentu di Semenanjung Malaysia;

Meningkatkan penguatkuasaan ke atas kawalan harga dan bekalan barang yang dikawal supaya para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga. Sehubungan ini, Kerajaan telah menggubal Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 yang berkuat kuasa pada 1 April 2011. Akta ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan mengekang syarikat atau individu menjual barang atau menawarkan perkhidmatan pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran secara melampau;

Memantau bekalan barang keperluan supaya tidak berlaku kekurangan penawaran yang boleh memberi kesan kepada harga;

Memansuhkan duti import ke atas beberapa jenis barang makanan;

Memperuntukkan sebanyak RM974 juta sebagai pemberian subsidi harga padi, baja dan benih padi, RM230 juta untuk intensif pengeluaran dan peningkatan hasil padi serta RM170 juta bagi insentif hasil tangkapan ikan bagi tujuan meningkatkan pengeluaran makanan;

Memperuntukkan sebanyak RM235 juta bagi meningkatkan pengeluaran padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Muda (MADA) dan kawasan lain dengan menaik taraf sistem pengairan dan penggunaan benih padi bermutu tinggi;

Mewujudkan portal interaktif "IMalaysia Pengguna Bijak" bagi memudahkan rakyat mengikuti perkembangan harga terkini barang, meliputi hampir 7 ribu premis perniagaan seluruh negara;

Melanjutkan galakan potongan cukai pendapatan bagi pelabur dan pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti

pengeluaran bahan makanan selama 5 tahun sehingga 2015;

Siling kelayakan untuk golongan kurang upaya dinaikkan daripada pendapatan RM750 sebulan kepada RM1,200 sebulan dan siling pendapatan untuk isi rumah miskin menerima bantuan dinaikkan daripada RM400 sebulan kepada RM700 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau pergerakan dan perkembangan harga terkini dan mengambil langkah-langkah yang perlu supaya ia tidak menjelaskan kehidupan harian rakyat terutama golongan mudah terjejas.

SOALAN NO: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK DR. TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE

TARIKH: 23 JUN 2011

SOALAN:

Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tujuan/matlamat sebenar PERKESO/SOCSO. Kenapa perlu berbelanja berjuta-juta ringgit untuk mendirikan bangunan baru wal hal ahli yang sepatutnya dibantu tidak diberi perhatian sewajarnya. Contohnya, bayaran perkhidmatan doktor yang mengesahkan tuntutan sepatutnya dibayar balik ketika meluluskan tuntutan sekiranya PERKESO/SOCSO mempunyai dana berlebihan.

PR-1242-L44982

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO telah dipertanggungjawabkan mentadbir dan menguatkuaskan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 melalui dua skim perlindungan iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Nat.. Skim Insurans Bencana Pekerjaan melindungi para pekerja daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit khidmat dan kemalangan

|

semasa dalam perjalanan pergi dan balik dari kerja, manakala Skim Pencen liat melindungi pekerja 24 jam kepada pencarum terhadap keilatan atau kematian akibat sebarang sebab diluar waktu kerja.

2. PERKESO kini mempunyai 47 pejabat di seluruh negara termasuk Ibu Pejabat. Daripada 47 pejabat itu 34 bangunan adalah milik PERKESO dan selainnya disewa (13 pejabat).

Tuan Yang Di Pertua,

3. Untuk makluman ahli-ahli dewan, pembinaan bangunan atau pembelian harta tanah adalah untuk menjimatkan penyewaan ruang pejabat daripada pihak luar. Disamping itu, ruang-ruang pejabat yang berlebihan disewakan kepada pihak luar dan telah memberi pulangan hasil dalam bentuk sewaan.

4. Selain itu, pembinaan dan pemilikan bangunan ini turut dapat meningkatkan pulangan pelaburan bagi jangka masa panjang kerana kenaikan nilai harta tanah tersebut. Ingin juga dijelaskan, bahawa hanya 2.8% daripada dana pelaburan PERKESO dilaburkan dalam pemilikan bangunan manakala selebihnya adalah untuk kepentingan dan perbelanjaan orang berinsurans dan orang tanggungan mereka. .

Tuan Yang Di Pertua,

5. PERKESO sentiasa mengutamakan kebajikan pelanggannya yang terdiri daripada majikan, pekerja dan orang tanggungan yang layak diberi perlindungan di bawah Akta Keselamatan Sosial

Pekerja 1969. Bagi memastikan pelanggan PERKESO berpuashati dengan faedah serta penyampaian perkhidmatan yang diberikan, PERKESO sentiasa mengkaji keberkesanan pengurusannya dan membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.

DR(13-2 8 Jun 2011)/has...31.5.ll/TekheL44982

ke v.

PEMBERITAHU

AN

PERTANYAAN

PERTANYAAN	<u>Dewan</u>	JAWAB LISAN DR.
DARIPADA	<u>Rakyat</u>	TAN SENG GIAW 23
TARIKH		JUN 2011 (KHAMIS)
SOALAN		NO. 44

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilangan sekolah perubatan di dalam Malaysia dan bilangan graduan yang dikeluarkan setiap tahun. Apakah kualitinya dan berapakah jumlah yang boleh graduan mendapat pekerjaan di dalam negara ini setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 2010, terdapat 33 IPT yang menawarkan program perubatan, 10 daripadanya adalah institusi pengajian awam dan 23 buah adalah institusi pengajian tinggi swasta. Namun begitu, sehingga tahun 2010, terdapat 17 buah IPT iaitu 8 buah IPTA dan 9 buah IPTS telah mengeluarkan graduan sarjana muda dalam bidang perubatan.

Menurut Kajian Tracer Study yang dijalankan pada tahun 2007-2010, bilangan graduan yang dihasilkan oleh IPTA dan IPTS dalam bidang

perubatan adalah seramai 4,723 orang. Daripada jumlah tersebut, 96.9 % graduan telah mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian pada tahun 2007, diikuti dengan 97.1% pada tahun 2008, 96.4% pada tahun 2009 dan 96.8% pada tahun 2010.

MAI VS-

**PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
DEWAN
PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA RAKYAT DATO' SERI ONG KA CHUAN
TARIKH 23 JUN 2011 (KHAMIS)
SOALAN
Dato' Seri Ong Ka Chuang NO. 45
PENGAJIAN TINGGI menyatakan :**

- (a) apakah inisiatif yang telah diambil untuk membangun dan mengekalkan modal insan negara terutama sekali dalam bidang teknikal; dan
- (b) usaha yang telah diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran universiti tempatan supaya ia adalah setanding dengan universiti-universiti utama di rantau Asia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya sentiasa mengambil langkah-langkah strategik dan proaktif bagi membangunkan modal insan negara. Pada Ogos 2007, Kementerian telah melancarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang

menggariskan 7 Teras Strategik bagi menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pengajian tinggi serantau dan antarabangsa serta memberi penekanan terhadap pembangunan modal insan kelas pertama bagi mendukung dan menjayakan hasrat negara untuk mencapai sebuah negara maju berpendapatan tinggi, makmur, dan kompetitif.

Berkenaan tumpuan dalam bidang teknikal, Kementerian sedar tentang perkara ini di mana negara bukan sahaja memerlukan modal insan berilmu tinggi tetapi juga berkemahiran tinggi. Seperti kita sedia maklum, negara perlu meningkatkan peratusan tenaga kerja berkemahiran tinggi dari 23% kepada 37% menjelang tahun 2015. Justeru itu, usaha mengarus perdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional atau TEVT merupakan langkah yang sangat tepat dan kita perlu bersama-sama menterjemah dan merealisasikannya. Ini termasuk membangunkan sikap yang betul masyarakat terhadap pengajian teknikal dan vokasional.

Dalam soal meningkatkan peluang kemasukan lulusan teknikal, Kementerian akan mengembalikan peranan asal keempat-empat universiti teknikal sedia ada iaitu Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di mana menjelang tahun 2015, mereka perlu memastikan kemasukan pelajar-pelajar ke IPTA tersebut terdiri daripada 60% dalam bidang teknikal.

- (b) Teras Kedua PSPTN “menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran” dihasratkan untuk menghasilkan modal insan yang mampu berdaya saing dan berjaya dalam arena kompetitif di pasaran tempatan dan global. Melalui langkah pengukuhan

pengalaman pembelajaran individu, penambahbaikan kurikulum, peningkatan kualiti tenaga pengajar dan penyediaan infrastruktur yang fungsional dan mencukupi, graduan yang cemerlang dapat dihasilkan.

Antara langkah yang telah dan sedang diambil Kementerian dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran universiti tempatan adalah

- i. memantapkan pengurusan dan tadbir urus IPTA;
- ii. memberi lebih autonomi/penurunan kuasa kepada universiti;
- iii. membangunkan KPI pengurusan tertinggi universiti;
- iv. melaksanakan Academic Performance Audit (APA) dan audit kemudahan pengajaran dan pembelajaran;
- v. melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF);
- vi. mempertingkatkan bilangan pensyarah berkelayakan PhD dan pengambilan pelajar pasca siswazah dan pasca doktoral; dan
- vii. mempertingkatkan promosi di peringkat antarabangsa melalui kemampuan dan prestasi yang cemerlang oleh para pensyarah dan pelajarnya dalam aspek berikut:-
 - a. penglibatan aktif dalam persidangan dan pertubuhan akademik antarabangsa;
 - b. pelaksanaan sabatikal dan penempatan/attachment di universiti terkemuka dunia; dan

- c. penghantaran pelajar ke universiti terkemuka di bawah skim pertukaran pelajar dan *internship*;

SOALAN MO.i 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L
MARIMUTHU
KAWASAN : TELOK INTAN
TARIKH : 23 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

**Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELOK
INTAN) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan**

- (a) Apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi kesesakan jalan raya yang menjadi semakin teruk; dan
- (b) Adakah Kerajaan bercadang untuk memberhentikan kutipan tol di bandar raya sebab kadang-kadang kita

membayar tol untuk ters masuk ke dalam traffic jam.

SOALAN MO.i **46**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik khususnya di bandar-bandar besar di negara ini. Sehubungan itu, pelan perancangan dan pembangunan rangkaian jalan raya di negara ini telah disediakan menerusi dokumen Highway Network Development Plan (HNDP). Berdasarkan HNDP, Kerajaan akan membina dan menaik taraf jalan raya secara berperingkat-peringkat dalam setiap Rancangan 5 Tahun, iaitu sehingga tahun 2020 bagi Semenanjung Malaysia dan 2025 bagi Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek yang dicadangkan itu tertakluk kepada peruntukan kewangan Kerajaan secara keseluruhan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kesesakan trafik di jalan raya memerlukan tindakan holistik dan melibatkan pelbagai pihak dan agensi, dan ia tidak boleh diselesaikan sekadar dengan membina jalan-jalan baru sahaja. Sehubungan itu, Kerajaan pada tahun lalu telah menujuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk merangka dan melaksanakan pelan induk Dasar Pengangkutan Awam secara komprehensif. Pelan induk ini akan mengenai pasti inisiatif-inisiatif jangka masa pendek, pertengahan dan panjang bagi memenuhi keperluan pengangkutan awam penduduk di kawasan bandar, seperti di Lembah Kelang dan

membolehkan objektif-objektif Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) di bawah program Greater KL/Lembah Kelang mampu dicapai.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan setakat ini tidak berhasrat untuk memansuhkan kutipan tol di lebuh raya-lebuh raya yang sedang beroperasi, termasuk lebuh raya dalam bandar kerana ia melibatkan implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan. Namun demikian, Kerajaan sentiasa berbincang dari masa ke semasa dengan syarikat-syarikat pengendali konsesi lebuh raya, termasuk konsesi lebuh raya dalam bandar seperti SPRINT dan LITRAK bagi mencari jalan dan kaedah terbaik untuk meringankan beban yang ditanggung oleh pengguna lebuh raya di negara ini.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN :
47

**PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
BAGI JAWAB
LISAN
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT
DARIPADA
TARIKH**

**LISA
N DATO' LILAH BIN YASIN [
JEMPOL]**

23 JUN 2011

RUJUKAN **3766**

SOALAN:

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) berapakah nilai tangkapan dadah dalam Ringgit Malaysia pada tahun 2010; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan Kementerian untuk program pencegahan penyalahgunaan dadah pada tahun 2010 dan apakah pelan tindakannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jempol yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makiuman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, hasil daripada risikan dan penguatkuasaan yang dijalankan, bagi menjawab soalan (a) Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah berjaya merampas pelbagai jenis dadah yang dianggarkan bernilai **RM270.78 juta** pada tahun 2010.

Bagi menjawab soalan (b) pula, pada tahun 2010, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah menggunakan peruntukan sebanyak RM1.47 juta untuk program pencegahan. Peruntukan ini telah dibelanjakan untuk melaksanakan program pendidikan pencegahan dadah yang meliputi program-program keluarga bebas dadah, institusi pendidikan bebas dadah, tempat kerja bebas dadah dan komuniti bebas dadah. Di samping itu, AADK juga telah melaksanakan program kesedaran awam dan publisiti menggunakan bas pameran, media cetak, media elektronik, media luar (*billboard*) dan media baru.

Tuan Yang di-Pertua,

Kebanyakan prog ram-prog ram pendidikan pencegahan ini juga dilaksanakan dengan kerjasama rakan pintar dan rakan strategik. Rakan pintar adalah seperti Pengasih, Pendamai, Yayasan Salam, Pemadam, *Drug Free Youth Association* dan *Drug intervention Community* manakala rakan strategik adalah seperti Kementerian Sumber Manusia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

TARIKH 23 JUN 2011

RUJUKAN 3767

NO. SOALAN : 48

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah tindakan tidak memberi permit dilakukan kepada kartunis Zunar untuk menerbitkan majalah kartunnya. Apakah kandungan kartun yang dilukis memiliki sebarang perkara yang tidak benar dan mengancam keselamatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan soalan.

Beberapa karya yang dihasilkan oleh penulis Zunar telah dianggap sebagai *hasil penerbitan tak diingini* di bawah peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Oleh yang demikian, pada 25 Julai 2010 Kementerian telah mengenakan Perintah Larangan terhadap tiga (3) penerbitan Zunar iaitu, *Perak Darul Kartun, Isu Dalam Kartun* Februari 2010 (Volume 01) dan *1 Funny Malaysia* kerana mengandungi bahan-bahan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam.

SOALAN NO: 49

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed (Sepang)
TARIKH	23 Jun 2011 (Khamis)
SOALAN	Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed (Sepang) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah strategi Kerajaan di dalam memastikan Dasar Pertanian Negara mencapai matlamatnya di dalam meningkatkan jumlah penyertaan dan pendapatan golongan petani dan nelayan di negara ini. Nyatakan tempoh masa yang diperlukan untuk mencapai matlamat ini.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menggubal Dasar Agro Makanan yang meliputi tempoh 2011-2020. Terdapat pelbagai strategi dan program-program yang telah dirancang oleh Kementerian bagi memastikan sektor agro makanan terus berdaya saing. Di antara strategi-strategi adalah seperti berikut:

- (i) memberi penekanan kepada pertanian bernilai tinggi. Produk-produk bernilai tinggi yang telah pun dikenal pasti termasuklah cendawan, herba, rumpai laut dan burung walit di samping industri florikultur dan ikan hiasan untuk pasaran tempatan dan eksport;
- (ii) menggalakkan R&D bagi menghasilkan benih-benih, kaedah-kaedah pertanian yang dapat meningkatkan pengeluaran dan mengurangkan kos pengeluaran;
- (iii) mengeluarkan hasil dan produk yang selamat dan berkualiti supaya pengeluar memperoleh harga yang menguntungkan memandangkan keperluan pengguna sekarang dan masa hadapan yang semakin peka terhadap diet yang sihat dan berkhasiat. Corak pemakanan yang sihat seperti pemakanan sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan akan dipromosikan di samping industri kesihatan berdasarkan pertanian seperti produk herba, *functional food* seperti telur omega 3, minyak pati dan lain-lain;
- (iv) mempergiatkan sistem pertanian berintensif teknologi dan inovasi bagi meningkatkan pengeluaran, produktiviti dan daya saing;
- (v) membangunkan sumber manusia yang berkualiti dalam sektor agro makanan. Penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran petani, penternak dan nelayan terus dititik beratkan supaya dapat menerima pakai penemuan-penemuan penyelidikan, melaksanakan langkah sanitari dan fitosanitari serta amalan pertanian yang baik;
- (vi) menggalakkan amalan penanaman tanaman selingan seperti pisang dan betik dalam kawasan tanaman kekal seperti kelapa sawit dan getah bagi membantu pengusaha mendapat pendapatan awal sementara menunggu tanaman utama atau kekal mengeluarkan hasil di samping dapat memaksimakan penggunaan tanah

SOALAN NO: 49

pertanian; dan

PERTANYAAN

- (vii) menggalakkan para petani mencebur aktifiti hiliran dalam industri asas tani seperti pemprosesan produk makanan bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Dengan strategi-strategi seperti yang dinyatakan di atas, adalah di harapkan dapat menggalakkan lagi penglibatan petani terutamanya penyertaan golongan muda ke dalam sektor pertanian kerana bidang ini juga mampu memberikan pulangan pendapatan yang tinggi kepada pengusaha-pengusahanya.

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B. TUAN LIM KIT SIANG**

(IPOH TIMUR)

TARIKH **:** **23.06.2011**

SOALAN:

Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kegunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran Matematik dan Sains secara pilihan pihak sekolah akan dibenarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada dasarnya apabila Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dimansuhkan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah merangka dan sedang melaksanakan beberapa pendekatan supaya kohort murid yang telah berada dalam sistem tidak terganggu pembelajaran mereka dan terus terbela.

Justeru, KPM telah memperkenalkan pendekatan *soft landing* yang dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) mata pelajaran Sains dan Matematik. Pendekatan *soft landing* ini bermaksud pengajaran dan pembelajaran Sains dan

Soalan No : 50

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Matematik boleh dilaksanakan dalam dwi bahasa mengikut keupayaan seseorang guru dan murid itu sendiri. Dalam masa yang sama, kertas-kertas peperiksaan juga disediakan dalam dwi bahasa dan terpulanglah kepada mereka untuk menjawab dalam bahasa yang mereka mudah fahami.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses ini akan berlangsung bagi kohort yang telah berada dalam sistem PPSMI mulai tahun 2010 dan akan digerakkan secara beransur-ansur mengikut fasa MBMMBI. Ini bertujuan untuk membantu guru dan murid menyesuaikan diri dengan peralihan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran tersebut. Ini juga untuk memastikan dasar baru ini dapat dilaksanakan dengan terancang serta meminimakan permasalahan p&p yang sedang berlangsung sekarang. Justeru, pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di semua peringkat sekolah kecuali Tahun 1, boleh menggunakan bahasa Inggeris atau dwibahasa sehingga kohort terakhir PPSMI yang dijangka tamat pada tahun 2015. Pada masa yang sama, peperiksaan Sains dan Matematik dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang telah pun dilaksanakan dalam dwibahasa akan diteruskan sehingga kohort ini selesai pengajian mereka.

Rjm 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]

TARIKH 23 JUN 2011

RUJUKAN 3771

NO. SOALAN : 51

SOALAN:

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan membuat kajian menyeluruh dan mempertimbangkan supaya kanak-kanak bawah umur (16 tahun) tidak dibenarkan berada di luar kawasan rumahnya tanpa ditemani ibu bapa atau penjaganya.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ledang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian ini merasakan kajian yang menyeluruh mengenai usul tersebut boleh dipertimbangkan. Walaubagaimanapun, buat masa ini pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengkaji usul supaya kanak-kanak di bawah umur tidak dibenarkan berada di luar

kawasan rumah tanpa ditemani oleh ibu bapa atau penjaga.

No: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

**PERTANYAAN
DARIPADA**

DEWAN RAKYAT

BAGI JAWAB LISAN

DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON

TARIKH

[TANGGA BATU]

23 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

52

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengelakkan kejadian penutupan elektrik yang berlaku di Kuala Lumpur International Airport (KLIA) pada 15 Mei 2011 pada jam 6.01 pagi sehingga 7.25 pagi yang menyebabkan 15 penerbangan ditangguhkan dan 1212 beg penumpang tidak dapat diserahkan. Mengapakah perkara ini berlaku sedangkan Kuala Lumpur International Airport (KLIA) merupakan lapangan terbang bertaraf antarabangsa.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KLIA telah mengalami gangguan bekalan elektrik pada 15 Mei 2011 di antara jam 6.01 pagi hingga 7.25 pagi akibat daripada kerosakan *Sub Station 33 KV Transformer* yang dimiliki oleh MAS. Kenaikan voltan luar biasa yang berlaku beberapa kali di dalam sistem telah menyebabkan gangguan kepada kebanyakan kemudahan di Terminal. Gangguan voltan yang berlaku berulang kali ini telah mengakibatkan kelewatan dalam usaha memulihkan sistem perkhidmatan dan kemudahan yang telah terganggu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tangga Batu, Kementerian Pengangkutan telah menyarankan kepada pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengelak kejadian penutupan

elektrik yang berlaku di KLIA berulang. Antara pelan tindakan yang telah dan sedang diambil oleh pihak MAHB adalah seperti berikut:

- a) penyambungan isyarat kecemasan dari sistem elektrik MAS ke dalam sistem kawal selia elektrik MAHB untuk mempercepatkan proses mengenai pasti kejadian dan tindakan pemberian segera;
 - b) menjalankan kajian mengenai kenaikan voltan luar biasa dan kesan terhadap keseluruhan bekalan elektrik di KLIA; dan
 - c) mempertingkatkan komunikasi di antara MAHB dan pengguna-pengguna bekalan elektrik yang lain dengan mewujudkan panduan komunikasi operasi (*Operation Communication Manual*) bagi tujuan komunikasi berkesan dan tindakan segera.

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH **23.06.2011**
(KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah perbelanjaan untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi tahun 2011, pecahan perbelanjaan tersebut secara terperinci dan sama ada Kementerian bercadang untuk mengkaji semula pelaksanaan program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah perbelanjaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang telah diluluskan bagi tahun 2011 adalah sebanyak

JAWAPAN:

RM752,922,000.00. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

- a. Emolumen - RM21,328,000.00**
- b. Perkhidmatan dan Perbekalan - RM723,893,530.00**
- c. Aset - RM6,220,000.00**
- d. Pembayaran dan Kenaan Bayaran Tetap (termasuk ganjaran kepada kakitangan awam) - RM1,480,470.00**

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula pelaksanaan PLKN kerana program ini telah terbukti berjaya di dalam mencapai matlamat, misi dan visi penubuhannya.

SOALAN NO: 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU]
TARIKH	23 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

menyatakan apakah langkah yang diambil untuk membantu pekerja-pekerja kontrak atau "freelance" yang bekerja mengikut gaji hari atau "lumpsum" yang rendah terutama bagi mereka yang berada di dalam industri penyiaran dan perfileman. Ini kerana, persatuan yang ada sekarang dilihat tidak mampu atau mempunyai kuasa bagi menangani isu ini, di mana apabila setiap syarikat produksi cuba mengurangkan kos penggambaran bagi mengaut keuntungan yang lebih.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kadar pembayaran bagi pekerja *piecemeal* dan pegawai kontrak (Artis Berjadual) di Jabatan dan Agensi Kementerian ini adalah mengikut gred kelayakan dengan kadar yang telah diluluskan dan ditetapkan oleh Perbendaharaan, bersesuaian dengan beban tugas yang telah

SOALAN NO: 54

ditentukan mengikut syarat-syarat lantikan yang termaktub di dalam kontrak.

Untuk makluman, kebanyakan penerbit filem tempatan mengambil para pekerja mereka secara '*freelance*', kontrak atau '*contract base on project*' bagi menyiapkan sesebuah produksi filem atau drama. Amalan ini ternyata dapat menguntungkan kedua-dua belah pihak iaitu pihak penerbit dalam usaha meminimumkan kos produksi dan pekerja filem pula tidak terikat dengan produksi berkenaan setelah menyelesaikan sesebuah produksi. Senario ini juga membolehkan pekerja filem atau drama untuk terus menyumbang tenaga dan daya kreatif bagi projek-projek produksi lain yang seterusnya. Penerbit filem dan drama akan menggunakan kadar bayaran atau upah mengikut penentuan kadar 'pasaran semasa' berdasarkan pengalaman dan kepakaran seseorang pekerja filem berkenaan.

NO. SOALAN: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] 23 JUN 2011 (KHAMIS)

DARIPADA

TARIKH SOALAN

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian dan rancangan berkenaan tenaga nuklear memandangkan malapetaka gempa bumi dan loji nuklear di Jepun pada bulan Mac yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan masih mengkaji keperluan tenaga nuklear sebagai salah satu opsyen penjanaan tenaga elektrik, mengambil kira insiden ketidakstabilan loji nuklear di Jepun disebabkan oleh gempa bumi baru-baru ini.

Kerajaan juga sedang memperincikan rancangan jangka pendek dan panjang yang mengambil kira pelbagai aspek infrastruktur seperti yang juga disyorkan oleh IAEA

Untuk rancangan jangka pendek, tumpuannya adalah pada pelaksanaan kajian terperinci oleh juruperunding antarabangsa yang berpengalaman dalam projek- projek loji janakuasa nuklear, terutama kajian-kajian berikut:

- i) . Penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan (NPIDP)*) yang merangkumi penilaian terhadap tahap kesediaan negara dalam kesemua sembilan belas (19) aspek infrastruktur seperti yang telah disebut di atas. Penilaian ini akan disemak oleh IAEA berdasarkan garis panduannya.

- ii) . Penyediaan program penyebaran maklumat mengenai pelbagai aspek penggunaan kuasa nuklear kepada kesemua pihak berkepentingan (*stakeholders*), termasuk tinjauan pendapat umum mengenainya;
- iii) . Kajian kesediaan rangka kerja perundangan dan kawalseliaan sebagai asas pembangunan sistem kawalseliaan nuklear yang komprehensif untuk menjamin keselamatan awam dan kesejahteraan alam sekitar negara, termasuk pematuhan terhadap sistem tadbir urus nuklear antarabangsa (*international nuclear governance*) yang berasaskan triti, konvensyen dan perjanjian antarabangsa yang berkenaan;
- iv) . Kajian kemungkinan (*feasibility study*) bagi projek loji janakuasa nuklear, termasuk dari segi kos dan pembiayaan; dan,
- v) . Kajian terperinci untuk mengenalpasti tapak yang sesuai untuk pembinaan loji janakuasa nuklear berdasarkan kriteria pemilihan yang disyorkan oleh IAEA dan lazim digunakan oleh negara-negara maju.

Rancangan jangka panjang akan dirumuskan berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan, NPIDP*), termasuk pembangunan perundangan dan sistem kawalseliaan nuklear negara yang komprehensif, pengurusan pihak berkepentingan, pematuhan terhadap sistem tadbir urus nuklear antarabangsa, pembangunan modal insan, pembangunan industri sokongan tempatan, pembiayaan, pengurusan sisa radioaktif, pengurusan kitaran bahan api nuklear, dan keselamatan awam dan perlindungan alam sekitar.

Susulan daripada kemalangan di loji nuklear di Fukushima akibat gempa bumi dan tsunami besar pada 11 Mac 2011, kebanyakan negara yang mempunyai loji nuklear yang sedang beroperasi, akan melaksanakan ujian ketahanan (*stress*

NO SOALAN :

(test) ke atas kesemua loji mereka. Agensi-agensi berkenaan di Malaysia akan mengikuti ~~PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT~~ *tim kajian kemungkinan projek kuasa nuklear di Malaysia.*

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN
[LIPIS]

TARIKH 23 JUN 2011

SOALAN:

DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa jumlah kakitangan awam yang bekerja sambilan dan apakah Kerajaan bersedia untuk menetapkan penyelarasan gaji 1.4 juta kakitangan awam bagi mengurangkan beban akibat ketidaktentuan kenaikan harga barangan harian masa kini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEDNAZR1 BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan, dari semasa ke semasa akan mengkaji dan memberi pertimbangan penyelarasan gaji 1.4 juta pegawai Perkhidmatan Awam. Namun demikian, pertimbangan tersebut adalah berkait rapat dengan kemampuan kewangan Kerajaan setelah mengambil kira keperluan-keperluan peruntukan belanjawan, pembiayaan perbelanjaan pembangunan, pembayaran balik

NO SOALAN : 11

hutang negara dan seumpamanya.

Sekain. Terima kasih.

NO SOALAN #56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
DARIPADA (KOTA RAJA)
LISAN
PERTANYAAN 23.06.2011
TARIKH

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme kelulusan lesen arak dan sehingga akhir 2010 berapakah jumlah premis arak di seluruh Negara. Adakah Kementerian tidak bercadang untuk menurunkan kuasa perlesenan ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di daerah-daerah di bawah PBT memandangkan Pejabat Daerah tidak ada kemampuan memantau penjualan arak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, lesen penjualan minuman keras diluluskan di bawah Akta Eksais 1976. Di bawah seksyen 35, Akta Eksais 1976, lesen penjualan minuman keras dikeluarkan oleh Lembaga Pelesen yang terdiri daripada Pengurus dan tidak lebih daripada 5 orang ahli yang dilantik oleh Menteri Kewangan di bawah Seksyen 31(1) dalam Akta yang sama. Lembaga Pelesen ini dipengerusikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

2. Lesen jualan minuman keras yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesen dibahagikan kepada 4 jenis iaitu Lesen Rumah Awam, Lesen Rumah Bir, Lesen

Jualan Runcit dan Lesen Jualan Borong. Permohonan lesen penjualan minuman keras di bawah seksyen 35(1) Akta Eksais 1976 hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam empat salinan borang yang dinyatakan dalam Jadual kepada Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Eksais) 1977 dan Peraturan-Peraturan Eksais (Penjualan Liquor Yang Memabukkan) 1977.

3. Lesen Peniaga Borong dan Lesen Kedai Runcit hendaklah menggunakan borang seperti dinyatakan di dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Eksais (Penjualan Liquor Yang Memabukkan) 1977. Bagi Lesen Rumah Awam dan Lesen Rumah Bir pula hendaklah menggunakan borang seperti di Jadual Ketiga Peraturan 9(1), Peraturan-Peraturan Eksais (Penjualan Liquor Yang Memabukkan) 1977.
4. Seterusnya, Pihak Berkuasa Tempatan akan mengemukakan satu salinan permohonan tersebut kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) selaku Jabatan Teknikal untuk mendapatkan pandangan dan ulasan. Permohonan lesen akan diluluskan oleh Lembaga Pelesen dalam mesyuarat Lembaga Pelesen seperti yang ditetapkan dalam Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesen) 1977.
5. Lesen yang diluluskan oleh Lembaga Pelesen boleh dikeluarkan oleh Pegawai Daerah atau Setiausaha Kerajaan Negeri atau Datuk Bandar mengikut arahan Lembaga Pelesen dengan kadar bayaran yang ditetapkan seperti di Peraturan-Peraturan Eksais (Penjualan Liquor Yang Memabukkan) 1977.
6. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Mei 2011 bilangan lesen penjualan minuman keras yang diluluskan adalah sebanyak 7,736.

Soalan No : 58

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
(ALOR GAJAH)

TARIKH 23.06.2011

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah keciciran pelajar di sekolah mengikut tahun pembelajaran dan menurut jenis-jenis sekolah seperti Sekolah Kebangsaan, SJK(C), SJK(T), dan sekolah teknikal sejak tahun 2000. Apakah langkah yang akan Kementerian ambil untuk menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memantau dan berusaha mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid di semua sekolah seluruh negara. Berdasarkan kepada perangkaan KPM, jumlah keciciran murid di semua jenis sekolah rendah bagi kohort tahun 2005 hingga 2010 secara keseluruhannya adalah sebanyak 1.46%. Pecahan keciciran murid mengikut jenis sekolah adalah seperti berikut: bagi Sekolah Kebangsaan adalah 0.71%, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) 4.24% dan 1.41% di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semua murid tersebut tercicir daripada mengikuti pendidikan kerana sebahagian besar murid ini sebenarnya meneruskan pelajaran di sekolah atau pusat pendidikan bukan di bawah kelolaan KPM seperti sekolah swasta, sekolah agama rakyat, sekolah menengah persendirian cina, sekolah antarabangsa dan belajar di sekolah-

sekolah yang tidak berdaftar seperti madrasah dan sebagainya. Sebilangan kecil pula mengikuti *home schooling* atau mengikuti keluarga berhijrah ke luar negara. Namun demikian, terdapat juga murid-murid yang terus meninggalkan dunia pendidikan kerana tidak berminat terhadap pelajaran, masalah kesihatan dan juga memasuki alam pekerjaan.

Sehubungan itu, KPM telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkan kadar kecinciran. Antara langkah-langkah tersebut ialah;

- a. Jawatankuasa Penyiasatan Murid Cicir (JPMC) ditubuhkan di peringkat sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran untuk membuat siasatan ke atas murid cicir di tempat masing-masing dan menyediakan laporan.
- b. Mengadakan mesyuarat JPMC untuk menerima, membincang dan membuat keputusan ke atas laporan siasatan.
- c. Mengambil tindakan segera bagi kes-kes yang memerlukan bantuan kewangan yang berada dalam kawalan sekolah/ PPD/ JPN yang meliputi;
 - i. Bantuan KWAMP
 - ii. Yuran Sekolah
 - iii. Buku Teks
 - iv. Rancangan Makanan Tambahan
 - v. Asrama
 - vi. Khidmat Kaunseling kepada murid dan ibu bapa
 - vii. Khidmat Guru Pemulihan dan
 - viii. Bantuan dan sokongan lain yang boleh didapati oleh JPMC daripada agensi atau badan lain seperti PIBG, JAKOA, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jawatankuasa Kampung, Yayasan Negeri dan sebagainya.

PERTANYAAN

LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH

23 JUN 2011

SOALAN

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan rancangan Kementerian di dalam membantu pusat-pusat dialisis yang menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada kawasan pedalaman / miskin tetapi tidak berdaftar dengan Kementerian. Apakah Kementerian beranggapan bahawa Kerajaan sudah pun mempunyai bilangan mesin dan pakar-pakar yang mencukupi berlandaskan kepada peningkatan pesakit-pesakit serta mampu menanggungnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*] dan peraturan-peraturannya bertujuan untuk mengawalselia dan menyelaras penyediaan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta termasuk pusat hemodialisis swasta dengan harapan semua pesakit dialisis boleh mendapat rawatan yang setaraf di mana-mana pusat hemodialisis swasta, sama ada di kawasan bandar ataupun di kawasan pedalaman.

Secara dasarnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menghalang mana- mana pihak termasuk dari pertubuhan kebajikan untuk menukuhkan dan menyelenggarakan pusat hemodialisis swasta. Usaha tersebut boleh dimanfaatkan untuk pesakit-pesakit dialisis yang kian meningkat dan juga meringankan beban pesakit tersebut, selaras dengan matlamat KKM. Fokus KKM ialah memastikan keselamatan pesakit dan kualiti jagaan kesihatan yang disediakan.

Oleh itu, KKM berharap semua pihak yang ingin menyediakan kemudahan dan perkhidmatan tersebut hendaklah bertanggungjawab bagi mendapatkan kelulusan dan lesen daripada KKM terlebih dahulu sebelum mula beroperasi, selaras dengan keperluan Seksyen 3, Akta 586 dan peraturan-peraturannya yang berkaitan.

Pada masa ini, semua pusat hemodialisis swasta yang dijalankan oleh pertubuhan bukan kerajaan (Non-Governmental Organisation, NGO) dibantu oleh Kerajaan menerusi *capital grants*, subsidi rawatan dan pengecualian daripada cukai. Walau bagaimanapun, KKM sedang dalam usaha untuk memastikan bahawa hanya pusat hemodialisis swasta yang

berlesen sahaja yang akan terus menerima bantuan kewangan tersebut kelak. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya salah guna terhadap dana awam (*public funds*).

Tuan Yang Di-pertua,

Bilangan pesakit hemodialisis telah meningkat sebanyak tiga (3) kali ganda daripada tahun 2001 kepada 2010. Jumlah pesakit kegagalan buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis di seluruh negara adalah 23,420 orang, di mana 21,629 orang menjalani rawatan hemodialisis dan 1,781 orang menjalani rawatan peritoneal dialisis. Daripada jumlah pesakit tersebut, 30.3 peratus menjalani dialisis di fasiliti kerajaan, 41.9 peratus di pusat hemodialisis swasta dan 27.8 peratus di pusat hemodialisis kendalian NGO.

KKM sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan hemodialisis yang bermutu tinggi. Sehingga Disember 2010, terdapat 1,581 buah mesin hemodialisis di 123 hospital dan 2 klinik kesihatan KKM.

Jumlah Pakar Nefrologi yang berkhidmat di hospital KKM ialah seramai 40 orang. Di samping itu, dalam usaha menambah bilangan Pakar Nefrologi KKM, sejumlah 14 orang Pakar Perubatan Am sedang menjalani latihan subkepakaran dalam bidang Nefrologi.

Kerajaan tidak dapat menyediakan perkhidmatan dialisis untuk semua pesakit dan memerlukan penglibatan sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan. Beban kewangan dan kesihatan ini bukan sahaja dirasai oleh pesakit, tetapi juga oleh pihak yang menyediakan perkhidmatan hemodialisis tersebut, sama ada di pihak Kerajaan atau swasta. Oleh itu, kedua-dua pihak perlu bekerjasama untuk mencapai matlamat utama dalam penyediaan perkhidmatan ini, iaitu untuk memastikan pesakit mendapat rawatan dan perkhidmatan yang berkualiti dan selamat.

Untuk membantu pesakit yang miskin, Kerajaan memberikan bantuan subsidi bagi kos rawatan hemodialisis sebanyak RM50.00 kepada setiap pesakit miskin dan kurang berkemampuan yang menjalani rawatan hemodialisis di pusat-pusat hemodialisis NGO yang berdaftar.

Sejak bulan April 2009, Kerajaan mula memberi bantuan suntikan erythropoietin kepada pesakit-pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis di pusat-pusat hemodialisis NGO dan menerima subsidi rawatan hemodialisis dari Kementerian Kesihatan. Bantuan suntikan ini adalah sebanyak RM30.00 untuk setiap suntikan kepada pesakit dan pusat hemodialisis tidak boleh mengenakan sebarang caj kepada pesakit bagi suntikan tersebut. Kerajaan juga menggalakkan NGO untuk menukuhkan pusat-pusat hemodialisis. Mereka

boleh memohon bantuan kewangan (*capital grant*) untuk penubuhan pusat hemodialisis baru atau menaiktaraf pusat hemodialisis sedia ada. Bantuan kewangan ini adalah untuk pembelian peralatan perubatan dan kelengkapan yang bukan perubatan yang berkaitan dengan rawatan pesakit.

KKM yakin dengan kerjasama semua pihak, Kerajaan mahupun swasta termasuklah NGO, kualiti kemudahan dan perkhidmatan dialisis yang disediakan untuk rakyat sama ada yang kaya atau miskin, dapat dipertingkatkan baik yang disediakan di kawasan bandar ataupun pedalaman.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
[KUALA TERENGGANU]

TARIKH 23 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Mohd Abdul Wahid Bin Endut [Kuala Terengganu] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah perkhidmatan kereta api dari Kuantan ke Kerteh yang telah mula beroperasi sejak tahun 2004 telah ditamatkan perkhidmatannya serta nyatakan berapakah jumlah kos keseluruhan untuk mengadakan perkhidmatan kereta api tersebut.

SOALAN NO.60

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Kereta api Kuantan-Kerteh (SKKK) merupakan sistem kereta api yang dibina oleh syarikat Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) pada tahun 2001, telah mula perkhidmatan sejak tahun 2003 oleh anak syarikatnya iaitu MISC Integrated Logistic Sdn Bhd (MILS) sebagai pengendali kereta api.

Kerajaan mengambil maklum bahawa kini pihak pengurusan MILS telah membuat keputusan untuk memberhentikan pengendalian kereta api SKKK buat sementara waktu kerana penggunaan perkhidmatannya yang agak sedikit berbanding kos operasi yang perlu ditanggung oleh pihak MILS. Keputusan pemberhentian perkhidmatan SKKK dibuat oleh syarikat Petronas sebagai pemilik sistem kereta api tersebut hanya untuk sementara sehingga Petronas dapat menyiapkan kajian semula strategi jangka panjang peningkatan daya saing anak syarikatnya MILS bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi untuk syarikat MILS.

SOALAN NO.60

Memandangkan sistem kereta api Kuantan - Kerteh merupakan milik syarikat Petronas dan melibatkan untung-rugi syarikat Petronas termasuk anak syarikatnya MILS, Kerajaan tidak dapat memaksa MILS untuk meneruskan perkhidmatannya sekiranya pihak pengurusan MILS mendapati perkhidmatannya tidak mencapai sasaran penggunaan yang tinggi berbanding kos operasi yang mencecah anggaran RM5.1 juta setahun. Namun demikian, Kerajaan akan sentiasa bekerjasama dengan syarikat Petronas dan MILS dalam usaha meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan kereta api Kuantan-Kerteh termasuk menggiatkan aktiviti ekonomi di Pelabuhan Kuantan serta meningkatkan penjanaan produk tempatan untuk dieksport ke luar negara.

Sekian, terima kasih.

SULIT

6 {
NO: 4^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI GADING - BN]
TARIKH	23 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN NO. 27 (AUM M/S. 259)

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading - BN] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah peranan pihak Kementerian dalam menyeiesaikan masalah badan-badan sukan yang selaiu bertelagah hingga menjaskan prestasi sukan di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Sekiranya permasalahan dalam sesebuah persatuan sukan kebangsaan di lihat sebagai menjaskan pembangunan sukan tersebut, maka Kementerian melalui Pesuruhjaya Sukan boleh menggunakan peruntukan yang ada di dalam Akta Pembangunan Sukan 1997 bagi menyeiesaikan kemelut tersebut. Namun begitu, Kementerian terlebih dahulu menasihatkan pihak yang bertelagah agar mencari jalan penyelesaian dengan merujuk kepada badan induk atau badan pengelola sukan tersebut.

SOALAN NO.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : KAWASAN : TARIKH :
DARIPADA LISAN
Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD.
RAMLI

KUALA KRAI 23 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN: Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI (KUALA KRAI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi perhatian kepada cadangan Sultan Kelantan supaya lebuh raya dibina dalam negeri Kelantan. Jika ya, jajaran manakah yang akan diberi keutamaan oleh Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum tentang keperluan untuk membina kemudahan sebuah lebuh raya di Negeri Kelantan, iaitu bagi melengkapkan rangkaian Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) merangkumi Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Pada masa kini LPT fasa 1 Negeri Pahang telah siap dibina pada tahun 2004, manakala LPT fasa 2 Negeri Terengganu pula sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka akan siap pada tahun 2013.

Sehubungan itu, kementerian ini telah melantik pihak juru perunding bagi menjalankan Kajian Kemungkinan Awaian (feasibility study) bagi membina Lebuh Raya Pantai Timur di Negeri Kelantan (LPT fasa 3). Kajian yang telah disiapkan pada tahun 2009 itu antara lain telah mengenai pasti cadangan jajaran jalan yang terlibat, iaitu dari persimpangan Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubur, Kelantan sepanjang 147 kilometer. Ia melibatkan anggaran kos projek sebanyak RM3 bilion. Cadangan projek LPT fasa 3 ini akan dipohon sebagai antara projek berkeutamaan tinggi untuk dilaksanakan dalam Tempoh Separuh Kedua, RMKelO. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan oleh Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAISAN : 63
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU]

TARIKH 23 JUN 2011

RUJUKAN 3769

SOALAN:

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes pemalsuan dokumen perjalanan warga asing untuk memasuki negara ini dalam tempoh tiga tahun lalu mengikut pecahan negara dan apakah kesannya terhadap keselamatan negara berhubung isu ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Setiu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memandang serius tentang isu pemalsuan dokumen perjalanan. Bagi tempoh 3 tahun lalu iaitu dari tahun 2008 sehingga 2010, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menjalankan sebanyak 222 operasi (Ops Serkap) bagi membanteras kegiatan pemalsuan dokumen- dokumen Imigresen seperti pemalsuan pasport dan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).

Daripada operasi yang telah dijalankan, seramai 72 orang telah ditahan di bawah Seksyen 55D Akta Imigresen 1959/63 iaitu kesalahan kerana membuat atau memalsukan atau meminda suatu endorsan atau dokumen untuk digunakan sebagai Visa, Permit, Pas atau Sijil. Pecahan tangkapan mengikut warganegara adalah seperti berikut:

- i. Indonesia seramai 11 orang;
- ii. Bangladesh seramai 2 orang;
- iii. Myanmar seramai 3 orang;
- iv. Malaysia seramai 54 orang; dan
- v. Lain-lain warganegara seramai 2 orang.

Manakala seramai 2,382 orang pula telah ditahan dalam tempoh yang sama kerana melakukan kesalahan di bawah Seksyen 56(1)(l) Akta Imigresen 1959/63 iaitu kesalahan menggunakan atau tanpa kuasa yang sah memiliki Permit Masuk, Pas, Dokumen Perjalanan Dalam Negeri atau Perakuan yang dipinda atau dipalsukan. Pecahan tangkapan mengikut warganegara adalah seperti berikut:

- i. Indonesia seramai 1,078 orang;
- ii. Bangladesh seramai 306 orang;
- iii. Filipina seramai 215 orang;
- iv. Myanmar seramai 116 orang; dan
- v. Lain-lain warganegara seramai 667 orang.

Kerajaan tidak menafikan bahawa aktiviti pemalsuan dokumen perjalanan ini boleh memberi kesan terhadap keselamatan negara kerana ia boleh menyebabkan peningkatan jumlah imigran larangan ataupun PATI di negara ini. Namun begitu, Kerajaan melalui agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) & JIM sentiasa berusaha untuk memastikan penyalahgunaan dokumen perjalanan palsu oleh warganegara asing terkawal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 23 JUN 2011

SOALAN

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakah jumlah dana yang telah digunakan untuk program "Harm Reduction" sepanjang tahun 2008 hingga 2011 dan apakah program ini akan diteruskan di masa hadapan dan adakah program ini terdapat di semua negeri seluruh Malaysia.

Tuan Yang di Pertua,

SOALAN NO. 64

Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Program *Harm Reduction* ke atas penagih dadah suntikan sejak tahun 2006 dengan tujuan mengurangkan risiko jangkitan HIV/AIDS serta lain-lain penyakit seperti Hepatitis B dan C, khususnya di kalangan penagih dadah suntikan. Program "Harm Reduction" merangkumi Program Terapi Gantian Metadon (*Methadone Maintenance Therapy-MMT*) dan Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (*Needle Syringe Exchange Programme-NSEP*). Sepanjang tahun 2008 hingga 2011 sebanyak RM 54.6 juta telah digunakan untuk melaksanakan aktiviti di bawah program "Harm Reduction".

Sehingga Mac 2011, seramai 41,924 orang penagih dadah telah mengikuti program "Harm Reduction" di 241 pusat MMT dan 298 pusat NSEP di seluruh Semenanjung Malaysia. Perlaksanaan program "Harm Reduction" ini telah berjaya menurunkan peratus notifikasi baru kes HIV melalui penagihan dadah suntikan dari 66% pada tahun 2005 kepada 57.2% pada 2008 dan seterusnya 47.6% pada 2010. Berikutan kejayaan program "Harm Reduction" dalam mengurangkan jangkitan HIV di kalangan penagih dadah suntikan ini, program ini akan diperluaskan ke seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak pada tahun 2011 dan adalah disasarkan semua klinik kesihatan di seluruh negara akan menyediakan perkhidmatan "Harm Reduction" menjelang akhir tahun 2015.

Kejayaan negara melaksanakan program "Harm Reduction" dalam menangani HIV/AIDS telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan menjadi rujukan negara lain khususnya di rantau Asia Pasifik. Negara juga telah menerima lawatan sambil belajar dari negara luar seperti Thailand, Indonesia, Cambodia, Vietnam, Afghanistan, Pakisan, India, Bangladesh dan Maldives bagi mempelajari dan berkongsi pengalaman dalam melaksanakan "Harm Reduction". Pengalaman negara dalam melaksanakan program ini telah didokumenkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Buku "*Good Practice in Asia : Effective Paradigm shifts towards an improved national response to drugs and HIV/AIDS - Scale Up of Harm Reduction in Malaysia*" (dengan izin) telah diterbitkan pada March 2011 dan boleh diakses di laman sesawang Kementerian Kesihatan dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

NO. SOALAN : 65

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL]

**TARIKH 23 JUN 2011
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
RUJURAN RAKYAT 770**

SOALAN:

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) bilangan pekerja asing yang ditangkap atas kesalahan bekerja tanpa permit yang sah pada tahun 2010; dan
- (b) nyatakan bilangan majikan yang di dakwa di mahkamah atas kesalahan menggunakan khidmat pekerja asing tanpa permit yang sah pada tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Jempol yang mengemukakan pertanyaan.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2010 Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menjalankan 6,017 operasi bagi mengesan dan menangkap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Hasil dari operasi tersebut, sejumlah 34,905 warga asing telah ditangkap kerana didapati melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963, termasuklah warga asing yang bekerja tanpa pas yang dibenarkan.
- (b) Manakala bagi tempoh yang sama, seramai 148 majikan telah didakwa di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 iaitu kesalahan mengambil kerja satu atau lebih orang, selain dari warganegara atau pemegang suatu Permit Masuk, yang tidak memiliki suatu Pas sah.

**DARIPADA :Y.B. TAN SRI DATO¹ ABD KHALID BIN IBRAHIM
(BANDAR TUN RAZAK)**

PERTANYAAN :LISAN

TARIKH :23.06.2011

Y.B. TAN SRI DATO¹ ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nisbah hutang isi rumah kepada pendapatan boleh guna rakyat Malaysia merupakan antara yang tertinggi di dunia dengan kadar 140% berbanding Thailand 52.7% dan Indonesia 38%. Apakah langkah bagi mengatasi masalah ini.

NO SOALAN

JAWAPAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Saya mohon untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar yang dijadualkan pada hari ini bersama soalan Yang Berhormat Bandar Tun Razak yang dijadualkan pada 23 Jun 2011, kerana kedua-duanya menyentuh isu yang sama.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hutang isi rumah di Malaysia masih lagi berada pada paras yang terurus. Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK kekal stabil pada 75.9% pada tahun 2010 (2009: 76%).
3. Sehingga akhir Mac 2011, jumlah hutang isi rumah telah meningkat pada kadar yang perlahan iaitu sebanyak 12.2% berbanding peningkatan 12.6% pada tahun 2010. Hampir separuh daripada hutang isi rumah pula merupakan pinjaman bercagar yang melibatkan aset seperti harta kediaman. Pada masa yang sama, kenaikan jumlah hutang isi rumah ini telah disokong

oleh kenaikan jumlah aset kewangan sektor isi rumah yang lebih tinggi, iaitu pada kadar 13.1% kepada RM1,429.7 bilion (2010: 12.5% atau RM1,379.2 bilion). Jumlah aset kewangan sektor isi rumah ini adalah melebihi dua kali jumlah hutang dan mencukupi untuk memberikan sektor tersebut ruang bagi menguruskan hutangnya. Ini dapat dilihat daripada nisbah pinjaman tak berbayar sektor isi rumah yang semakin menurun iaitu pada paras 2.2% berbanding 2.3% pada akhir 2010. Keadaan ini menunjukkan bahawa sektor tersebut kekal berdaya tahan dan fleksibel.

4. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Kerajaan sentiasa memastikan sektor isi rumah kekal berdaya tahan dan tahap keberhutungan berada pada paras yang pruden. Antara langkah yang telah dilaksanakan ialah:

- i. Mengenakan syarat yang lebih ketat bagi pemilikan kad kredit;
- ii. Memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!), yang bertujuan meningkatkan tahap pemahaman pengurusan kewangan dan kemahiran bagi peminjam baru dan golongan muda; dan
- iii. Menyediakan khidmat nasihat dan pertolongan dalam menguruskan kredit dan kewangan kepada peminjam, serta menstruktur semula hutang mereka dengan pihak bank melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

5. Selain itu, penetapan standard pemberian pinjaman yang lebih bertanggungjawab oleh institusi perbankan juga dilaksanakan dengan memastikan produk kewangan yang ditawarkan menepati keperluan dan mengambil kira keupayaan membayar balik pinjaman oleh individu. Hubungan yang berterusan antara Bank Negara Malaysia dengan institusi perbankan turut dijalin dalam usaha menggalakkan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab dan standard pengunderitan (*underwriting standards*) lebih tegas. Melalui aktiviti penyeliaan seperti ini, didapati amalan pengurusan risiko di kalangan institusi perbankan adalah semakin kukuh.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, arah aliran dan perkembangan pinjaman kepada sektor isi rumah termasuk pinjaman bagi rumah

kediaman akan sentiasa dipantau dan Kerajaan akan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang mapan dan keupayaan bayar balik hutang kekal teguh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF (BALIK PULAU)

TARIKH 23 JUN 2011

SOALAN:

**Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF (BALIK
PULAU) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa ramaikah
rakyat Malaysia yang menetap di luar Negara yang layak
mengundi.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia tidak mempunyai maklumat mengenai jumlah rakyat Malaysia yang menetap di luar negara dan layak untuk mengundi. Ini kerana SPR tidak mempunyai data tentang jumlah rakyat Malaysia

SOALAN NO. 67

yang telah ke luar negara dan berapa daripada jumlah tersebut yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 68

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun]
TARIKH	23 Jun 2011 (Khamis)
SOALAN	Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah lesen bot pukat tunda yang dikeluarkan oleh Kementerian kepada nelayan dalam negara mengikut negeri dan kaum serta berapakah jumlah lesen yang dilaksanakan oleh nelayan tempatan dan disewakan kepada nelayan asing.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Sehingga kini, sebanyak 6,251 lesen vesel pukat tunda telah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Perincian pengeluaran lesen vesel pukat tunda bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

Negeri	Bumiputera	Bukan Bumiputera
Perlis	114	99
Kedah	90	344
Pulau Pinang	4	80
Perak	26	1,330
Selangor	12	704
Negeri Sembilan	0	0
Melaka	0	0
Johor Barat	29	100

SOALAN NO: 70

Johor Timur	54	216
Kelantan	284	0
Terengganu	216	6
Pahang	101	320
Sarawak	368	273
Sabah	1,466	13
W.P.Labuan	0	2
Jumlah	2,764	3,487

Kerajaan tidak mengeluarkan lesen vesel kepada nelayan bukan warganegara Malaysia. Setakat ini, tiada bukti ditemui yang mengaitkan penyewaan lesen kepada nelayan asing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH 23 JUN 2011

RUJUKAN 3892

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah rancangan pertukaran suaka politik antara Australia dan Malaysia boleh mengatasi masalah perdagangan manusia memandangkan terdapat bantahan daripada Badan Peguam Malaysia dan Badan Peguam Australia. Mengapa Kerajaan masih enggan menandatangani Konvensyen 1951 berhubung status pelarian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama dengan pertanyaan oleh **Yang Berhormat Segambut** juga disenaraikan pada hari ini, dan pertanyaan **Yang Berhormat Batu**, **Yang Berhormat Tanjong** dan **Yang Berhormat Taiping** pada 28 Jun 2011 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan Pertukaran Dua Hala Malaysia-Australia Mengenai Pelarian/Pemohon Suaka adalah selaras dengan kerangka kerjasama serantau yang telah dipersetujui di Mesyuarat Keempat Peringkat Menteri Bali Process di Bali, Indonesia, pada 30 Mac tahun ini. Kerangka ini diwujudkan bagi menangani isu pergerakan migran secara tidak sah (*irregular movement*) migran termasuk pelarian dan pemohon suaka di rantau Asia Pasifik dan ianya tidak meletakkan syarat bahawa negara-negara yang menyertainya perlu menjadi negara anggota kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pelarian 1951 dan Protokol 1967 dan boleh dilaksanakan secara bilateral atau pun multilateral.

Di antara faedah yang diperolehi daripada kerangka kerjasama serantau ini adalah seperti berikut:-

- i) ianya dapat menjaskan modus operandi dan model perniagaan sindiket-sindiket antarabangsa penyeludupan migran yang melihat

Malaysia sebagai negara transit atau pun destinasi;

- ii) menangani ancaman jenayah rentas sempadan di mana sindiket-sindiket jenayah ini juga turut terlibat dengan aktiviti-aktiviti jenayah lain seperti pemerdagangan orang, penyeludupan dadah, pengubahan wang haram dan keganasan;
- iii) mengurangkan jumlah pelarian yang semakin meningkat di negara ini dimana Australia akan menerima seramai 4,000 pelarian dan Malaysia akan menerima seramai 800 orang daripada Australia;
- iv) walaupun pemohon suaka yang dihantar ke negara ini dari Australia tidak mencapai jumlah yang disasarkan (800 orang), negara tersebut akan tetap meneruskan komitmen untuk menerima 4,000 pelarian yang telah dipersetujui;
- v) memperbaiki imej Malaysia yang dilabelkan sebagai negara transit bagi penyeludupan migran di negara-negara ketiga seperti Australia dan Kanada; dan
- vi) bahawa tiada implikasi kewangan bagi Malaysia untuk melaksanakan cadangan pertukaran ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam melaksanakan cadangan pertukaran ini, Kerajaan sedar

Malaysia perlu sensitif dan menangani isu ini secara bijak bagi memastikan bahawa tiada layanan berbeza yang diberikan kepada pemohon suaka tersebut berbanding layanan yang diterima oleh pelarian sedia ada di negara ini.

Pada masa yang sama, aspek yang turut wajar diberi perhatian adalah keutamaan penempatan semula di negara-negara ketiga setelah mendapat status sebagai pelarian oleh UNHCR. Malaysia dan Australia masih dalam perbincangan dengan pihak-pihak yang berkepentingan berkaitan akses kepada pendidikan dan kemudahan kesihatan mengikut amalan semasa UNHCR dan *International Organization Of Migration (IOM)* di negara ini.

SOALAN NO 70
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN KARPAL SINGH

[BUKIT GELUGOR]

TARIKH 23 JUN 2010

SOALAN 57

TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab-sebab kelewatan pendengaran rayuan di Mahkamah Rayuan bagi Cif Inspektor Azilah Hadri dan Koperal Sirul Azhar Umar setelah mereka disabitkan dalam dihukum mati untuk pembunuhan Altantuya Shaariibuu oleh Mahkamah Tinggi.

YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN : Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kes ini Rekod Rayuan sebanyak lebih 50 jilid telah difaikkan di Mahkamah Rayuan pada 12hb Mei 2010 yang melibatkan nota keterangan sebanyak lebih 4000 muka surat.

Walau bagaimanapun, alasan penghakiman masih belum difaiklan kerana ia masih di dalam proses persiapan kerana melibatkan jumlah (*volume*) nota keterangan yang tinggi dan eksibit yang banyak. Memandangkan alasan penghakiman tiada, Rekod Rayuan tersebut adalah tidak lengkap. Justeru, tarikh perbicaraan di Mahkamah Rayuan belum dapat ditetapkan. Mahkamah Rayuan akan menetapkan tarikh perbicaraan apabila Alasan Penghakiman Hakim Mahkamah Tinggi diterima.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 71

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta PERDANA MENTERI menyatakan status dan pencapaian Koridor Iskandar Malaysia yang diterajui oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dari sudut sembilan teras sektor pembangunannya yang merangkumi enam sektor perkhidmatan dan tiga sektor pengeluaran.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pembangunan Iskandar Malaysia adalah berlandaskan Pelan Komprehensif Pembangunan yang merangkumi sembilan (9) teras sektor ekonomi iaitu logistik, pelancongan, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, kewangan, industri-industri kreatif, elektrik dan elektronik, petro kimia dan oleo kimia serta makanan dan pemprosesan agro. Sejak pelancarannya pada 2006 hingga Mac 2011, sembilan (9) teras sektor ekonomi tersebut telah berjaya menarik pelaburan komited tempatan dan asing sebanyak RM73.24 bilion di Iskandar Malaysia.

Antara pencapaian di Iskandar Malaysia dalam sektor perkhidmatan kesihatan adalah Pusat Pakar Regency dan Columbia Asia Hospital yang telah beroperasi. Dalam sektor pendidikan pula, Institut Teknologi Maritim Netherlands telah membuat pengambilan pelajar pada sesi Mei 2011 dan Universiti Perubatan Newcastle Malaysia pada sesi September 2011. Pertumbuhan sektor pelancongan bakal didorong oleh pembukaan *Johor Premium Outlets* yang dijaduakan pada akhir 2011 dan LEGOLAND serta Puteri Indoor Themepark pada suku ketiga 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD

[SHAH ALAM]

TARIKH

23 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lesen televisyen dan radio kepada pihak pembangkang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

SOALAN NO: 72

Pada dasarnya Kerajaan tidak menetapkan sama ada sesebuah stesen radio atau TV swasta dimiliki oleh Kerajaan atau pembangkang. Walau bagaimanapun penganugerahan lesen-lesen penyiaran atau Lesen Individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (CASP-I) di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) perlu memenuhi syarat-syarat tertentu seperti berikut:

- (i) syarikat yang ingin memohon mestilah bukan dimiliki oleh syarikat asing;
- (ii) pihak yang memohon bukan seorang individu atau syarikat milik tunggal (sole enterprise);
- (iii) Syarikat mestilah memberikan justifikasi perkhidmatan dan pelan perniagaan yang berdaya maju, relevan serta dapat membantu dalam menjana pembangunan negara; dan
- (iv) spektrum atau frekuensi tersedia (available) untuk dianugerahkan kepada stesen berkenaan.

Memandangkan Kerajaan sedang merancang untuk memindahkan sistem penyiaran negara daripada analog kepada digital, maka pemberian lesen-lesen penyiaran tidak digalakkan pada masa ini.

SOALAN NO : 73

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]
TARIKH	23 Jun 2011 (Khamis)
SOALAN	Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah Kementerian menyedari kelemahan garis panduan Industri Burung Walit Negara yang menjelaskan pembangunan Taman Perumahan di Pusing Cenderawasih, Pusing serta kekeliruan bidang kuasa di antara PBT dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit atau 1GP telah disediakan bagi menyelaras aktiviti-aktiviti penternakan burung walit yang menggariskan kaedah-kaedah penternakan burung walit yang perlu dipatuhi oleh penternak. 1GP ini mengandungi peraturan-peraturan penyediaan premis penternakan, kebersihan premis, operasi, kawalan penyakit serta pelesenan dan pemprosesan sarang burung walit yang boleh diguna pakai oleh pelbagai agensi yang terlibat dalam aktiviti ini. Garis panduan ini boleh diguna pakai pelbagai agensi dan pihak industri dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan industri burung walit secara lebih teratur.

Berkaitan isu gangguan bunyi bising dan dakwaan penyakit dibawa oleh burung walit di Taman Perumahan di Pusing Cenderawasih, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Perak telah menjalankan siasatan dan mendapati premis tersebut beroperasi tanpa lesen. Premis penternakan ini dibina berdekatan kawasan perumahan dan gangguan bunyi bising dari ajuk bunyi melebihi 40 desibel. 1GP ini hanya menyediakan garis panduan penternakan agar ajuk bunyi tidak melebihi had yang telah ditetapkan. Oleh itu, 1GP ini tiada kaitan dengan pembangunan Taman Perumahan di Pusing Cenderawasih. Pihak PBT boleh mengambil tindakan mengikut undang-undang kecil yang diluluskan oleh PBT berkenaan jika pengusaha tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan pihak PBT.

Oleh itu, tiada terdapat kekeliruan peranan PBT dan JPV kerana bidang kuasa kedua-dua jabatan adalah berbeza. JPV berperanan untuk mendaftarkan aktiviti penternakan burung walit dan mengeluakan sijil Amalan Penternakan Baik (GAHP) kepada pengusaha premis sarang burung walit. Manakala PBT bertanggungjawab meluluskan lesen premis dan penguatkuasaan undang- undang jika terdapat pelanggaran syarat-syarat penternakan mengikut undang- undang kecil PBT masing-masing.

NO. SOALAN : 74

PERTANYAAN	LISAN	
DARIPADA	PEMBERITAHUAN PERTANYAAN	DATO' ISMAIL BIN
TARIKH	DEWAN RAKYAT, MALAYSIA	KASIM [ARAU]

23.06.2011 (KHAMIS)

DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan usaha- usaha yang telah dibuat setakat ini dalam memastikan *hypermarket* atau pasar raya besar yang beroperasi sama ada milikan tempatan atau pun antarabangsa tidak mengenakan caj yang tidak munasabah terhadap produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui kerjasama erat antara hypermarket tempatan dan asing di Malaysia telah bersetuju untuk tidak mengenakan sebarang caj penyenaraian tetap terhadap usahawan-usahawan tempatan yang berjaya menyenaraikan tetap produk masing- masing di rangkaian peruncitan tempatan dan asing di Malaysia. Caj penyenaraian tetap produk merupakan antara caj wajib yang dikenakan oleh

hypermarket kepada mana-mana syarikat yang ingin menyenarai tetap setiap jenis produknya kepada hypermarket.

Namun, pengecualian caj penyenaraian tetap produk adalah terhad kepada rangkaian peruncitan bersaiz hypermarket asing seperti Giant, Jusco, Carrefour dan Tesco. Pihak Mydin pula secara sukarela telah mematuhi pengecualian caj penyenaraian tetap ini. Syarikat yang layak untuk mendapat pengecualian caj penyenaraian adalah syarikat berstatus kecil dan sederhana (PKS) tempatan dan mendapat surat sokongan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bagi mengesahkan bahawa syarikat tersebut adalah berstatus kecil dan sederhana.

Dalam masa yang sama, pihak hypermarket mempunyai hak sebagai entiti perniagaan untuk mengenakan beberapa caj yang lain antaranya rebat, caj promosi dan pengiklanan dan caj pembukaan cawangan baru. Walau bagaimanapun, kadar caj yang dikenakan terhadap usahawan-usahawan kecil dan sederhana adalah amat minimal berbanding dengan syarikat-syarikat besar yang lain.

NO. SOALAN : 75
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN
[BUKIT GANTANG]

TARIKH 23 JUN 2011

RUJUKAN 3772

SOALAN:

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah bentuk standard siasatan yang diguna pakai dalam isu penyebaran video lucah yang melibatkan Presiden MCA dan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Gantang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, standard siasatan yang digunakan di dalam kes penyebaran video lucah yang melibatkan Presiden MCA dan Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim adalah sama dengan siasatan kes-kes lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah dan undang- undang yang berkaitan dan tiada imuniti akan diberikan kepada mereka. Pihak Polis perlu mengumpul keterangan yang kukuh sebelum pihak pendakwaraya menjalankan pendakwaan agar pembuktian dapat dibuktikan ke tahap "tanpa keraguan munasabah". (beyond reasonable doubt).

SOALAN NO: 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
[IPOH BARAT]

TARIKH 23 JUN 2010

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan untuk memasang litar kamera terdekat di seluruh mahkamah serta kos penyelenggaraan tahunan. Selain daripada itu, apakah faedah dan bagaimanakah proses itu berfungsi.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Y.B., secara amnya, bangunan-bangunan Mahkamah yang dibina dan diserahkan kepada pihak mahkamah hanya disediakan CCTV yang asas sahaja iaitu kemudahan dan infra bagi laluan dari bilik lokap tahanan sementara naik ke bilik-bilik bicara. Bilangan kamera yang dibekalkan adalah terhad dan bergantung kepada bilangan

laluan tersebut. Ianya adalah bertujuan untuk memantau pergerakan OKT sejak mula turun dari kenderaan Polis sehingga naik ke bilik bicara.

Namun demikian, bagi tujuan pemantauan keseluruhan kompleks mahkamah, melalui peruntukan Belanja Mengurus semasa, Jabatan ini membuat pemasangan menyeluruh di beberapa buah Kompleks Mahkamah iaitu dengan jumlah kos terkumpul bagi perolehan yang berasingan untuk setiap Mahkamah yang terlibat sebanyak **RM1,189,810**.

Peluasan CCTV ini membolehkan pemantauan dapat dibuat secara lebih menyeluruh meliputi pelbagai ruang dan kawasan di Mahkamah tersebut. Pemasangan CCTV tersebut adalah bergantung pada permintaan, arahan dan ulasan dari pihak Mahkamah-mahkamah Negeri, JKR dan juga Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

Penyelenggaraan CCTV tersebut adalah dilaksanakan secara *ad hoc* sekiranya berlaku sebarang kerosakan di luar tempoh jaminan dengan jumlah keseluruhan bagi tahun 2008-2010 sebanyak **RM24,240.00**.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 77
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH 23 JUN 2011

RUJUKAN 3774

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada benar terdapat bekalan dadah di dalam penjara-penjara termasuk pusat pemuliharan di Malaysia, apakah sebab-sebabnya dan siapa yang bertanggungjawab serta tindakan yang telah pun diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Puchong yang telah mengemukakan pertanyaan.

Sebagai sebuah agensi koreksional, Jabatan Penjara memandang serius dan sentiasa mengambil tindakan tegas berhubung isu penyeludupan artikel larangan termasuk dadah ke dalam penjara. Hasil risikan, tangkapan dan siasatan oleh Jabatan Penjara menunjukkan dadah boleh diseludup masuk dengan berbagai cara iaitu secara balingan dari luar tembok atau pagar penjara, penyeludupan melalui anggota badan, pakaian, kenderaan termasuklah dengan cara menelan. Berasaskan tindakan yang telah diambil dan rampasan yang dibuat didapati kuantiti dadah yang diseludup adalah amat kecil.

Terdapat segelintir pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab termasuklah penghuni, keluarga, kenalan penghuni, pihak yang berurusan di penjara serta anggota telah bersubahat menyeludup dadah ke dalam penjara. Walaupun kuantiti dadah yang diseludup masuk amatlah kecil tindakan yang tegas melalui saluran undang- undang akan diambil terhadap semua pihak yang terlibat termasuklah anggota yang curang. Tindakan berterusan yang diambil bagi mencegah penyeludupan dadah ke dalam penjara antaranya seperti

berikut:

- i. Menubuhkan Unit Risikan Dan Siasatan bagi mencegah penyeludupan artikel larangan ke dalam penjara serta mencegah insiden yang boleh menjaskan keselamatan penghuni dan penjara;
- ii. Melaksanakan sistem kuarantin terhadap penghuni yang baru masuk atau baru pulang dari urusan di luar penjara seperti hospital dan mahkamah;
- iii. Mempertingkatkan sistem kawalan dan pemantauan terhadap pergerakan penghuni;
- iv. Melaksanakan pengasingan dan pengkategorian penghuni yang berlatarbelakangkan kesalahan dadah dan seterusnya menyediakan modul pemulihan khas untuk mereka;
- v. Menyediakan kesedaran terhadap penghuni berhubung peraturan, kesalahan serta tata tertib penjara termasuklah kesalahan menyeludup artikel larangan;
- vi. Menjalankan ujian air kencing terhadap penghuni dan juga kakitangan;

- vii. Menjalankan pemeriksaan yang rapi terhadap penghuni dan juga kakitangan. Ini termasuklah pemeriksaan secara rutin dan juga secara mengejut tanpa mengira waktu;
- viii. Menyediakan peralatan yang bersesuaian bagi tujuan pemeriksaan dan kawalan terhadap penghuni; dan
- ix. Bekerjasama dengan agensi penguatkuasa yang lain bagi menyediakan maklumat serta tindakan yang bersesuaian;

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 JUN 2011 (KHAMIS)

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan harga rumah yang berpatutan dan tidak meningkat disebabkan oleh spekulasi.

SOALAN (78)

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengelakkan spekulasi dalam kenaikan harga rumah, Kerajaan telah memperkenalkan dua (2) mekanisme kawalan iaitu;

- i) Melaksanakan *Real Property Gain Tax* (RPGT) iaitu cukai keuntungan daripada penjualan/pelupusan harta tanah atau saham dalam syarikat harta tanah.
- ii) Menetapkan Nisbah Pembiayaan (*Margin of Finance*) yang lebih rendah oleh institusi kewangan dan bank-bank iaitu memberi pinjaman tidak melebihi kadar 70% bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya.

Kerajaan yakin dengan pelaksanaan dua (2) mekanisme yang dinyatakan ini, keupayaan dan kadar keuntungan yang dinikmati oleh spekulator selama ini akan terjejas dan hanya pembeli-pembeli sebenar (“*Genuine Buyer*”) akan membeli

dan memiliki rumah/ harta tanah.

Jilca perlu, Kerajaan akan mengenakan syarat-syarat lain untuk mengelakkan spekulator dalam pasaran harta tanah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

SOALAN NO: 79

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]
TARIKH 23 JUN 2011
SOALAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan tentang kegunaan 1 PERMATA Vessel

- (a) terdapat berapa buah 1 PERMATA Vessel sedang beroperasi dan nyatakan fungsi dan kemudahannya; dan
 - (b) nyatakan kos setiap vessel dan nama pembekalnya dan adakah ia juga boleh digunakan untuk kawasan dalaman di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Vessel 1 PERMATA hanya ada satu (1) buah sahaja dan ianya ditempatkan di jeti Tanjung Gemuk, Kuala Rompin Pahang. Fungsi-fungsi Vessel 1 PERMATA adalah untuk:

 - i. menjalankan aktiviti Pengurusan Taman Laut di kawasan perairan Taman Laut. Aktiviti ini melibatkan program Pemuliharaan dan Pencegahan Kemusnahan Ekosistem Marin;
 - ii. menjalankan aktiviti Penyelidikan Ekosistem dan Habitat Marin di kawasan Taman Laut Malaysia; dan
 - iii. menjadi peralatan sokongan kepada Jabatan dan Agensi yang memerlukan dalam aktiviti memantau dan menyelamat.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan pembinaan Vessel 1 PERMATA ialah sebanyak RM 7,513,429.05 dan ianya dibina oleh Syarikat

Kejuruteraan Kapal Masai, Pasir Gudang Johor melalui proses perolehan Secara Tender Terbuka.

Pada masa ini Vessel 1 PERMATA tersebut sedang digunakan untuk menyokong operasi pemuliharaan dan pencegahan kemusnahan ekosistem marin di kawasan perairan Taman Laut Malaysia di Johor, Pahang dan Terengganu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hanya bertanggungjawab untuk mengurus tadbir sumber marin di 39 buah pulau di Semenanjung Malaysia dan 3 buah pulau di Wilayah Persekutuan Labuan sahaja yang telah diwartakan sebagai kawasan taman laut di bawah Akta Perikanan, 1985.

Bagi Negeri Sabah dan Negeri Sarawak, kawasan perlindungan marin (Marine Protected Area) adalah di bawah ordinan dan enakmen negeri masing-masing. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perlindungan sumber marin di perairan kawasan perlindungan marin di kedua-dua negeri ini adalah dijalankan oleh agensi kerajaan negeri masing-masing seperti Taman-Taman Laut Sabah, sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Negeri Sabah dan Perbadanan Perhutanan Negeri Sarawak.

Sekian terima kasih.

NO SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG KERIAN)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 23.06.2011

Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pemohon pinjaman di bawah Skim Rumah Pertamaku dan berapakah yang berjaya mendapatkan pinjaman mengikut pecahan negeri-negeri.

JAWAPAN

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sibuti yang dijadualkan pada hari ini bersama pertanyaan Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Mukah, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Parit Buntar yang dijadualkan pada 21, 22, 23 dan 27 Jun 2011, memandangkan kelapan-lapan pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang hampir sama.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyediaan Skim Rumah Pertamaku telah diumumkan ketika pembentangan Bajet 2011 pada bulan Oktober 2010 yang lalu. Skim ini secara rasminya telah dilancarkan pada 8 Mac 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Skim Rumah

Pertamaku ini adalah bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Langkah ini akan dapat membantu golongan muda dan berpendapatan sederhana memiliki rumah dan ini sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia.

3. Melalui skim ini, Kerajaan akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Contohnya, jika sekiranya seorang peminjam mendapat pembiayaan 100%, Kerajaan akan menjamin sebanyak 10% daripada pembiayaan berkenaan. Selain itu, skim ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat yang berusia dibawah umur 35 tahun dengan pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang ingin dimiliki dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Skim ini juga bukanlah jaminan bahawa setiap pembeli kediaman yang berharga antara RM100,000 sehingga RM220,000 layak diberikan pembiayaan perumahan.
4. Bagi menjawab Pertanyaan Yang Berhormat Gelang Patah, adalah dimaklumkan bahawa Skim Rumah Pertamaku ini disediakan bagi pembelian rumah kediaman kali pertama di seluruh negara. Oleh itu, pembeli boleh memilih untuk membeli rumah termasuk di Iskandar Malaysia serta di Parlimen Gelang Patah.
5. Bagi menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat Bukit Katil mengenai mekanisme harga rumah mengikut kawasan, adalah dimakluman, nilai pinjaman perumahan di bawah Skim Rumah Pertamaku adalah antara RM100,000 hingga RM220,000 bagi memenuhi permintaan daripada golongan yang berpendapatan kurang dari RM3,000 sebulan. Ini adalah kerana, bagi peminjam yang berpendapatan RM3,000 sebulan, kadar bayaran balik pinjaman yang ideal adalah sehingga RM1,000 sebulan berdasarkan syarat bahawa bayaran balik pinjaman perumahan adalah di hadkan tidak melebihi 1/3 daripada pendapatan. Berdasarkan kadar faedah semasa, dan tempoh bayaran balik sehingga 30

tahun, jumlah pemberian maksimum yang layak adalah dalam lingkungan harga sehingga RM220,000. Walau bagaimanapun, pemberian adalah bergantung kepada kemampuan peminjam dan penilaian kredit oleh bank-bank yang terlibat.

6. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Indera Mahkota, bagi menjayakan skim ini serta membantu meningkatkan pemilikan rumah, Kerajaan turut mengambil inisiatif-inisiatif lain. Antaranya ialah mengecualikan duti setem sebanyak 50% ke atas surat cara perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah pertama dan surat cara pindah milik bagi kediaman bernilai di bawah RM350 ribu.

7. Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Mukah mengenai jumlah rumah yang disediakan dibawah Skim Rumah Pertamaku. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandangkan skim ini adalah merupakan skim jaminan, ianya dilaksanakan berdasarkan konsep "*first come, first serve*". Namun begitu, berdasarkan saiz dana berjumlah RM100 juta, dijangkakan sejumlah antara 11 ribu hingga 15 ribu peminjam akan menerima jaminan ini, bergantung kepada nilai rumah. Selain itu, bagi memastikan rumah berharga sehingga RM220,000 mencukupi terutamanya di kawasan-kawasan bandar, Kerajaan menerusi syarikat milik penuh Kementerian Kewangan iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang merangka strategi dan mengenai pasti tapak-tapak untuk membina lebih banyak rumah di bawah kategori Skim Rumah Pertamaku di Lembah Klang bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang tinggi. SPNB telah mengenai pasti 7 lokasi di Lembah Klang yang berpotensi untuk pembinaan rumah-rumah dibawah kategori harga antara RM100,000 hingga RM220,000.

8. Kerajaan juga, melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan akan membina lebih banyak rumah kediaman yang bernilai antara RM100,000 ke RM220,000 di kawasan bandar. Selain itu, penawaran rumah mampu milik juga telah meningkat dalam Suku Pertama 2011 dengan pembinaan unit rumah kos rendah, flat kos rendah serta kondominium dan apartmen, masing-masing meningkat sebanyak 180.6%, 265.9% dan 52.1%. Ini menunjukkan bahawa sentimen pemaju adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan penyediaan rumah mampu milik mencukupi.

Tuan Yang Di-Pertua,

9. Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Parit Buntar mengenai status perlaksanaan dan sambutan skim ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga akhir Mei 2011, sejumlah 993 permohonan telah diterima untuk mendapatkan jaminan dibawah skim ini. Daripada jumlah itu, sejumlah 183 permohonan telah diluluskan. Sebahagian besar permohonan yang ditolak adalah disebabkan oleh jumlah pendapatan yang tidak mencukupi serta nisbah khidmat hutang (*debt service coverage ratio*) yang tinggi. Selain itu, terdapat juga permohonan yang ditolak disebabkan oleh pemohon didapati mempunyai keupayaan untuk meminjam tanpa bantuan skim serta terdapat juga pemohon yang tidak memenuhi kriteria asas skim iaitu umur melebihi 35 tahun dan pendapatan melebihi RM3,000 sebulan. Sebahagian besar pinjaman yang telah diberikan jaminan adalah bagi pembelian kediaman di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

SOALAN NO: 81

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN**

LISAN

**YB. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD
GHAZALI [TITIWANGSA]**

KHAMIS, 23 JUN 2011

13 [PR-1242-L43529]

RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN DARIPADA

TARIKH RUJUKAN SOALAN

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah masalah sebenar sehingga tanah jerlus di Jalan Mahadi Kampung Baru, apakah langkah-langkah pembaikan dan penstabilan yang diambil sudah mencukupi kerana didapati berlaku lagi tanah jerlus kali kedua serta berapa kos pembaikan keseluruhan dan adakah kontraktor yang dilantik berkemampuan dan berpengalaman untuk menangani masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran berpendapat bahawa pembetung Sungai Bunus 'by pass' yang dibina oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sejak tahun 1978 mengalami

SOALAN NO: 82

masalah sekatan aliran disebabkan oleh sampah sarap, batu batan dan bahan buangan pembinaan di beberapa lokasi sepanjang pembetung berkenaan.

Hasil kajian awal oleh pihak IKRAM mendapati sebanyak dua (2) kawasan tersumbat seperti yang dinyatakan di atas.

Untuk menyelesaikan masalah jangka pendek ini, pihak JPS telah melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja dengan segera yang mengambil masa selama tiga (3) bulan dan dijangka tamat pada pertengahan bulan Julai 2011. Kerja-kerja yang akan menelan belanja sebanyak RM1 juta adalah seperti berikut :

- 1) pembaikan infrastruktur akibat tanah mendap;
- 2) pembersihan saluran pembetung ; dan
- 3) kajian geoteknikal dan infrastruktur sepanjang jajaran pembetung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, mendapan tanah di tempat kejadian akan tetap berlaku selagi masalah bahagian dalam pembetung yang tersekat tidak ditangani sepenuhnya. Kerja-kerja pembersihan hanya dapat dibuat melalui kaedah manual dan pihak kontraktor bekerja keras untuk mengeluarkan sekatan tersebut secepat mungkin.

Untuk penyelesaian jangka panjang, JPS telah pun melantik pihak perunding di bawah peruntukan 'River of Life' (ROL) bagi tujuan mereka bentuk secara terperinci sistem saliran Sungai Bunus 'by pass'. Tender dijangka akan dipanggil pada bulan September 2011 membabitkan anggaran kos sebanyak RM30 juta. Proses pelantikan kontraktor melalui tender sudah pasti akan mengambil kira kemampuan dan pengalaman yang diperlukan bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut.

SOALAN NO: 82

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH

23 JUN 2011

SOALAN

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah bentuk tindakan diambil terhadap blog-blog yang menyiarkan laporan berunsurkan perkauman dan menyentuh soal sensitiviti yang terkandung dalam Perlembagaan Negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan undang-undang di bawah seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), dimana tindakan boleh diambil terhadap individu yang menyalahgunakan Internet dan khidmat telefon bimbit sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik. Jika disabitkan kesalahan, individu boleh

SOALAN NO: 82

didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain daripada memberi amaran kepada pemilik blog ataupun menyiasat kes tersebut di bawah Akta 599 bagi suspek dalam negara, pihak SKMM juga mengambil tindakan membuat laporan penyalahgunaan kepada hos laman web ataupun meminta pihak pemberi perkhidmatan Internet (ISP) untuk menyekat akses kepada laman-laman web di bawah Seksyen 263(2), terutamanya yang berbentuk “phishing”, penipuan, pelaburan haram, pornografi blog-blog yang menyiar laporan berunsurkan perkauman dan menyentuh soal sensitiviti.

Sebagai langkah pemantauan dan penguatkuasaan berterusan, SKMM juga telah menubuhkan Biro Aduan Pengguna dimana pengguna dinasihatkan agar membuat aduan terus ke talian 1 800 888 030 atau emel ke aduanskmm@skmm.gov.my sekiranya menerima atau menemui kandungan sedemikian. Di samping itu, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia juga telah ditubuhkan di bawah Seksyen 212, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sebagai suatu badan kawal selia industri dibawah SKMM bagi menyelia kandungan yang disebarluaskan oleh media-media elektronik berangkai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH 23 JUN 2011

NO. SOALAN : 83

RUJUKAN 3776

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan impak pelaksanaan Ops Payung PDRM dalam membantu pengurangan kadar jenayah di sesuatu kawasan berbanding kawasan-kawasan yang belum melaksanakan Ops Payung.

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang yang menanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pelaksanaan Ops Payung telah dapat mempamerkan kehadiran polis di segenap kawasan yang kerap berlakunya jenayah. Dengan cara ini ia telah dapat menutup ruang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua

Ops Payung yang telah dilaksanakan oleh polis amat memberi impak kepada penurunan kadar jenayah di sesuatu kawasan berbanding dengan kawasan-kawasan yang lain. Ops Payung dijalankan di kawasan yang mempunyai potensi untuk berlakunya jenayah. Dengan menekankan konsep "*omni-presence*" kehadiran pihak polis di kawasan yang selalu berlakunya jenayah akan mengurangkan kebarangkalian untuk berlakunya jenayah di kawasan tersebut. Di Kontinjen Selangor Ops Payung mula dilaksanakan sejak Januari 2011. Berdasarkan kepada statistik pula, Ops Payung telah menampakkan kejayaan di mana penurunan jenayah indeks sebanyak

1,718 kes (8.58%) dari Januari - Mei 2011 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2010.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL
KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS _____ (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO'SERIZAHRAIN MOHAMED HASHIM
 [BAYAN BARU]**

TARIKH 23JUN 2011 [KHAMIS]

SOALAN:

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah garis panduan di peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh mufti-mufti di peringkat negeri.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menyelaraskan fatwa yang dikeluarkan oleh mufti-mufti di peringkat negeri, satu garispanduan yang dinamakan **Garis Panduan Penetapan Hukum / Fatwa** Oleh Pihak Berkuasa Fatwa Negeri 2010 telah diwujudkan. Garispanduan ini telah dipersetujui pemakaianya oleh semua Jabatan Mufti seluruh negara melalui persidangan mufti-mufti seluruh negara kali ke-6 pada 6-8 Oktober 2010.

Antara kandungan garis panduan tersebut ialah proses mendapatkan pandangan hukum/fatwa, kaedah istinbat hukum/ fatwa dan rujukan

pandangan hukum/ fatwa. Di dalam garis panduan ini juga dinyatakan sekiranya persoalan itu menyentuh isu atau kepentingan nasional, Mufti boleh merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Begitu juga, ditambah fungsi Jawatankuasa Fatwa Negeri supaya menimbang keputusan atau pandangan hukum yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengenai isu yang menyentuh kepentingan nasional untuk diperakukan sebagai fatwa negeri. Tujuannya supaya wujudnya **penyelaras** dalam memberikan pandangan hukum/ fatwa berkaitan dengan isu atau kepentingan nasional.

Walaubagaimanapun, garis panduan yang diwujudkan ini merupakan **garis panduan umum** kepada Jabatan Mufti Negeri- Negeri dan ia adalah usaha secara pentadbiran yang **tidak mengikat** negeri-negeri secara perundangan. Ini kerana kuasa membuat dan mengeluarkan fatwa merupakan hak negeri-negeri dan mereka mempunyai peruntukan undang- undang tersendiri yang terkandung di dalamnya tatacara bagi proses pembuatan dan pengeluaran fatwa masing-masing.

Sekian, terima kasih

SOALAN NO: 85
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN (KULIM
BANDAR BARU)**

TARIKH **23 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulirn Bandar Baru] minta MENTERI
PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- (a) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan sebuah kerusi khas berkaitan bahasa dan budaya Melayu bagi Melayu-Cape (Cape-Malays) Afrika Selatan di sebuah Universiti tempatan; dan
- (b) adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk memastikan masyarakat Melayu-Cape mengekalkan identiti, budaya, bahasa & cara hidup bangsa Melayu dan agama Islam.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penubuhan kursi khas berkaitan bahasa dan budaya Melayu bagi Melayu-Cape Afrika Selatan di sebuah universiti tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengajian Tinggi.

SOALAN NO: 85

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan berpandangan kursi yang diwujudkan lebih sesuai ditempatkan di universiti negara berkenaan untuk keberkesanan penyelidikan dan pembangunan kerana lebih dekat dengan masyarakat tersebut.

- (b) Kementerian ini sentiasa menggalakkan sebarang jalinan kerjasama antara Malaysia dan masyarakat Melayu-Cape. Hubungan ini amat penting bagi memastikan masyarakat Melayu- Cape mengekalkan identiti, budaya, bahasa & cara hidup bangsa Melayu dan agama Islam dalam menjalani kehidupan sebagai masyarakat minoriti di Afrika Selatan. Dari sudut budaya dan bahasa, beberapa pihak badan bukan kerajaan (NGO) seperti Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) telah mengadakan hubungan dan jalinan kerjasama dengan masyarakat Melayu-Cape.

A<*j**2t*>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN
	JAMALUDDIN
TARIKH	23 JUN 2011 (KHAMIS)
SOALAN	NO. 86

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapakah jumlah pelajar asing yang sedang mengikuti pengajian di IPTS sehingga 31 Disember 2010. Dari jumlah tersebut berapakah jumlah pelajar dari negara Afrika.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2010, jumlah enrolmen pelajar antarabangsa yang sedang mengikuti pengajian di IPTS adalah seramai 62,705 orang. Enrolmen pelajar antarabangsa daripada negara China adalah merupakan bilangan yang tertinggi iaitu seramai 8,046. Manakala enrolmen pelajar yang berasal daripada 51 buah negara di benua Afrika adalah seramai 17,818 di mana enrolmen tertinggi adalah pelajar daripada Nigeria iaitu seramai 5,080.

NO SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO¹ ISMAIL BIN KASIM
(ARAU)

PERTANYAAN : LISAN TARIKH :

23.06.2011

Y.B. DATO¹ ISMAIL BIN KASIM [ARAU]minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah kajian lebih mendalam telah dilakukan oleh Kerajaan tentang kemampuan rakyat sebelum melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dikatakan mampu mengurangkan cukai pendapatan persendirian di negara ini.

DRAF JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menjalankan beberapa kajian bagi mengkaji kesan baik buruknya pelaksanaan GST. Antaranya pada tahun 2009, kajian impak sosial telah dijalankan untuk mengkaji impak sosial pelaksanaan GST ke atas rakyat terutamanya terhadap golongan rakyat berpendapatan rendah. Hasil kajian ini telah dimaklumkan kepada rakyat di dalam program-program kesedaran GST yang sedang dijalankan di seluruh negara.

Selain daripada itu, Kerajaan juga ada membuat kajian bagi memastikan model GST yang dilaksanakan di Malaysia akan mengambil kira kepentingan dan kebijakan semua lapisan masyarakat. Contoh-contoh dan pengalaman

daripada negara yang telah melaksanakan GST seperti United Kingdom, Australia, New Zealand, Singapura, Afrika Selatan, Thailand dan Indonesia juga diambil kira di dalam membentuk model GST yang boleh diterima baik oleh semua pihak.

Sebenarnya GST akan menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan yang dikenakan sekarang. Tambahan pula, barang keperluan harian yang terpilih adalah *zero-rated* atau tidak dikenakan cukai dalam GST.

SOALAN NO: 88

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]
TARIKH 23 Jun 2011 (Khamis)
SOALAN Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan

- (a) apakah insentif yang dinikmati oleh nelayan; dan
- (b) berikutan harga ikan makin mahal, import makin bertambah, apakah mekanisme yang boleh mengatasi perkara ini.

JAWAPAN Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
TANI

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Insentif yang diberikan oleh Kerajaan kepada golongan nelayan adalah Insentif Tangkapan Ikan sebanyak RM0.10 sekilogram ikan kepada nelayan pantai dan RM0.20 sekilogram ikan kepada pengusaha vesel Zon C2.
- (b) Antara tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kenaikan harga ikan ialah dengan menambah bekalan ikan negara menerusi kaedah-kaedah berikut:

- i) menggalakkan aktiviti akuakultur;
- ii) menambah bilangan bot transformasi iaitu pengubahsuaian bot tradisi kepada bot komersial; dan
- iii) menggalakkan nelayan bersama-sama Persatuan Nelayan Kawasan membuka lebih banyak Pasar Nelayan yang boleh memberi harga dan kualiti ikan yang lebih kompetitif di kawasan sekitar pusat pendaratan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 23 JUN 2011 (KHAMIS)

DARIPADA TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah perbelanjaan lawatan rasmi YAB Perdana Menteri dan isteri serta YAB Timbalan Perdana Menteri dan isteri mengikut tarikh, lokasi dan tujuan dari tahun 2008 hingga 2011; dan
- (b) berapakah jumlah perbelanjaan mengurus kepada isteri YAB Perdana Menteri bagi tahun 2008 hingga 2011.

NO. SOALAN: 89

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Jumlah perbelanjaan lawatan rasmi YAB Perdana Menteri dan isteri dari tahun 2008 hingga 2011 berjumlah **17,118,650.58**.

Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PERBELANJAAN
2008	1,739,332.85
2009	4,811,837.48
2010	5,140,307.99
Sehingga Jun 2011	5,427,172.26
JUMLAH	17,118,650.58

Manakala, bagi jumlah perbelanjaan lawatan rasmi YAB Timbalan Perdana Menteri dan isteri dari tahun 2008 hingga 2011 berjumlah

RM 8,020,328.07. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	'V 'V-i JUMLAH PERBELANJAAN; t {RM} i;}
2008	2,746,953.9
2009	609,185.01
2010	1,385,977.2
Sehingga Jun 2011	3,278,211.8
JUMLAH	8,020,328.0 7 ■ • -

NO. SOALAN: 89

- b) Jabatan Perdana Menteri tidak menyediakan peruntukan khusus bagi perbelanjaan mengurus kepada isteri YAB Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri hanya membiayai perbelanjaan yang melibatkan Pejabat YAB Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 23 JUN 2011 (KHAMIS)

**DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) senaraikan fungsi dan tanggungjawab Duta Khas (Infrastruktur) Malaysia ke India dan Asia Selatan; dan
- (b) berapakah gaji bulanan Duta Khas ini, jumlah gaji kakitangan dan berapa lama tempoh perkhidmatan Duta dan kakitangannya.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

NO. SOALAN: 94 10

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat fungsi dan tanggungjawab Duta Khas ke India dan Asia Selatan Dalam Bidang Infrastruktur adalah seperti berikut:

NO. SOALAN: \$t*?o

- (a) memperkuatkan dan memastikan lagi kedudukan Malaysia sebagai sebuah pusat atau sumber infrastruktur kelas pertama dan syarikat-syarikat pembinaan di India khususnya di rantau Asia Selatan;
 - (b) mengenai pasti peluang dan potensi untuk syarikat-syarikat Malaysia menjalankan projek pembangunan dan infrastruktur di India dan negara-negara Asia Selatan;
 - (c) mencadangkan kepada Kerajaan langkah-langkah bagi mewujudkan jalinan kerjasama dalam bidang pembangunan dan infrastruktur di India dan negara-negara Asia Selatan;
 - (d) bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan jabatan Kerajaan yang berkaitan yang ada hubung kait dengan pelaburan dalam bidang pembangunan dan infrastruktur di India dan negara-negara Asia Selatan;
 - (e) menjalankan program-program bersama jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan yang berkaitan dengan pelaburan dalam bidang pembangunan dan infrastruktur; dan
 - (f) bekerjasama dengan sektor swasta tempatan dan di India serta negara-negara Asia Selatan dalam menjalankan program-program berkaitan dengan bidang pembangunan dan infrastruktur.
2. Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, pelantikan YBhg. Dato'

NO. SOALAN: ft

Seri S. Samy Vellu adalah bagi tempoh dua (2) tahun mulai 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2012 dengan gaji dan elaun sebanyak RM27.227.20 sebulan. Jumlah kakitangan adalah lima (5) orang iaitu seorang Setiausaha Sulit Kanan Gred 54, seorang Pegawai Khas Gred 54, 2 orang Pembantu Khas (Setiausaha Pejabat) dan seorang Juruiring Polis.

3. Gaji kakitangan Pejabat Duta Khas ke India dan Asia Selatan Dalam Bidang Infrastruktur adalah seperti berikut:

JAWATAN	JUMLAH GAJI DAN ELAUN SEPULAN
Setiausaha Sulit Kanan Gred 54	RM7,920.44
Pegawai Khas Gred 54	RM8,716.36
Setiausaha Pejabat Gred 27	RM3,042.45
Setiausaha Pejabat Gred 27	RM2,310.40
Juruiring Polis Gred YA2	RM3,679.89
JUMLAH KESELURUHAN	RM25,669.54

No: 91

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS
(2011)

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
TARIKH	[KUANTAN]
SOALAN	23 JUN 2011 (KHAMIS)
	91

Minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan mengapakah pihak Kementerian tidak mewajibkan Lynas Corporation mengikut ketetapan dan syarat seperti yang dikenakan ke atas loji pemprosesan tanah nadir (*rare earth*) sekiranya loji tersebut dibina di Australia atau di Amerika Syarikat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebarang pelaburan yang ingin dijalankan di Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Dalam hubungan ini, Syarikat Lynas Corporation juga terikat kepada perkara ini di mana bagi tujuan menghasilkan *rare earth*, Kerajaan Malaysia telah menguatkusakan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) supaya aktiviti berkaitan dengan penghasilan sisa yang mengandungi radioaktif semulajadi ini adalah terjamin (*secure*), selamat (*safe*) dan terkawal (*safeguarded*) serta tidak membahayakan orang awam, pekerja dan alam sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang dan peraturan di bawah Akta 304 ini telah digubal mengikut standard antarabangsa khususnya yang dikeluarkan oleh

Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Sehubungan dengan itu, tidak timbul keperluan bagi Malaysia untuk mengikut ketetapan dan syarat oleh negara lain kerana di dalam beberapa aspek, Akta ini sebenarnya adalah lebih ketat dari yang terdapat di Australia ataupun di Amerika Syarikat.

SOALAN NO: 92

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]

TARIKH 23 Jun 2011 (Khamis)

SOALAN Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan

- (a) tujuan dan kesan penstrukturansubsidi minyak kepada nelayan; dan
- (b) apakah kesan langsung kepadasektor pertanian ekoran ketidakstabilan harga minyak di p

JAWAPAN Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI

Tuan Yang DiPertua,

(a) Pemberian subsidi bahan api kepada nelayan bertujuan menampung sebahagian daripada kos operasi menangkap ikan pengusaha vesel perikanan terutamanya nelayan tradisi yang berpendapatan rendah.

Penstruktur semula subsidi diesel nelayan oleh Kerajaan telah mengambil kira kepentingan kumpulan sasar yang benar-benar memerlukan bantuan iaitu nelayan pantai. Justeru, nelayan pantai yang beroperasi di Zon A, B dan C masih lagi menikmati subsidi diesel dan petrol dengan harga *super subsidy* iaitu RM1.25 seliter.

Nelayan Zon C2 merupakan pengusaha/ syarikat yang menceburi dan bergiat dalam industri perikanan laut dalam secara komersial serta mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Namun begitu, pengusaha vesel Zon C2 masih diberi subsidi oleh Kerajaan. Kerajaan hanya mengurangkan kadar subsidi bahan api yang diberikan sebanyak RM0.55 seliter iaitu daripada RM1.25 seliter kepada RM1.80 seliter. Anggaran peruntukan subsidi oleh Kerajaan untuk nelayan Zon C2 ini adalah sebanyak RM8.25 juta sebulan.

Berikutan pengurangan kadar subsidi bahan api ini, Kerajaan telah menaikkan kadar Insentif Hasil Tangkapan Ikan untuk pengusaha vesel Zon C2 daripada RM0.10 sekilogram kepada RM0.20 sekilogram. Pemberian insentif ini diharap akan mendorong pengusaha vesel Zon C2 meningkatkan hasil tangkapan dan menambah bekalan ikan dalam negara.

Ketidakstabilan harga minyak di pasaran dunia memberikan kesan secara langsung kepada sektor pertanian. Kenaikan harga minyak yang berlaku pada tahun 2005 hingga 2008 telah menyebabkan kenaikan kos bahan input pertanian. Sebagai contoh, dalam tempoh 2003 hingga 2007, harga baja sebatian telah meningkat sehingga 85 peratus, harga racun rumpai meningkat sebanyak 68 peratus, makanan ternakan meningkat sebanyak di antara 77 hingga 133 peratus, bahan kimia dan ubat-ubatan meningkat sebanyak 200 peratus dan benih meningkat di antara 59 hingga 125 peratus. Kenaikan harga bahan input menyebabkan kos pengeluaran sektor pertanian semakin meningkat menyebabkan keuntungan operasi merosot.

NAi

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN JAWAB LISAN DATUK
DARIPADA CHUA SOON BUI 23 JUN
TARIKH 2011 (KHAMIS) NO. 93
SOALAN**

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan :

- (a) bilakah pengiktirafan bilateral pendidikan tinggi antara Malaysia dan China akan dikuatkuasakan dan adakah pengiktirafan bilateral itu hanya terhad kepada institusi-institusi pendidikan tinggi tertentu sahaja; dan
- (b) adakah ini bermakna pelajar-pelajar yang lulus dalam peperiksaan-peperiksaan sekolah menengah persendirian Cina dan institusi pendidikan tinggi swasta (dari Malaysia dan China) layak memasuki universiti-universiti tempatan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pengiktirafan bilateral pengajian tinggi antara Malaysia dan China akan berkuat kuasa enam bulan selepas pemeteraian pada 28 April

2011. Pengiktirafan bilateral Ini merangkumi program-program Sarjana Muda, Sarjana dan PhD yang di akreditasi daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengiktirafan sijil Unified Examination Certificate (UEC) tidak termasuk dalam perjanjian MRA ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED PULAI
KAWASAN	
TARIKH	23.6.2011 (KHAMIS)
NO. SOALAN	

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah dan jenis pelaburan asing yang berjaya diperolehi hasil dari lawatan beliau ke Amerika Syarikat pada bulan Mei lepas.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai usaha untuk menggalakkan lagi pelaburan asing ke Malaysia,
Y.A.B Perdana Menteri telah melakukan lawatan rasmi ke New York,
Amerika Syarikat pada 17 hingga 19 Mei 2011. Beberapa program penggalakan pelaburan telah diadakan termasuk:

- ④ Persidangan Invest Malaysia (IMNY 2011) yang telah dihadiri oleh 270 peserta yang terdiri daripada broker, pengurus wang, indeks pembekal, syarikat-syarikat multinasional dan pengurus dana dari Amerika Syarikat. Lebih daripada 10 buah syarikat dari Malaysia juga turut hadir ke persidangan tersebut dan sebanyak 101 mesvuarat perniagaan telah diadakan;
- ⑤ perbincangan antara kapten-kapten Perindustrian dari Amerika Syarikat bersama Y.A.B Perdana Menteri serta dialog bersama Pengerusi Suruhaiava Sekuriti, Penqarah Khazanah Malaysia dan Ketua Pengarah MIDA; dan • Sesi “One-on-One Business Meeting” di antara Y.A.B Perdana Menteri dengan syarikat-syarikat multinasional dari Amerika Syarikat.

Tuan Yang Dipertua,

Memandangkan lawatan ini baru sahaia diadakan pada Mei yang lalu, ianya terlalu awal bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menyatakan jumlah dan ienis pelaburan yang beriava diperolehi hasil dari lawatan tersebut. Namun begitu, syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat telah memberi sokonqan terhadap Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan reformasi struktural yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia. Ini menunjukkan bahawa para pelabur dan pelabur berportfolio dari Amerika Syarikat berminat untuk terus melabur di Malaysia.

Mesyuarat Perdana The Global Science and Innovation Advisory Council (GSIAC)' yang terdiri daripada saintis dan pakar dalam pelbagai bidang telah menyatakan sokongan kepada Y.A.B Perdana Menteri mengenai potensi projek penianaan tenaga hiau biomas dan beberapa projek lain yang berteknologi tinggi. berasaskan penvelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi sebagai '*quick win project*' (dengan izin) untuk Malaysia mencapai ekonomi berpendapatan tinggi.

Syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat yang telah melabur di Malaysia ini berpendapat bahawa ETP perlu dicontohi oleh negara-negara lain dan harus digunakan sebagai acuan di dalam usaha untuk memperbaiki sistem penvampaian Kerajaan.

Secara keseluruhannya, majoriti pelabur dari syarikat-syarikat terkemuka dari Amerika Syarikat telah memberikan reaksi vang positif daripada lawatan tersebut. YAB Perdana Menteri juga begitu optimistik bahawa lawatan tersebut mampu menarik minat para pelabur dan pelabur baru untuk melabur di sektor- sektor yang difokuskan oleh Kerajaan. Lawatan ini juga bakal meloniakkan ekonomi Malaysia selain mewuiudkan lebih

banyak peluanq pekerjaan kepada rakyat Malaysia pada jangka
masa panianq.

Soalan No : 95

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN (PADANG SERAI)
TARIKH	23.06.2011

SOALAN:

Y.B. Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan pengubahsuaian yang telah dilakukan dalam buku teks Interlok dan sama ada segala pengubahsuaian yang dilakukan telah disemak semula dan mendapat persetujuan ahli-ahli panel dalam jawatankuasa yang meneliti isu buku ini. Bilakah edisi baru buku Interlok akan diperkenalkan semula oleh pihak Kementerian bagi memastikan isu-isu seperti ini tidak berulang pada masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Novel Interlok kekal digunakan berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Januari 2011. Walau bagaimanapun perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti masyarakat India telah dipinda melalui penubuhan panel bebas yang ahlinya turut dianggotai oleh masyarakat India. Mesyuarat telah diadakan sebanyak 8 kali dan panel bebas secara bersefahaman (*consensus*) telah menerima pindaan yang dilakukan dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran telah memperakui pindaan pada 23 Mei 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan tidak timbul sebarang kelemahan terhadap pindaan-pindaan yang dilakukan, Kementerian akan membuat cetakan baru novel tersebut.

NO. SOALAN: 96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]
TARIKH	23 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Y.B. Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah isi padu minyak mentah dan gas asii dari telaga minyak di Sabah serta jangka masa telaga ini dapat bertahan untuk mengeluarkan hasil dan sama ada penerokaan baru sumber asli minyak telah dijumpai di perairan sekitar Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran jumlah rizab minyak dan gas asli yang terletak di luar pantai negeri Sabah pada 1 Januari 2011 adalah masing-masing sebanyak 2.0 bilion tong dan 12.0 trilion kaki padu, termasuk rizab yang tidak ekonomikal (*uneconomical*). Jangka hayat bagi rizab minyak dan gas asli masing- masing adalah selama 33 tahun dan 30 tahun, sekiranya pembangunan semua rizab yang tersebut di atas dapat dilaksanakan secara ekonomikal dan mendapat pulangan yang sewajarnya.

PETRONAS sentiasa menjalankan aktiviti-aktiviti eksplorasi untuk mencari medan- medan minyak dan gas baru, bukan sahaja di luar pantai Sabah malah di lokasi-lokasi lain di Malaysia serta di serata dunia untuk kegunaan negara dan generasi akan datang.

NO. SOALAN : 97

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA WILFRED
MOJILIP BUMBURING [TUARAN]
TARIKH 23 JUN 2011
RUJUKAN 3777

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kadar penurunan jenayah di Sabah mengikut jenis dan tahun.
JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi tahun 2009 terdapat sebanyak 6,985 kes jenayah telah dilaporkan bagi negeri Sabah. Bagi tahun 2010 pula, sebanyak 3,594 kes jenayah telah dilaporkan di mana berlaku penurunan sebanyak 49% atau sebanyak

3,394 kes berbanding dengan tahun sebelumnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH]
TARIKH	23 Jun 2011
SOALAN	

Y.B. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta PERDANA MENTERI menyatakan butiran lengkap mengenai cadangan pelaburan RM50 bilion Petronas dalam projek gas dan minyak di Pengerang, Johor.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang dinyatakan di dalam Kenyataan Media PETRONAS serta laporan-laporan akhbar, Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia atau *Refinery and Petrochemicals Integrated* (RAPID) bakal terdiri daripada kompleks penapisan minyak mentah, kompleks pengunsuran cecair (*liquid cracker*) dan sebuah kompleks polimer dan petrokimia yang boleh mengeluarkan pelbagai bahan kimia khusus.

Kompleks penapisan minyak mentah yang akan dibina bakal mempunyai kapasiti pemprosesan sebanyak 300,000 tong sehari, manakala kompleks pengunsuran cecair dijangka mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 3 juta tan metrik ethylene, propylene serta olefin C4 and C5 setahun. Kompleks petrokimia khusus pula bakal mempunyai kapasiti keseluruhan melebihi 3 juta tan metrik.

RAPID yang kini diperengkat kajian kebolehlaksanaan terperinci (*detailed feasibility study*) akan dibangunkan di kawasan seluas kira-kira 2,500 ekar dan dijangka mula beroperasi pada akhir 2016.

NO SOALAN

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD
(KUALA SELANGOR)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2011

Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD [KUALA SELANGOR] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan dakwaan kajian "The 2010 Prices and Wages Report by Swiss Bank UBS AG" yang menunjukkan bahawa warga Kuala Lumpur hanya mempunyai 33.8% dari kuasa membeli (puchasing power) berbanding warga New York, 42% kuasa membeli warga London, 33.7% warga Sydney dan 31.6% warga Zurich sekali gus melenyapkan persepsi bahawa kehidupan di negara ini adalah murah. kosdansaraan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian "The 2010 Prices and Wages Report oleh Swiss Bank UBS AG" adalah perbandingan pariti kuasa beli yang meliputi 73 bandaraya seluruh dunia. Kiraan pariti kuasa beli ini berdasarkan kepada tiga komponen utama iaitu pendapatan, kadar inflasi dan juga kadar pertukaran mata wang asing. Dalam kajian tersebut Indeks Harga Pengguna (IHP) negara-negara Eropah dijadikan asas pengiraan pariti kuasa beli untuk tujuan perbandingan. Namun, apa yang diperhatikan ialah wajaran kumpulan perbelanjaan individu di kalangan negara Eropah adalah lebih besar kepada kumpulan perkhidmatan lain (miscellaneous service) iaitu 22% berbanding dengan wajaran terbesar IHP Malaysia, iaitu kumpulan makanan dan minuman sebanyak 31.4%. Tambahan

pula, purata penduduk per isi rumah yang digunakan dalam laporan tersebut adalah berbeza iaitu tiga per isi rumah di Eropah berbanding 4.2 di Kuala Lumpur.

2. Walaupun kajian Swiss Bank UBS, AG menunjukkan warga Kuala Lumpur hanya mempunyai 33.8% daripada kuasa beli (purchasing power) berbanding warga New York, 42% dengan warga London, 33.7% warga Sydney dan 31.6% warga Zurich. Namun, semua bandaraya ini merupakan kalangan negara-negara berpendapatan tinggi. Justeru, lebih tepat sekiranya Kuala Lumpur dibandingkan dengan bandaraya di kalangan negara Asia berpendapatan sederhana (middle-income countries) seperti Indonesia, Filipina, Thailand, China dan India.

3. Jika perbandingan dengan negara-negara berpendapatan sederhana tersebut dibuat, warga Jakarta hanya mempunyai 36.6% dari kuasa beli berbanding warga Kuala Lumpur. Warga di bandaraya lain di kalangan negara berpendapatan sederhana juga mempunyai kuasa beli yang lebih rendah daripada warga Kuala Lumpur. Malahan, Singapura yang merupakan negara berpendapatan tinggi mempunyai pariti kuasa beli yang lebih rendah berbanding negara kita. Pada masa yang sama, kajian Swiss Bank ubs AG turut mendedahkan bahawa Kuala Lumpur merupakan antara bandaraya yang mempunyai kos sara hidup yang rendah. Oleh itu, persepsi mengenai kos dan sara kehidupan di negara kita adalah tinggi adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Untuk membolehkan rakyat negara ini berdiri sama tinggi setanding dengan rakyat negara-negara berpendapatan tinggi yang lain, Kerajaan sedang berusaha meningkatkan pendapatan rakyat melalui Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) dan juga konsep IMalaysia. Dengan tercapainya hasrat murni ini, Kerajaan yakin kualiti hidup rakyat Malaysia akan setaraf malah lebih baik daripada rakyat negara berpendapatan tinggi yang lain. Oleh itu, semua pihak termasuk pihak pembangkang perlu berganding bahu, sama-sama memberi sokongan yang padu kepada kerajaan bagi menjayakan usaha ini ke arah menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi dengan kualiti hidup rakyat

yang lebih sejahtera.
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN **SOALAN (100)**
TARIKH : 23 JUN 2011 (KHAMIS)
DARIPADA : DATO' NORAINIBINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

SOALAN

DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan strategi dan langkah-langkah yang telah diambil untuk membendung kenaikan harga rumah yang agak keterlaluan buat masa ini terutamanya di kawasan-kawasan bandar seperti di Lembah Kelang dan Pulau Pinang sehingga ia berada di luar kemampuan segolongan besar rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasaran harga rumah di seluruh negara ditentukan oleh beberapa faktor antaranya adalah penawaran dan permintaan, lokasi, nilai harta tanah, kos upah pekerja dan kos bahan binaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan hanya mengawal penjualan dan pemilikan bagi perumahan kos rendah sahaja bagi memastikan golongan sasaran mendapat manfaat dan kemudahan.

Bagi kategori rumah kos lain, pada umumnya pihak pemaju akan melaksanakan

kajian pasaran terlebih dahulu untuk mengenai pasti keperluan permintaan sebelum sesuatu projek perumahan dilaksanakan. Berasaskan kepada kedudukan pada masa ini, pembangunan perumahan banyak tertumpu di kawasan bandar seperti di Lembah Klang dan Pulau Pinang yang padat dengan penduduk di mana keupayaan pembeli adalah lebih tinggi dan pasaran perumahan adalah lebih meluas.

Bagi tujuan membendung kenaikan harga rumah yang agak keterlaluan, Kerajaan sentiasa mengawal spekulasi harga rumah melalui beberapa langkah tertentu. Antaranya termasuk pelaksanaan semula Cukai Keuntungan Harta

Tanah (*Real Property Gains Tax*) pada tahun 2010. Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2010 kadar cukai yang dikenakan bergantung kepada tempoh pegangan aset dari tarikh pemerolehan iaitu seperti berikut:-

Kadar Cukai (%)	
Dalam tempoh 2 tahun	30 30
Dalam tahun ketiga	20 20
Dalam tahun keempat	15 15
Dalam tahun kelima dan seterusnya	5 5

Selain itu, Bank Negara Malaysia telah mengenakan had nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*) maksimum sebanyak 70 peratus bagi pinjaman ketiga untuk mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran perumahan. Langkah-langkah ini akan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam sektor perumahan dan seterusnya menstabilkan harga rumah.

Langkah-langkah awal yang diambil oleh Kerajaan ini telah menunjukkan hasilnya. Ini berdasarkan Laporan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia yang menunjukkan penurunan harga rumah sebanyak 1.5% bagi suku pertama tahun 2011 berbanding suku keempat tahun

2010 iaitu daripada 8.0% kepada 6.5%.

Melalui Dasar Perumahan Negara (DRN), Kerajaan mempunyai matlamat untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kemapanan hidup rakyat. Kerajaan juga dengan kerjasama pihak swasta akan terns menyediakan kemudahan perumahan untuk semua golongan rakyat termasuk golongan berpendapatan sederhana. Konsep Perkongsian Awam Swasta (*Public-Private Partnership*) akan dilaksanakan di mana tanah-tanah Kerajaan akan ditawarkan kepada pemaju swasta yang berwibawa untuk pembinaan rumah mampu milik (RMM) yang berkualiti dan lengkap dengan kemudahan asas. Diharap langkah-langkah yang diambil pihak Kerajaan ini akan memberikan peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN **SOALAN NO : 101**
DARIPADA DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]
TARIKH 23 JUN 2011
SOALAN

DR. LEE BOON CHYE [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menyatakan jumlah pesakit/rawatan yang diberi oleh Klinik 1 Malaysia setakat ini serta purata kos untuk setiap rawatan, termasuk kos ubat dan peralatan, gaji dan sewa.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pesakit yang telah menggunakan khidmat di 80 buah Klinik 1 Malaysia di seluruh negara sehingga 29 Mei 2011 adalah berjumlah 2,144,112 orang. Bagi tahun 2010 jumlah kedatangan pesakit adalah seramai 1,327,680 orang. Manakala bagi tahun 2011 sehingga 29 Mei 2011 adalah berjumlah 816,532 orang pesakit.

Kos pengoperasian bagi Klinik 1 Malaysia iaitu kos ubatan, peralatan termasuk gaji dan sewa juga penyelenggaraan bangunan bagi tahun 2010 adalah berjumlah RM 12.5 juta (50 buah klinik).

Purata kos rawatan bagi setiap pesakit di Klinik 1 Malaysia akan bergantung kepada jumlah pesakit dan kos permulaan pengoperasian bagi setiap Klinik 1 Malaysia tersebut. Analisa bagi tahun 2010 sehingga 31 Disember 2010 untuk purata kos rawatan setiap pesakit adalah sebanyak RM 9.41 (termasuk sewa, gaji dan sebagainya).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN TONY PUA KIAM WEE

[PETALING JAYA UTARA]

TARIKH 23 JUN 2011 (RABU)

SOALAN

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) bayaran yang telah dibuat kepada Gamuda-MMC untuk projek pembinaan MRT dan sebarang nilai kerja yang telah dibuat,

SOALAN NO.103

tetapi yang belum dibayar; dan

- (b) anggaran kos pelantikan Gamuda-MMC kepada Kerajaan, termasuk kos contingency atau luar jangkaan, jika ada untuk projek MRT.

SOALAN NO.102

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat kini belum ada sebarang pembayaran di buat kepada pihak G-MMC. Pembayaran akan bermula setelah Project MRT dilancarkan dengan rasmi dan kerja-kerja dilaksanakan mengikut Plan dan Jadual Kerja Projek .

Berhubung pengiraan kos perlantikan MMC-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd, yang merupakan Project Delivery Partner, buat masa ini adalah di peringkat kajian dan semakan. Kos ini merupakan fi yang akan dikira mengikut peratusan kos projek. Memandangkan kos projek belum lagi dapat diputuskan pada masa ini kerana kelulusan muktamad skim keretapi masih belum diberi, jumlah fi untuk PDP belum lagi dapat ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
SOALAN NO: 103

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK**
KAWASAN : **SIK**
TARIKH : **23 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN:

Y.B. **TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan lebuh raya Weng-Durian Burung peringkat C dan D yang telah terbengkalai lebih 2 tahun. Bilakah projek ini akan dapat disiapkan sepenuhnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sehingga kini hampir keseluruhan pelaksanaan projek Jalan Raya Durian Burung/Pedu/Gubir/Kupang (Trans Eastern Kedah Interland Highway - TEKIH) telah siap dan dibuka kepada pengguna secara berperingkat-peringkat.

Projek dengan nilai keseluruhan sebanyak RM442.5 juta ini terbahagi kepada 2 pakej, iaitu Pakej A sepanjang 75 kilometer dari Durian Burung ke Pedu, dan Pakej B yang dibahagikan lagi kepada 5 segmen sepanjang 40 kilometer. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Pakej B, iaitu Segmen C dan D dari Pedu ke Sg. Chapar dan Sg. Sok ke Weng telah mengalami masalah dan tergendala pelaksanaannya berikutan dari kegagalan kontraktor untuk menyiapkan projek sebagaimana jadual. Sehubungan itu, kontrak bagi Segmen C telah ditamatkan secara persetujuan bersama (mutual termination) pada 17 Julai 2010 dan Segmen D pula pada 9 Ogos 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tender bagi Projek Menyiapkan Kerja-Kerja Terbengkalai Pakej C dan D tersebut telah ditutup pada 28 April 2011 dan pada masa kini jabatan Kerja Raya (JKR) sedang dalam proses untuk melantik kontraktor yang baru bagi meneruskan pelaksanaan projek berkenaan.

JAWAPAN:

Sehubungan itu, kerja- kerja di tapak dijangka akan dimulakan selewat-lewatnya pada bulan

September 2011 ini dengan tempoh siap kerja keseluruhan iafah selama 18 bulan, bermula dari tarikh kontraktor penyiap memasuki tapak.

Sekian. Terima kasih.

SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO: 104

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN - BN]

TARIKH 23 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN NO. 104 (AUM M/S. 271)

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan - BN] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan

- (a) perancangan jangka pendek dan panjang serta pendekatan dalam berhadapan dengan golongan belia dan belianis yang terdedah kepada dunia tanpa sempadan (*borderless world*)] dan
- (b) perancangan Kerajaan untuk membina sebuah mini kompleks sukan di daerah Kinabatangan bagi aktiviti riadah golongan belia.

JAWAPAN

1. Enam (6) inisiatif Makmal Transformasi Pembangunan Belia (MyPark, Parlimen Belia, VyRec, Youth Icon, MyCorps, dan the Leader) merupakan perancangan jangka pendek Kementerian untuk dilaksanakan dalam tempoh 3 tahun. Setiap inisiatif ini telah mengambil kira cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan belia termasuklah era dunia tanpa sempadan. Perancangan jangka panjang pula telah merangka tujuh (7) teras strategik sebagai garis panduan mencapai visi dan misi Nasional. Perancangan ini

|

SULIT

SULIT

bermatlamat ke arah perubahan minda (*mindset*) generasi muda yang akan mengisi tahun 2020.

2. Memandangkan peruntukan KBS yang terhad, maka buat masa sekarang Kementerian tidak dapat menyediakan peruntukan bagi pembinaan mini kompleks sukan di daerah Kinabatangan. Walau bagaimanapun sekiranya menerima peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan, maka pihak Kementerian akan memberi pertimbangan terhadap cadangan tersebut.

SULIT

SULIT 2

SOALAN NO: 105

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]

TARIKH

23 Jun 2011 (Khamis)

SOALAN

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah kriteria yang diambil kira di dalam membangunkan sesebuah pelabuhan perikanan.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Dalam membangunkan sesebuah Pelabuhan Perikanan, antara kriteria utama yang diambil kira adalah seperti berikut:

- (i) tapak yang mempunyai "water frontage" yang cukup luas, sekurang-kurangnya 300 meter panjang, kedalaman air tidak kurang daripada 3.5 meter dan tidak terjejas oleh air pasang surut dan ombak besar. Kawasan juga mesti terlindung serta tiada kesan hakisan dan penambakan;
- (ii) tiada masalah setinggan, tuntutan hak milik tanah atau lain-lain masalah berkaitan di kawasan sekitar tapak pelabuhan;
- (iii) mudah mendapat kemudahan utiliti seperti bekalan air dan elektrik; dan
- (iv) mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap termasuk jalinan jalanraya serta lokasi tidak jauh dari Lapangan Terbang dan pelabuhan komersial/ kargo.

NO SOALAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA Y.B. DATO¹ SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHEAL TOYAD
 ABDULLAH
 (MUKAH)
PERTANYAAN LISAN
TARIKH 23.06.2011

Y.B. DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHEAL TOYAD ABDULLAH [MUKAH] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapa unit rumah telah dicadangkan untuk "My First House Program" setahun khas untuk masyarakat belia di seluruh negara.

JAWAPAN

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sibuti yang dijadualkan pada hari ini bersama pertanyaan Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Mukah, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Parit Buntar yang dijadualkan pada 21, 22, 23 dan 27 Jun 2011, memandangkan kelapan-lapan pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang hampir sama.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyediaan Skim Rumah Pertamaku telah diumumkan ketika pembentangan Bajet 2011 pada bulan Oktober 2010 yang lalu. Skim ini secara rasminya telah dilancarkan pada 8

Mac 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Skim Rumah Pertamaku ini adalah bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Langkah ini akan dapat membantu golongan muda dan berpendapatan sederhana memiliki rumah dan ini sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia.

3. Melalui skim ini, Kerajaan akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Contohnya, jika sekiranya seorang peminjam mendapat pembiayaan 100%, Kerajaan akan menjamin sebanyak 10% daripada pembiayaan berkenaan. Selain itu, skim ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat yang berusia dibawah umur 35 tahun dengan pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang ingin dimiliki dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Skim ini juga bukanlah jaminan bahawa setiap pembeli kediaman yang berharga antara RM100,000 sehingga RM220,000 layak diberikan pembiayaan perumahan.

4. Bagi menjawab Pertanyaan Yang Berhormat Gelang Patah, adalah dimaklumkan bahawa Skim Rumah Pertamaku ini disediakan bagi pembelian rumah kediaman kali pertama di seluruh negara. Oleh itu, pembeli boleh memilih untuk membeli rumah termasuk di Iskandar Malaysia serta di Parlimen Gelang Patah.

5. Bagi menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat Bukit Katil mengenai mekanisme harga rumah mengikut kawasan, adalah dimakluman, nilai pinjaman perumahan di bawah Skim Rumah Pertamaku adalah antara RM100,000 hingga RM220,000 bagi memenuhi permintaan daripada golongan yang berpendapatan kurang dari RM3,000 sebulan. Ini adalah kerana, bagi peminjam yang berpendapatan RM3,000 sebulan, kadar bayaran balik pinjaman yang ideal adalah sehingga RM1,000 sebulan berdasarkan syarat bahawa bayaran balik pinjaman perumahan adalah di hadkan tidak melebihi 1/3 daripada pendapatan.

Berdasarkan kadar faedah semasa, dan tempoh bayaran balik sehingga 30 tahun, jumlah pembiayaan maksimum yang layak adalah dalam lingkungan harga sehingga RM220,000. Walau bagaimanapun, pembiayaan adalah bergantung kepada kemampuan peminjam dan penilaian kredit oleh bank-bank yang terlibat.

6. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Indera Mahkota, bagi menjayakan skim ini serta membantu meningkatkan pemilikan rumah, Kerajaan turut mengambil inisiatif-inisiatif lain. Antaranya ialah mengecualikan duti setem sebanyak 50% ke atas surat cara perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah pertama dan surat cara pindah milik bagi kediaman bernilai di bawah RM350 ribu.
7. Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Mukah mengenai jumlah rumah yang disediakan dibawah Skim Rumah Pertamaku. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandangkan skim ini adalah merupakan skim jaminan, ianya dilaksanakan berdasarkan konsep "*first come, first serve*". Namun begitu, berdasarkan saiz dana berjumlah RM100 juta, dijangkakan sejumlah antara 11 ribu hingga 15 ribu peminjam akan menerima jaminan ini, bergantung kepada nilai rumah. Selain itu, bagi memastikan rumah berharga sehingga RM220,000 mencukupi terutamanya di kawasan-kawasan bandar, Kerajaan menerusi syarikat milik penuh Kementerian Kewangan iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang merangka strategi dan mengenai pasti tapak-tapak untuk membina lebih banyak rumah di bawah kategori Skim Rumah Pertamaku di Lembah Klang bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang tinggi. SPNB telah mengenai pasti 7 lokasi di Lembah Klang yang berpotensi untuk pembinaan rumah-rumah dibawah kategori harga antara RM100,000 hingga RM220,000.
8. Kerajaan juga, melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan akan membina lebih banyak rumah kediaman yang bernilai antara RM100,000 ke RM220,000 di kawasan bandar. Selain itu, penawaran rumah mampu milik juga telah meningkat dalam Suku Pertama 2011 dengan pembinaan unit rumah kos rendah, flat kos rendah serta kondominium dan apartmen, masing-masing meningkat sebanyak 180.6%, 265.9% dan 52.1%. Ini menunjukkan bahawa sentimen pemaju adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan penyediaan rumah mampu milik mencukupi.

Tuan Yang Di-Pertua,

9. Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Parit Buntar mengenai status perlaksanaan dan sambutan skim ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga akhir Mei 2011, sejumlah 993 permohonan telah diterima untuk mendapatkan jaminan dibawah skim ini. Daripada jumlah itu, sejumlah 183 permohonan telah diluluskan. Sebahagian besar permohonan yang ditolak adalah disebabkan oleh jumlah pendapatan yang tidak mencukupi serta nisbah khidmat hutang (*debt service coverage ratio*) yang tinggi. Selain itu, terdapat juga permohonan yang ditolak disebabkan oleh pemohon didapati mempunyai keupayaan untuk meminjam tanpa bantuan skim serta terdapat juga pemohon yang tidak memenuhi kriteria asas skim iaitu umur melebihi 35 tahun dan pendapatan melebihi RM3,000 sebulan. Sebahagian besar pinjaman yang telah diberikan jaminan adalah bagi pembelian kediaman di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

N0:107

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS

(2011)

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

[HULU LANGAT]

TARIKH
SOALAN

23 JUN 2011

107

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan pencapaian yang telah dicapai setakat ini dalam kajian Angkasa dan sumbangannya kepada pembangunan negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sektor angkasa merupakan sektor strategik yang berupaya membawa pulangan yang besar kepada negara dalam aspek ekonomi mahupun keselamatan negara. Malaysia sentiasa berusaha membangunkan sektor strategik ini sama ada dari segi modal insan, teknologi, prasarana, dan yang lebih penting, aplikasi serta penggunaan teknologi angkasa bagi menambahkan sumber ekonomi negara dan juga meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Secara amnya, kajian sains angkasa yang dijalankan masih baru dan melibatkan kajian asas (*fundamental research*) yang masih memerlukan masa sebelum ianya dapat dikomersialkan. Antaranya ialah Kajian Sains Mikro-gravitasi yang telah menjana ilmu pengetahuan baru, pembangunan modal insan dan pengiktirafan saintis tempatan di

peringkat global. Hasil dari kejayaan eksperimen mikrograviti Malaysia semasa Program Angkasawan Negara, pihak *Japan Aerospace and Exploration Agency* (JAXA) telah menawarkan kerjasama dalam Program Penghabluran Kristal Protein. Sembilan jenis protein berkualiti tinggi telah dan akan dihantar ke Stesen Angkasa Antarabangsa bagi menguji sifat penghablurnya yang berpotensi memberi pulangan saintifik dan ekonomi negara. Pihak JAXA juga telah menawarkan Program Penerbangan Parabolik yang memberi peluang kepada pelajar universiti Malaysia melakukan eksperimen simulasi mikrograviti.

Selain dari pihak Jepun, pihak Rusia juga menerusi *Institute of Bio-Medical Problem* (IBMP) telah menawarkan eksperimen dalam Program MARS500 bertujuan mendapatkan data yang diperlukan untuk membina sistem sokongan bio-perubatan dan sistem sokongan aktiviti bagi krew sebenar yang akan menyertai misi ke planet Marikh suatu masa nanti.

Secara ringkasnya, pencapaian kajian sains mikrograviti semasa Program Angkasawan Negara ialah sebanyak lapan paten telah difaikan di Malaysia dan antarabangsa, satu cap dagangan didaftarkan dan satu *spin-off* dalam peringkat akhir penyelidikan untuk dikomersialkan (*portable sterilizer* dan *laminar hood sterilizer*)

Tuan Yang Di Pertua,

Selain dari itu, kajian berkaitan astronomi/astrofizik juga giat dilakukan dengan kerjasama beberapa universiti tempatan mahu pun dengan agensi luar negara seperti Program Cuaca Angkasa dengan kerjasama *Space Environment Research Center* (SERC), *University of Kyushu*, Jepun.

Kajian-kajian lain dalam bidang angkasa seperti pembangunan teknologi satelit (remote sensing, komunikasi dan saintifik), teknologi pelancar (roket) dan prasarana Bumi untuk pembangunan dan pengoperasian sistem angkasa juga sedang rancak dilaksanakan. Pembangunan sektor angkasa negara dapat mengurangkan kebergantungan kepadaaran dan perkhidmatan daripada negara luar seterusnya menyokong perkembangan kepadaaran tempatan dan meningkatkan keupayaan pembangunan modal insan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui MOSTI dan agensi di bawahnya seperti Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan Agensi Remote Sensing Negara (MACRES) bersama-sama Universiti dan beberapa Pusat Penyelidikan lain, telah dan sedang melaksanakan pembangunan-pembangunan ini bagi memastikan negara akan mempunyai keupayaan yang sewajarnya di dalam sektor angkasa menjelang tahun 2020 nanti.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]

TARIKH : 23 JUN 2011

SOALAN

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan kepada pihak orang awam apakah syarat-syarat yang telah dikenakan ke atas LAMP (Lynas Advanced Material Plant) di Gebeng sewaktu DOE Pahang meluluskan laporan EIA ke atas pembinaan loji tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA - Environmental Impact Assessment) bagi cadangan projek *Lynas Advanced Material Plant* di Gebeng, Kuantan telah diluluskan pada 15 Februari 2008 dengan syarat-syarat kelulusan, setelah menepati kehendak Seksyen 34A(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Skop kajian EIA ini tidak termasuk kajian impak sisa radioaktif kerana perkara berkaitan sisa radioaktif adalah tertakluk kepada Akta Perlesenan Tenaga Atom, 1984 yang

dikuatkuasakan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.
Di antara syarat-syarat kelulusan laporan EIA yang dikenakan oleh Jabatan Alam

Sekitar kepada pemaju projek, Lynas Malaysia Sdn Bhd adalah:-

- (i) Kawalan dan pengawasan kualiti air semasa peringkat pembinaan dan operasi kilang yang merangkumi antaranya, pematuhan kepada standard pelepasan efluen perindustrian yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, sebelum ianya dilepaskan ke mana-mana alur air, termasuklah amalan kitar semula air buangan bagi meminimumkan pelepasan air buangan ke dalam alur air. Pengawasan kualiti air di hulu dan hilir Sungai Balok juga hendaklah dijalankan di peringkat kerja tanah dan operasi;
- (ii) Pengawasan kualiti air tanah (*groundwater*) semasa peringkat pembinaan dan operasi kilang;
- (iii) Kawalan dan pengawasan kualiti udara bagi pelepasan gas dan bendasing udara dari sebarang alat pembakaran bahan api dan cerobong ke udara yang meliputi pematuhan kepada standard pelepasan udara yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Pengawasan kualiti udara ini juga termasuk pengawasan kualiti udara ambien yang perlu dijalankan di sepanjang tempoh operasi kilang;
- (iv) Kawalan dan pengurusan bahan kimia dan buangan terjadual, mengikut kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974;
- (v) Kawalan dan pengurusan bunyi bising; dan
- (vi) Kawalan keselamatan dan kecemasan yang merangkumi penyediaan dan pengujian Pelan Tindakan Kecemasan (Emergency Response Plan) bagi 'on-site' dan 'off-site' bagi menghadapi sebarang kecemasan

atau kejadian di luar jangkaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, walaupun skop kajian EIA bagi cadangan projek ini tidak termasuk kajian impak sisa radioaktif kerana ianya di luar kawalan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, namun begitu, Jabatan Alam Sekitar Pahang juga telah menyatakan di dalam surat kelulusan laporan EIA bahawa sebarang pengawasan, pengurusan dan pelupusan bahan dan sisa radioaktif hendaklah mendapat kelulusan dan mematuhi semua kehendak perundangan cfaripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom, 1984.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD

[SIPITANG]

TARIKH 23 JUN 2011

RUJUKAN 3778

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang telah dan sedang diambil untuk menyekat gerakan militan di negara ini, jumlah kumpulan yang dikenal pasti dan jumlah mereka yang telah dikenakan tindakan, termasuk ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Sipitang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kegiatan kumpulan militan atau berideologikan keganasan di Malaysia banyak terpengaruh dengan gerakan Jemaah Islamiah yang berasal dari Indonesia. Terdapat juga kumpulan yang terpengaruh dengan perjuangan rangkaian antarabangsa Al-Qaeda dan Taliban di Afghanistan dan cuba menggabungkan diri dengan rangkaian tersebut. Ada kumpulan militan yang berasaskan ideologi dan perjuangan dengan isu berbangkit di negara jiran seperti isu umat Islam di selatan Thailand dan selatan Filipina.

Dalam hubungan ini, Kerajaan amat serius dan akan mengambil tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana individu yang terlibat dengan gerakan militan di negara ini. Namun demikian, tindakan hanya akan diambil sekiranya siasatan mendapati perbuatan tersebut benar-benar melanggar undang-undang dan mampu menggugat keselamatan negara atau ketenteraman awam.

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini terdapat dua (2) kumpulan militan atau beridealogikan keganasan yang kini dikenakan tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) iaitu Jemaah Islamiah dan Jemaah Santri Melayu. Jumlah mereka yang sedang menjalani Perintah Tahanan di bawah ISA tersebut di KEMTA, Taiping, Perak adalah seramai lima (5) orang.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**
[PADANG TERAP]

TARIKH 23 JUN 2011

SOALAN:

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjelaskan kembali maksud "Islam sebagai Agama bagi Persekutuan".

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan berpandangan bahawa tiada keperluan untuk menjelaskan kembali maksud Islam sebagai agama bagi Persekutuan memandangkan perkara tersebut telah dihurai dengan panjang lebar dan ditafsirkan secara jelas oleh mahkamah tertinggi negara dalam banyak kes yang telah diputuskan sebelum ini.

Sebagai contoh, dalam kes *Lina Joy Iwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Lain-Lain [2007] 4 MLJ 584*, mahkamah tertinggi negara telah menerima tafsiran yang dibuat oleh al-Maududi, iaitu Islam bukan sahaja merupakan himpunan dogma dan ritual tetapi ia juga merupakan cara hidup yang lengkap yang merangkumi semua bidang kegiatan manusia; persendirian atau awam, perundangan, politik, ekonomi, sosial, budaya, moral atau juga kehakiman.

Dalam penghakiman yang sama, YAA Tun Ahmad Fairuz turut memetik kata-kata YA Abdul Hamid bin Mohamad (Hakim Mahkamah Rayuan pada masa tersebut) dalam kes *Kamariah bte AH dan lain-lain v Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia dan satu lagi [2002] 3 MLJ 657*, antara lain, seperti yang berikut:

“...Ini kerana kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berlainan daripada kedudukan agama-agama lain. Pertama, hanya Islam, sebagai satu agama, yang disebut dengan namanya dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu sebagai ‘agama bagi Persekutuan’ (‘the religion of the Federation’) - Perkara 3(1).”

Manakala dalam kes ***Meor Atiqulrahman Ishak & Yang Lain Iwn. Fatimah Sih & Yang Lain [2000] 1 CLJ***, Yang Arif Hakim Mohd Noor Abdullah, dalam penghakimannya telah menyatakan seperti yang berikut:

“Peruntukan Islam sebagai ugama Persekutuan hendaklah diberi tafsiran yang sewajarnya. Ia bermakna kerajaan bertanggungjawab memelihara menyemarak dan mengembangkan Islam sepetimana yang termampu dilakukan oleh kerajaan sekarang seperti mendirikan masjid dan pusat dakwah, menganjurkan musabaqah al-Quran, menghafal al-Quran, menyekat perbuatan mungkar seperti mengharamkan minuman keras, perjudian, pelacuran dan menyekat budaya kuning dan sepatutnya termasuk membuat undang-undang bagi menjamin rumah-rumah ibadat ugama-ugama lain tidak melebihi atau bersaing dengan Masjid Negara/Negeri dari segi lokasi dan keterampilan, saiz dan bentuk yang keterlaluan, ataupun terlalu banyak dan di merata-rata tempat yang tak terkawal. ugama-ugama lain hendaklah diatur-suai dan dihalatuju ke arah yang menjamin supaya ia diamalkan dengan aman dan damai dan tidak menggugat kedudukan utama ugama Islam bukan saja pada zaman ini tetapi yang lebih penting untuk zaman akan datang dan berterusan...”.

Justeru, kes-kes tersebut telah membuktikan bahawa tiada keperluan di pihak Kerajaan untuk menjelaskan kembali maksud “Islam sebagai

Agama bagi Persekutuan”.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 103
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT TUA
TARIKH KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN N
[HULU SELANGOR]
23 JUN 2011

SOALAN:

TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang akan di ambil oleh
JPA untuk membantu pelajar-pelajar (bukan Bumiputera) yang
mempunyai keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM/STPM dan
memenuhi semua syarat kelayakan, dan ramai daripada mereka daripada
keluarga yang miskin, tetapi tidak layak menerima biasiswa atau bantuan
melanjutkan pelajaran.

NO SOALAN : 111

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada Program Ijazah Luar Negara (PILN) yang sering menjadi rebutan, Kerajaan turut menawarkan biasiswa bagi pelajar cemerlang di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan di bawah Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) di peringkat Ijazah Pertama. Tawaran biasiswa ini adalah terbuka kepada semua pelajar yang memenuhi syarat yang ditetapkan tanpa mengira kaum. Kriteria pemilihan PIDN adalah berdasarkan kecemerlangan akademik 80% dan sosio ekonomi keluarga 20%. Sehubungan itu, pelajar-pelajar yang cemerlang dari keluarga berpendapatan rendah dan memenuhi syarat yang ditetapkan mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan biasiswa di bawah program ini.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 112

DARIPADA TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN]

TARIKH 23 JUN 2011

RUJUKAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN 3779
DEWAN RAKYAT

SOALAN:

PERTANYAAN Tuan LISAN Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap aduan yang menyatakan bahawa wujud syarikat-syarikat palsu yang menipu serta mengaku telah dipilih oleh Kementerian untuk program pemulihan pendatang asing tanpa izin (PATI) serta bilangan aduan yang diterima.

JAWAPAN:
Tuan Yang Di Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri telah membuat beberapa laporan polis terhadap syarikat-syarikat palsu yang mengaku telah dipilih oleh Kementerian untuk program pemutihan pendatang asing tanpa izin (PATI). Dalam hubungan ini, pihak Polis Diraja Malaysia masih menjalankan siasatan berhubung isu penipuan syarikat-syarikat ini. Kementerian Dalam Negeri telah menerima sejumlah 8 aduan dari agensi-agensi kerajaan sendiri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
(PENDANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2011

Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG] MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah hutang pinjaman berhubung industri air bagi setiap negeri di Malaysia kepada Kerajaan Pusat setakat mana pembayaran balik mengikut negeri yang terkini.

NO SOALAN

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan bagi sektor bekalan air ialah berjumlah RM11,978.88 juta setakat 31 Mei 2011. Pecahan hutang mengikut pinjaman ialah seperti berikut:

Bil.	Peminjam	Jumlah Hutang (RM Juta)
1.	Pengurusan Aset Air Berhad	1,892.36
2.	Kedah	1,821.83
3.	Sabah	1,723.40
4.	Pahang	1,658.08
5.	Perak	874.79
6.	Sarawak	850.58
7.	Selangor	747.92
8.	Terengganu	721.67
9.	Pulau Pinang	655.25
10.	Kelantan	565.83
11.	Syarikat Bekalan Air Selangor	320.80
12.	Lembaga Air Perak	146.37
	JUMLAH	11,978.88

2. Bagi kes peminjaman semula (relending) dimana sumber asal dana pinjaman diperoleh daripada Bank Dunia (World Bank) dan Bank Pembangunan Asia (ADB), jumlah hutang pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan ialah RM736.89 juta. Pecahan hutang mengikut negeri ialah seperti berikut:

Bil.	Peminjam	Jumlah Hutang (peminjaman semula/ relending) (RM Juta)	Sumber Pinjaman (RM Juta)
1.	Johor	334.51	ADB dan World Bank
2.	Kedah	128.13	ADB
3.	Lembaga Air Perak	117.37	ADB
4.	Pahang	70.01	ADB
5.	Kelantan	47.64	ADB dan World Bank
6.	Negeri Sembilan	15.66	ADB
7.	Terengganu	10.47	ADB
8.	Melaka	9.37	ADB
9.	Perlis	3.71	ADB
	JUMLAH	736.89	

3. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan setakat 31 Mei 2011 ialah sebanyak RM26.07 juta. Kerajaan Negeri yang telah membuat bayaran balik ialah Kerajaan Negeri Sabah sebanyak RM12.13 juta, Selangor sebanyak RM9.27 juta dan Perak sebanyak RM4.67 juta.

Soalan No : 114

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)
TARIKH	23.06.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan berikut hakikat lebih daripada 200 murid ditolak pendaftaran kemasukan ke tahun satu pada setiap tahun di SJKC Naam Kheung dan SJKC Connaught 1 yang terletak dalam kawasan Cheras Kuala Lumpur, adakah Kerajaan merancang untuk membina sekurang-kurangnya 2 buah SJKC dalam Parlimen Cheras di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh bagi menampung permintaan yang mendesak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) kebiasaannya akan menempatkan murid-murid di sekolah-sekolah berdekatan jika didapati bilangan murid di sesebuah sekolah itu telah mencapai tahap maksimum. Untuk makluman, KPM telah menetapkan piawai bagi bilangan bilik darjah sekolah rendah ialah 36 bilik darjah. Bilangan ini ditetapkan untuk mengelakkan kesesakan dan bilangan murid yang terlalu ramai di sesebuah sekolah. Penetapan 36 buah bilik darjah dianggap relevan bagi memastikan suasana pembelajaran yang lebih kondusif.

Sekolah boleh memohon untuk menambah bilik darjah jika penambahan bilik darjah amat diperlukan dan mematuhi piawai KPM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data bilangan murid tahun satu sekolah-sekolah yang dinyatakan adalah seperti berikut:

Sekolah	2007	2008	2009	2010	2011
SJKC Naam Kheung	474	444	436	433	429
SJKC Taman Connaught 1	414	429	422	423	382

Rjm 87

Mi -if ♀ ,

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIAMEN KE-12, 2011**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]
Tarikh Menjawab	23 Jun 2011 (Khamis)
Soalan	No. 115

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan adakah Kementerian

Persekutuan dapat membantu dalam memproses kelapa sawit di daerah Kudat di Sabah, dan apakah bantuan lain boleh diberi untuk membangunkan sektor pertanian di daerah Kudat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi daerah Kudat di Sabah, jumlah kawasan tanaman sawit yang diusahakan oleh pekebun kecil adalah seluas 7,026 hektar pada tahun 2010. Untuk membantu pekebun kecil di daerah ini berurusniaga penjualan buah tandan segar dan memprosesnya, terdapat sebanyak 10 buah syarikat pembeli buah sawit dan 2 buah kilang memproses sawit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

Untuk tujuan pembangunan kawasan tanaman komoditi oleh pekebun kecil, jenis-jenis bantuan yang disediakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- a) pemberian bantuan tanam semula getah oleh RISDA bernilai RM9,230 sehektar di Semenanjung Malaysia, RM 13,500 sehektar di Sarawak dan RM14,000 di Sabah untuk tempoh 5 tahun;
- b) Skim Bantuan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) sebanyak RM7,000 sehektar; dan
- c) Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) sebanyak RM7,000 sehektar.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MOHD RADZI SHEIKH AHMAD

[KANGAR]

TARIKH : 23 JUN 2011

SOALAN

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta PERDANA

SOALAN NO: 117

MENTERI menyatakan apakah perancangan dan tindakan Kerajaan Pusat bagi membantu negeri Perlis mengatasi masalah banjir yang telah melanda negeri Perlis sebanyak dua kali dalam tempoh lima bulan baru-baru ini.
Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan prihatin terhadap masalah banjir yang berlaku di Negeri Perlis. Sehubungan itu, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah merangka beberapa perancangan untuk mengatasi masalah banjir ini. Justeru itu, pada 14 April 2011, pihak JPS telah memohon untuk melaksanakan “Projek Lencongan Banjir bagi Empangan Timah Tasoh” dengan anggaran kos sebanyak RM260 juta dan “Projek Menaiktaraf Empangan Timah Tasoh” dengan anggaran kos sebanyak RM240 juta kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) di bawah *Second Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Selain itu, JPS juga telah memohon di bawah *Second Rolling Plan*, RMKe-10 untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB)

JAWAPAN:

Sungai Arau, Sungai Perlis dan Sungai Jarum/Sungai Wang Rhua dengan anggaran kos sebanyak RM49 juta. JPS telah memohon supaya RTB tersebut diberi keutamaan tinggi untuk proses kelulusan oleh UPE, JPM berdasarkan kepada justifikasi yang kukuh dengan merujuk kepada kejadian-kejadian banjir yang telah berlaku pada bulan Disember 2005, November 2010 dan Mac 2011.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 117

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH 23 JUN 2011

RUJUKAN 3780

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab Kementerian meluluskan cadangan Perkasa untuk rekrut anggota RELA sebagai ahlinya. Apakah ini menunjukkan pengiktirafan Kerajaan terhadap peranan Perkasa sebuah NGO yang mempelopori perkauman melampau dan bercanggah dengan konsep "1 Malaysia".

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak pernah meluluskan kepada PERKASA atau mana-mana Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk merekrut anggota RELA sebagai ahlinya. Sekiranya terdapat anggota RELA yang menyertai PERKASA atau mana-mana Badan NGO, penyertaan tersebut adalah atas kehendak sendiri dan bukannya atas arahan Kementerian atau RELA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keanggotaan RELA adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 16 tahun ke atas dan sihat tubuh badan serta tidak terlibat dengan rekod jenayah.

SOALAN NO: 118

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI**

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
LISAN
PERTANYAAN DARIPADA : DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
[LABUAN]
TARIKH SOALAN 23 JUN
2011

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- a) apakah langkah yang dilakukan oleh Kementerian bagi menambah baik mutu perkhidmatan di Hospital Nukleas Labuan; dan
 - b) adakah bilangan doktor dan doktor pakar akan ditambah memandangkan jumlah doktor masih tidak mencukupi di dalam usaha menambah baik mutu perkhidmatan sedia ada.

Tuan Yang Di-Pertua,

Hospital Labuan ialah hospital berpakar minor dengan 109 buah katil pesakit dalam. Kadar penggunaan katil pada tahun 2010 ialah 42.1 peratus. Secara purata kemasukan pesakit ke wad adalah seramai 14 orang sehari. Hospital tersebut menyediakan empat (4) perkhidmatan kepakaran asas kepada masyarakat setempat yang meliputi disiplin Perubatan Am, Bius, Pembedahan Am dan Obstetrik dan Ginekologi, di samping rawatan asas pesakit dalam bagi Pediatric dan Ortopedik, pesakit luar, kecemasan, hemodialisis, radiologi, makmal patologi dan lain-lain lagi. Sepertimana di hospital-hospital KKM yang lain, Kementerian sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan di Hospital Labuan dari semasa ke semasa supaya masyarakat WP Labuan memperolehi kemudahan perkhidmatan perubatan setanding dengan perkhidmatan yang disediakan di hospital-hospital lain.

- a) Di antara langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian bagi menambah baik mutu perkhidmatan di Hospital Labuan adalah seperti berikut:
- 1) Memulakan perkhidmatan hemodialisis pada bulan Januari 1996 dengan 2 unit mesin hemodialisis dan merawat 4 orang pesakit. Pada tahun 2010 genaplah 14 tahun perkhidmatan hemodialisis di hospital ini dan setakat ini ia dikendalikan oleh 9 orang kakitangan dengan 13 unit mesin hemodialisis dan merawat seramai 60 orang pesakit kegagalan buah pinggang. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, Projek Bangunan sendiri Unit Hemodialisis kini sedang dalam pembinaan dan mengikut perancangan bakal siap dalam April 2012. Bangunan ini bakal menampung tambahan sebanyak 8 mesin hemodialisis lagi menjadikan 21 unit mesin hemodialisis semuanya.
 - 2) Hospital Labuan ketika ini mempunyai empat (4) Pakar Residen dalam disiplin Perubatan Am, Bius, Pembedahan Am dan Obstetrik dan Ginekologi. Perkhidmatan lawatan pakar untuk disiplin-disiplin lain seperti Psikiatri, Ortopedik adalah sekurang-kurangnya sekali sebulan; manakala untuk disiplin Pakar Hidung, Telinga dan Tekak, Bedah Plastik, Bedah Neuro, Kardiologi, Paru-paru, Gastrologi, dan Haematologi adalah sekurang- kurangnya sekali dalam tiga (3) bulan. Lawatan pakar ini diperolehi dari pakar-pakar dari Hospital di sekitar Sabah dan Semenanjung. *[Pihak hospital telahpun memohon pengisian Pakar Pediatrik secara tetap memandangkan sukar untuk mendapatkan lawatan Pakar untuk disiplin ini namun masih belum menerima jawapan.]*
 - 3) Mulai bulan Oktober 2010, Pegawai Perubatan yang di tempatkan di Unit Kecemasan dan Trauma telah bertugas sepenuh masa dalam memastikan *patient management* dilakukan dengan betul dan mengikut *standard operating procedure* (SOP) yang ditetapkan. Hospital Labuan kini telah dilengkapi dengan 3 buah ambulans termasuk sebuah ambulans yang baru diterima pada April 2011.
 - 4) Meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan yang berpengalaman dalam bidang-bidang tertentu sedia ada seperti Perubatan Am, Pembedahan Am, Bius dan Obstetrik dan Ginekologi. Program *privileging* pula dijalankan dari semasa ke semasa untuk Pegawai Perubatan supaya meningkatkan kemahiran mereka di dalam prosedur-prosedur perubatan tersebut.
 - 5) Latihan dan pemantapan pengetahuan yang berterusan diberikan kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi, anggota paramedic dan lain-lain

anggota melalui aktiviti-aktiviti *Continuous Medical Education* (CME), *Continuous Nursing Education* (CNE), dan kursus-kursus yang berkaitan seperti *Basic Life Support* (BLS), *Neonatal Resuscitation Programme* (NRP) disamping kursus-kursus luar jabatan yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing.

- 6) Semua anggota hospital dari pelbagai peringkat telah diberi pendedahan kepada budaya korporat KKM untuk diamalkan sepanjang masa semasa bertugas. Usaha-usaha ke arah mempertingkatkan *soft skills* bagi anggota hospital sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa supaya hubungan interaksi bersama pelanggan dalaman dan luaran semakin mantap dan berkesan.
 - 7) Inisiatif Hospital Rakan Bayi (*Baby Friendly Hospital Initiative*) juga telahpun dijalankan di mana pada bulan Mei 2011 pihak hospital telahpun menjalani proses penilaian.
 - 8) Penilaian Program '5S' iaitu 'Sapu, Sisih, Susun, Sentiasa Amal dan Seragam juga telah dilaksanakan di seluruh hospital bertujuan meningkatkan efisiensi perkhidmatan dan kini dalam proses pensijilan pada suku ke tiga tahun ini.
 - 9) Pihak hospital juga sentiasa menjalankan aktiviti-aktiviti kualiti seperti *incidence reporting* (IR), kawalan infeksi dan *national indicator approach* (NIA) malah kini dalam proses permohonan pensijilan MS:ISO dalam memastikan kualiti perkhidmatan sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa.
- b) Kerajaan memang prihatin dan sentiasa berusaha serta mengambil berbagai langkah untuk menambahkan bilangan doktor dan doktor pakar dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan kepada rakyat termasuklah di Hospital Labuan.

Bilangan doktor yang berkhidmat di hospital tersebut adalah seramai 16 orang termasuk empat (4) orang pakar iaitu Pakar Sakit Puan, Pakar Bedah Am, Pakar Bius dan Pakar Perubatan Am. Kes-kes rumit akan dirujuk terus ke Hospital Queen Elizabeth. Secara umumnya bilangan doktor sedia ada di Hospital Labuan pada masa ini telah mencukupi. Kementerian Kesihatan akan terus menempatkan pakar pelbagai bidang bagi memenuhi keperluan perkhidmatan di hospital tersebut secara berperingkat.

Pada masa ini Malaysia mempunyai 33 buah IPT yang menawarkan Program Perubatan yang akan menghasilkan graduan perubatan secara berperingkat dari tahun ke tahun. Sejak tahun 2001, graduan perubatan yang menjalankan latihan siswazah secara purata adalah 1020 orang berbanding sekitar 700-800 orang pada tahun-tahun sebelumnya. Manakala pada tahun 2009 jumlah tersebut telah meningkat kepada 3058 orang dan pada tahun 2010 seramai 3252 orang telah dilantik sebagai pegawai perubatan siswazah.

Setelah tamat latihan siswazah, Pegawai Perubatan ini akan diagihkan ke semua fasiliti KKM termasuklah hospital mengikut keperluan bagi memantapkan lagi perkhidmatan kesihatan. Peningkatan jumlah pegawai perubatan ini akan dapat membantu distribusi penempatan ke semua hospital termasuk Hospital Labuan.

Selain dari itu, Kementerian Kesihatan juga prihatin tentang keperluan untuk menempatkan pakar di semua hospital kerajaan termasuklah di Hospital Labuan. Perkara ini diharapkan akan dapat dilaksanakan secara berfasa dalam tempoh RMK-10 menerusi pelbagai strategi misalnya melalui:

- i. Pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak.
- ii. Pelantikan semula pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak.
- iii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sesional.
- iv. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Bagi menambahkan lagi bilangan pakar, Kementerian Kesihatan telah menambah slot tajaan bagi program sarjana perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 450 kepada 600 mulai sesi 2008/2009 dan 800 orang mulai sesi 2010/2011 bagi memberi peluang kepada lebih ramai pegawai perubatan mengikuti program sarjana. Sehubungan dengan itu, diharapkan lebih ramai pakar perubatan dapat dihasilkan demi meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan dalam negara.

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)
TARIKH	23 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta PERDANA MENTERI menyatakan pandangan Kementerian terhadap penyekatan penggunaan laman sosial *Facebook* di kalangan penjawat awam sedangkan pada masa yang sama Kerajaan melancarkan pelbagai aplikasi untuk mendekatkan Kerajaan dan rakyat melalui laman web sosial *Facebook*.

JAWAPAN: (*oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon*)

Kerajaan sememangnya menggalakkan pegawai dan penjawat awam menggunakan media jaringan sosial seperti Facebook, Twitter dan Myspace untuk menyampaikan maklumat kepada para pelanggan. Akan tetapi, penggunaan laman media jaringan sosial oleh penjawat awam pada waktu pejabat adalah terhad kepada penggunaan untuk tujuan rasmi sahaja.

Adalah terserah kepada setiap kementerian, agensi atau jabatan untuk mengatur sendiri kaedah pelaksanaan samada dengan menghadkan waktu penggunaan atau membenarkan hanya pegawai-pegawai tertentu yang dibenarkan sahaja mengakses laman media sosial pada waktu pejabat. Ini bertujuan mencegah penggunaan laman media sosial secara besar-besaran untuk tujuan peribadi atau rekreasi pada waktu pejabat yang pasti akan menjelaskan perkhidmatan teras sistem penyampaian Kerajaan.

Sehingga 8 Jun 2011, sebanyak 107 agensi telah membangun dan menggunakan 70 facebook, 19 youtube, 36 twitter dan 23 blogs serta 4 flickrs. Kerajaan juga telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan gerbang utama laman sosial bagi menghubungkan semua kementerian dan agensi dibawahnya dengan rakyat Malaysia melalui PortalmyGovernment di

<http://www.malaysia.gov.my/BM/Pages/SocialMedia.aspx>. Kerajaan akan melaksanakan program-program yang berkaitan bagi meningkatkan lagi pengguna laman media ini.

Kerajaan melalui Unit Pemodenan dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (MAMPU) akan memantau dan menjalankan inspektorat terhadap penggunaan laman jaringan sosial serta kawalan dan perhatian yang perlu dipatuhi oleh agensi-agensi Sektor Awam. Selaras dengan ini, Kerajaan telah mengeluarkan Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU berkaitan dengan penggunaan laman jaringan sosial kepada kementerian dan agensi di bawahnya pada 19 November 2009.

Kerajaan juga telah mengeluarkan "20 Amalan Terbaik Dalam Penggunaan Jaringan Media Sosial Di Sektor Awam" menerusi E-Mel Arahan Ketua Pengarah MAMPU pada 8 April 2011 untuk dipatuhi oleh semua agensi Kerajaan bagi memantapkan lagi penggunaan dan pengurusan laman sosial.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

DARIPADA	PE	LISAN
ANYAAN	RT	
		DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]
TARIKH		23 JUN 2011
RUJUKAN		3781

SOALAN:

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah beliau sedar perhimpunan yang dianjurkan oleh hampir 80 pertumbuhan NGO yang melibatkan seramai 600 orang peserta di dewan perhimpunan Cina Selangor pada 9 Mei 2011, sebagaimana yang dilaporkan oleh The Sun, muka surat 6. Perhimpunan ini adalah inisiatif 13 pertubuhan NGO termasuk Jiao Zong di mana mereka melancarkan Pusat Pembangunan Kebudayaan Lim Lian Geok. Lim Lian Geok dilucutkan kerakyatannya 40 tahun lalu dan mati pada tahun 1985. Mereka juga menuntut supaya sekolah bahasa ibunda disama tarafkan dengan sekolah kebangsaan yang mana ianya bertentangan dengan Perlembagaan Artikel 152(2).

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Mas yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Menteri Dalam Negeri amat sedar dan mengambil maklum ke atas perhimpunan yang dianjurkan oleh 13 buah pertubuhan NGO pada 9 Mei 2011 lalu. Walau bagaimanapun, adalah didapati perhimpunan yang dianjurkan itu diadakan tanpa sebarang permit yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Satu laporan polis telah dibuat pada 10 Mei 2011 di Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi, rujukan Dang Wangi Rpt. 17959/11 dan kes ini dalam siasatan PDRM.

NO. SOALAN: 121

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI

[TANAH MERAH]

TARIKH **23 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN

Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI [Tanah Merah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu Majlis Penasihat Petroleum Negara yang terdiri daripada panel pakar dan wakil-wakil negeri supayakekayaan petroleum dapat dijanakan dengan lebih berhemat, saksama, inklusif dan demokratik dan jika tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Penasihat Petroleum Negara (MPPN) telah ditubuhkan sejak 1974 selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 5 Akta Kemajuan Petroleum 1974. MPPN berperanan untuk menasihati Y.A.B. Perdana Menteri mengenai dasar, kepentingan serta perkara-perkara berkaitan petroleum, industri petroleum, sumber tenaga dan penggunaannya. Mengikut Seksyen 5(1) Akta Kemajuan Petroleum 1974, keanggotaan MPPN adalah dilantik oleh Y.A.B. Perdana Menteri.

Soalan No : 114

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PE	LISAN
NYAAN	RTA	
TARIKH		Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK)
		23.06.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kementerian akan melaksanakan pembinaan Sekolah Rendah Kebangsaan di Bukit Antarabangsa yang telah tersenarai di bawah RMK-9 dan apakah status cadangan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan di Bukit Antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di bawah 1st *rolling plan* RMKe-10, terdapat lima (5) projek yang akan dilaksanakan di Dun Bukit Antarabangsa. KPM telah melantik perunding untuk pembinaan sekolah rendah dan menengah di kawasan Bukit Antarabangsa, namun terdapat masalah tapak yang berada di kawasan cerun.

Walau bagaimana pun bagi mengatasi masalah persekolahan yang dihadapi, sekolah yang berhampiran boleh menampung keperluan murid di kawasan Dun Bukit Antarabangsa.
Rjm 88

SOALAN NO.123

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. MOHD HATTA BIN MOHD RAMLI
[KUALA KRAI]

TARIKH 23 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Dr. Mohd Hatta bin Mohd Ramli [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan aggaran kos terbaru pembinaan MRT di Lembah Klang dan pecahan kos mengikut pengambilan balik tanah, pembinaan landasan (atas bumi dan terowong), pembinaan stesen-stesen (atas bumi dan dalam terowong) serta lain-lain kos.

SOALAN NO.123

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek MRT Lembah Kelang Jajaran Sungai Buloh-Kajang adalah satu sistem transit aliran massa yang merupakan fasa pertama jaringan MRT Lembah Kelang yang akan menjadi tulang belakang sistem pengangkutan awam Kuala Lumpur dan Lembah Kelang. Panjang jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang adalah 51km di mana 9.5km adalah di bawah tanah apabila jajaran tersebut melalui pusat bandaraya Kuala Lumpur.

Kos pembinaan MRT Jajaran Sungai Buloh-Kajang masih dalam proses untuk dimuktamadkan setelah maklumbalas dan bantahan yang diperolehi pada waktu pameran awam skim keretapi projek tersebut dianalisa. Kos yang lebih tepat untuk projek tersebut hanya akan dapat setelah jajaran dimuktamadkan dengan pengubahsuaian hasil daripada proses maklumbalas awam.

SOALAN NO.123

Walaubagaimanapun, Kerajaan akan memastikan sistem MRT akan mesra pengguna, selamat, berpatutan dan berintegrasi dengan sistem-sistem rel yang sedia ada. Kerajaan yakin MRT Lembah Kelang akan diterima dan diguna oleh rakyat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA LISAN
TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
KAWASAN MACHANG 23.6.2011 (Khamis)
TARIKH NO. 124
SOALAN Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH
minta MENTERI PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah pelawaan terbuka dengan insentif yang luar biasa kepada pelabur akibat daripada penurunan mendadak pelaburan asing (FDI) ke negara ini.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai insentif pelaburan yang menarik dan kompetitif telah disediakan bagi menarik pelaburan asing (FDI). Antara insentif utama yang ditawarkan kepada pelabur adalah:

- Taraf Perintis;

- Elaun Cukai Pelaburan;
- ® pengecualian duti import dan/atau cukai iualan ke atas barang terpilih;
- kebenaran untuk membawa masuk pegawai daqanq;
- infrastruktur dan prasarana yang baik dan berteknologi tinggi seperti Zon Perindustrian Bebas dan Koridor Pembangunan Wilayah; dan
- Skim Galakan Istimewa (prepackaged incentive).

Menurut Imbangan Pembayaran (*Balance Of Payments*) yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), kemasukan pelaburan asing untuk keseluruhan 2010 adalah RM29.3 bilion berbanding RM5 bilion pada tahun 2009. Angka tersebut adalah angka sebenar kemasukan FDI. Ini menunjukkan bahawa Malaysia masih kekal sebagai sebuah destinasi vang kompetitif dalam menarik pelaburan asing.

Usaha-usaha untuk menarik pelaburan asing akan dilaksanakan secara berterusan dan ditambah baik dari masa ke semasa bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif sebagai destinasi pelaburan vang terpilih. Tumpuan diberikan untuk menarik pelaburan vang berkualiti terutama dalam 12 Bidang

Ekonomi Utama Nasional (NKEA) dan selari dengan Pelan

Transformasi Ekonomi (ETP).

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH 23 JUN 2011 [KHAMIS]

SOALAN:

Dr. Siti Mariah binti Mahmud minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah mualaf yang diuruskan oleh PERKIM. Apakah perkhidmatan yang diberikan PERKIM kepada mereka dan untuk selama mana hal ehwal kebajikan mereka dipantau.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) adalah salah satu pertubuhan bukan Kerajaan (NGO'S) Islam yang memfokuskan aktiviti memberi sokongan dan kebajikan kepada saudara baru.

Antara perkhidmatan yang disediakan oleh PERKIM ialah memberi penerangan berkaitan agama Islam kepada sesiapa yang berminat tentang Islam, kelas bimbingan agama, khidmat nasihat dan kaunseling

NO SOALAN **&F**

serta kursus kefahaman Islam yang juga dikendalikan dalam bahasa tamil dan mandarin.

PERKIM juga memantau hal ehwal kebajikan mereka dengan menyelesaikan beberapa permasalahan dari pelbagai segi dari semasa ke semasa termasuk melakukan ziarah, memberi sumbangan, memberi pendidikan dan kaunseling pada individu tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berberhormat, proses pengislaman, pendaftaran pengislaman dan data pengislaman di uruskan oleh Jabatan Islam Negeri-Negeri(JAIN), Majlis Agama Islam Negeri- Negeri(MAIN) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Manakala PERKIM hanya menguruskan program serta aktiviti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. DATUK MD SIRAT BIN ABU
(BUKIT KATIL)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2011

Y.B. DATUK MD SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan semenjak Kerajaan melancarkan Skim Rumah

Pertamaku, berapa banyakkah permohonan yang diterima dan diluluskan. Tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula jumlah maksima pinjaman ini bagi menyesuaikan harga rumah mengikut kawasan pembinaan yang dicadangkan untuk dibeli oleh pemohon yang layak.

JAWAPAN

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sibuti yang dijadualkan pada hari ini bersama pertanyaan Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Mukah, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Parit Buntar yang dijadualkan pada 21, 22, 23 dan 27 Jun 2011, memandangkan kelapan-lapan pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang hampir sama.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyediaan Skim Rumah Pertamaku telah diumumkan ketika pembentangan Bajet 2011 pada bulan

Oktober 2010 yang lalu. Skim ini secara rasminya telah dilancarkan pada 8 Mac 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Skim Rumah Pertamaku ini adalah bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Langkah ini akan dapat membantu golongan muda dan berpendapatan sederhana memiliki rumah dan ini sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia.

3. Melalui skim ini, Kerajaan akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Contohnya, jika sekiranya seorang peminjam mendapat pembiayaan 100%, Kerajaan akan menjamin sebanyak 10% daripada pembiayaan berkenaan. Selain itu, skim ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat yang berusia dibawah umur 35 tahun dengan pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang ingin dimiliki dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Skim ini juga bukanlah jaminan bahawa setiap pembeli kediaman yang berharga antara RM100,000 sehingga RM220,000 layak diberikan pembiayaan perumahan.

4. Bagi menjawab Pertanyaan Yang Berhormat Gelang Patah, adalah dimaklumkan bahawa Skim Rumah Pertamaku ini disediakan bagi pembelian rumah kediaman kali pertama di seluruh negara. Oleh itu, pembeli boleh memilih untuk membeli rumah termasuk di Iskandar Malaysia serta di Parlimen Gelang Patah.

5. Bagi menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat Bukit Katil mengenai mekanisme harga rumah mengikut kawasan, adalah dimakluman, nilai pinjaman perumahan di bawah Skim Rumah Pertamaku adalah antara RM100,000 hingga RM220,000 bagi memenuhi permintaan daripada golongan yang berpendapatan kurang dari RM3,000 sebulan. Ini adalah kerana, bagi peminjam yang berpendapatan RM3,000 sebulan, kadar bayaran balik

pinjaman yang ideal adalah sehingga RM1,000 sebulan berdasarkan syarat bahawa bayaran balik pinjaman perumahan adalah di hadkan tidak melebihi 1/3 daripada pendapatan. Berdasarkan kadar faedah semasa, dan tempoh bayaran balik sehingga 30 tahun, jumlah pembiayaan maksimum yang layak adalah dalam lingkungan harga sehingga RM220,000. Walau bagaimanapun, pembiayaan adalah bergantung kepada kemampuan peminjam dan penilaian kredit oleh bank-bank yang terlibat.

6. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Indera Mahkota, bagi menjayakan skim ini serta membantu meningkatkan pemilikan rumah, Kerajaan turut mengambil inisiatif-inisiatif lain. Antaranya ialah mengecualikan duti setem sebanyak 50% ke atas surat cara perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah pertama dan surat cara pindah milik bagi kediaman bernilai di bawah RM350 ribu.
7. Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Mukah mengenai jumlah rumah yang disediakan dibawah Skim Rumah Pertamaku. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandangkan skim ini adalah merupakan skim jaminan, ianya dilaksanakan berdasarkan konsep "*first come, first serve*". Namun begitu, berdasarkan saiz dana berjumlah RM100 juta, dijangkakan sejumlah antara 11 ribu hingga 15 ribu peminjam akan menerima jaminan ini, bergantung kepada nilai rumah. Selain itu, bagi memastikan rumah berharga sehingga RM220,000 mencukupi terutamanya di kawasan-kawasan bandar, Kerajaan menerusi syarikat milik penuh Kementerian Kewangan iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang merangka strategi dan mengenai pasti tapak-tapak untuk membina lebih banyak rumah di bawah kategori Skim Rumah Pertamaku di Lembah Klang bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang tinggi. SPNB telah mengenai pasti 7 lokasi di Lembah Klang yang berpotensi untuk pembinaan rumah-rumah dibawah kategori harga antara RM100,000 hingga RM220,000.
8. Kerajaan juga, melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan akan membina lebih banyak rumah kediaman yang bernilai antara RM100,000 ke RM220,000 di kawasan bandar. Selain itu, penawaran rumah mampu milik juga telah meningkat dalam Suku Pertama 2011 dengan pembinaan unit rumah kos rendah, flat kos rendah serta kondominium dan apartmen, masing-masing meningkat sebanyak

180.6%, 265.9% dan 52.1%. Ini menunjukkan bahawa sentimen pemaju adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan penyediaan rumah mampu milik mencukupi.

Tuan Yang Di-Pertua,

9. Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Parit Buntar mengenai status perlaksanaan dan sambutan skim ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga akhir Mei 2011, sejumlah 993 permohonan telah diterima untuk mendapatkan jaminan dibawah skim ini. Daripada jumlah itu, sejumlah 183 permohonan telah diluluskan. Sebahagian besar permohonan yang ditolak adalah disebabkan oleh jumlah pendapatan yang tidak mencukupi serta nisbah khidmat hutang (*debt service coverage ratio*) yang tinggi. Selain itu, terdapat juga permohonan yang ditolak disebabkan oleh pemohon didapati mempunyai keupayaan untuk meminjam tanpa bantuan skim serta terdapat juga pemohon yang tidak memenuhi kriteria asas skim iaitu umur melebihi 35 tahun dan pendapatan melebihi RM3,000 sebulan. Sebahagian besar pinjaman yang telah diberikan jaminan adalah bagi pembelian kediaman di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

JAWAPAN:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

**DEWAN RAKYAT
: JAWAB LISAN**

DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L
MURUGESON [IPOH BARAT]

TARIKH : 23 JUN 2011

**SOALAN : Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [
Ipoh Barat] minta MENTERI LUAR
NEGERI menyatakan -**

- (i) jumlah perjanjian persefahaman yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dalam 5 tahun terakhir; dan
 - (ii) daripada bilangan itu, berapakah perjanjian yang telah menjadi realiti implementasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat di atas soalan yang dikemukakan.

2. Kementerian Luar Negeri merupakan depositori bagi Perjanjian dan Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dengan negara-negara asing. Dalam hal ini, semua Agensi Kerajaan dan Kementerian hendaklah mendepositkan atau memanjangkan Perjanjian dan Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani oleh Menteri masing-masing. Berdasarkan rekod Kementerian Luar Negeri, sebanyak seratus tujuh belas (117) Perjanjian dan Memorandum Persefahaman telah ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan negara-negara asing dari tahun 2006 hingga 2011.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Mengenai soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Ipoh Barat di atas, pelaksanaan Perjanjian dan Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani tersebut melibatkan pelbagai Agensi atau Kementerian yang berlainan iaitu berdasarkan jenis kerjasama yang diperuntukkan dalam Perjanjian dan Memorandum Persefahaman tersebut.

JAWAPAN:

4. Oleh yang demikian, tahap pelaksanaan sesuatu Perjanjian dan Memorandum Persefahaman adalah bergantung kepada Agensi Kerajaan dan Kementerian yang bertindak sebagai Agensi Pelaksana kepada Perjanjian dan Memorandum Persefahaman tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH 23 JUN 2011

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:

- a) apakah usaha yang dibuat oleh Kerajaan untuk menyekat tayangan pomografi yang semakin berleluasa dalam media hari ini yang membawa kesan negatif pada negara.

SOALAN NO: 128

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kandungan yang disiarkan di stesen-stesen televisyen swasta dan Internet adalah tertakluk di bawah peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998. Secara amnya, semua undang-undang Malaysia diterima pakai dalam menangani perlakuan sesuatu kesalahan tanpa mengambil kira perantaraan atau platform yang digunakan.

Bagi kandungan siaran stesen televisyen syarat-syarat khas lesen berikut adalah antara yang perlu dipatuhi oleh badan penyiaran tersebut :-

1. Memastikan semua kandungan yang pra-rakam adalah ditapis dan mendapat kelulusan terdahulu dari Lembaga Penapisan Filem (LPF) sebelum ia boleh disiarkan di televisyen.
2. Tidak menyiaran kandungan yang menyinggung sensitiviti agama, bangsa dan budaya mana-mana masyarakat di Malaysia.
3. Tidak menyiaran apa-apa jua kandungan yang bertentangan dengan budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia mahupun kandungan yang tidak menyumbang kepada aspirasi nasional.

Di samping itu, pada tahun 2004, Kod Kandungan yang diderafkan oleh Forum Kandungan dan Multimedia Malaysia dibawah pengelolaan pihak SKMM telah didaftarkan dibawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

(Akta 588) sebagai kod industri. Melalui kod tersebut, iaanya dapat membantu menjadi kayu pengukur kepada pihak industri penyiaran menerbitkan kandungan yan bersesuaian dengan nilai-nilai dan norma masyarakat Malaysia.

Sehubungan dengan itu, tindakan undang-undang di bawah AKM '98 dan Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan dikenakan oleh SKMM kepada mana-mana stesen televisyen yang didapati melanggar Syarat Lesen, Kod Kandungan atau lain-lain peruntukan undang-undang yang lain yang terpakai di Malaysia.

Untuk makluman, bagi sepanjang tahun 2010 tidak ada laporan diterima oleh SKMM mengenai tayangan kandungan pornografi di mana-mana stesen televisyen yang dilesenkan oleh SKMM.

Bagi kandungan di Internet pula, AKM '98 mengandungi beberapa peruntukan yang melarang pemberian kandungan jelik. Seksyen 211 dan 233 membolehkan SKMM untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemberi kandungan. Melalui kedua-dua seksyen ini, mana-mana individu atau pihak yang menyediakan atau mengeluarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan; samada denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya

SOALAN NO: 128

Selain AKM '98, ianya juga tetap tertakluk di bawah peruntukan undang-undang lain seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Penapisan Filem 2002 dan lain-lain yang melarang tayangan pornographi.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI YUSSOF BIN HAJI MAHAL
(LABUAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2011

Y.B. DATUK HAJI YUSSOF BIN HAJI MAHAL [LABUAN] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah terdapat masterplan atau program-program khusus yang dirancang malahan mungkin dianjurkan oleh Labuan FSA kepada penduduk Labuan, khasnya yang menjurus kepada penggalakan pembangunan ekonomi setempat sekali gus memberi peluang pekerjaan dan perniagaan kepada anakjati Labuan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) merupakan agensi yang bertanggung jawab untuk membangunkan dan mempromosikan Labuan sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (Labuan IBFC). Labuan IBFC telah diiktiraf sebagai

pusat kewangan ulung yang bereputasi tinggi di peringkat antarabangsa. Kewujudan Labuan IBFC telah berjaya menarik ramai ekspatriat asing yang berkepakaran khusus dalam bidang perbankan dan kewangan, pengurusan insurans, insurans semula, percukaian serta amanah yang mana tenaga mahir tempatan memperoleh manfaat besar melalui perpindahan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang-bidang tersebut.

2. Sejak penubuhan Labuan FSA pada tahun 1996, institusi-institusi kewangan antarabangsa telah berkembang pesat. Ini membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor perbankan, insurans dan syarikat amanah termasuk firma-firma penyedia perkhidmatan perakaunan dan perundangan. Di samping itu, Labuan FSA menjangkakan permintaan untuk tenaga kerja mahir dan separuh mahir akan meningkat selari dengan inisiatif strategik Labuan FSA memperkenalkan Labuan sebagai sebuah Pusat Pendaftaran Kapal Antarabangsa (MISR). Di bawah inisiatif ini, setiap kapal yang berdaftar diwajibkan melantik pengurus kapal yang terdiri daripada syarikat domestik yang bermastautin di Labuan sebagai agen pendaftar bagi kapal-kapal antarabangsa. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan permintaan untuk tenaga kerja bagi industri perkapalan. Sehingga Mei 2011, sebanyak 12 buah kapal telah didaftarkan di bawah MISR.
3. Selain itu, menerusi rangka kerja perundangan baru yang berkuat kuasa mulai 2010, entiti-entiti yang beroperasi di Labuan IBFC dibenarkan menjalankan aktiviti perkhidmatan baru seperti Syarikat Amanah (*Special Purpose Trust*), Yayasan (*Foundation*) dan *Protected Cell Companies*. Aktiviti-aktiviti perniagaan dan perkhidmatan yang semakin berkembang di Labuan IBFC ini dilihat dapat memberikan kesan yang positif kepada ekonomi tempatan di Labuan.
4. Labuan FSA juga telah mengenai pasti strategi-strategi utama untuk memajukan Labuan melalui Pelan Tindakan Sektor Kewangan Malaysia (Pelan tindakan). Pelan tindakan ini merupakan sebahagian elemen di dalam *Second Financial Master Plan* yang akan dilancarkan oleh Bank Negara Malaysia

NO SOALAN^^

kelak. Pelan tindakan ini akan memberikan pendekatan yang menyeluruh termasuk pembangunan sektor kewangan Labuan dalam usaha membangun dan menjadikan Labuan sebuah pusat kewangan yang kukuh, teguh dan berdaya saing dengan mewujudkan rangkaian hubungan yang meluas di peringkat serantau dan antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI

KESIHATAN MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

[PENDANG]

TARIKH 23 JUN 2011

SOALAN

Dato' Dr. Haji Mond H
menyatakan jumlah r
semula secara haram
tindakan yang dikenal

Tuan Yang di-Pertua,
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa menjalankan pemantauan dan aktiviti penguatkuasaan ke atas penjualan produk-produk makanan yang telah luput tarikh tetapi masih dijual di pasaran.

Pengawalan terhadap penjualan makanan yang telah luput tarikh oleh KKM adalah tertaklukdi bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Dalam hal ini, Peraturan 14 (9) (a) Peraturan-Peraturan Makanan 1985 jelas menyatakan bahawa tanda tarikh pada apa-apa bungkusan tidak boleh dipinda atau diubah dan Peraturan 14 (9) (b) pula menyatakan tidak dibenarkan untuk menjual atau mengimport makanan yang telah luput tarikh. Sekiranya disabitkan kesalahan seseorang boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun.

Pada tahun 2010, melalui aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan di seluruh negara,

sebanyak 29,382 rampasan yang bernilai RM3,152,130.77 telah dibuat terhadap produk makanan yang didapati meyalahi perundangan yang ditetapkan termasuk menjual produk makanan yang telah luput tarikh. Manakala, pada tahun 2009 sejumlah 34,917 rampasan telah dilakukan dengan nilai rampasan sebanyak RM4,371,483.43.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan pengguna termasuk perbuatan mengitar semula barang makanan yang telah luput tempoh. Oleh itu, KKM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap sebarang kesalahan termasuk perbuatan mengitar semula dan menjual kembali barang makanan yang telah luput tarikh berdasarkan perundangan yang telah ditetapkan

Selain itu, KKM juga sentiasa berusaha meningkatkan kesedaran pengguna terhadap keselamatan makanan melalui kempen, ceramah, pamphlet, promosi dan lain-lain.

Jika pengguna mendapati bahawa terdapat produk makanan yang telah luput tarikh tetapi masih dijual dan terdapat perbuatan mengitar semula dan menjual kembali barang makanan yang telah luput tarikh dikesan, pengguna boleh membuat laporan kepada KKM melalui Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman web <http://fsq.moh.gov.my>.

SOALAN NO.131

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
[SEREMBAN]

TARIKH 23 JUN 2011

SOALAN:

TUAN JOHN A/L FERNANDEZ minta PERDANAMENTERI
menyatakan apakah jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh
Suruhanjaya Pilihan Raya bagi mengadakan Pilihan Raya Negeri

SOALAN NO.132

Sarawak baru-baru ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRi ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos perbelanjaan SPR bagi PRU Ke-10 DUN Sarawak adalah RM50 juta.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN
KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri
TARIKH	[LEDANG]
SOALAN	23 JUN 2011 132

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan sejauh manakah status kejayaan kerjasama penyelidikan dan pembangunan pihak Astronautics Sdn. Bhd. di bawah MOSTI bersama pihak institut pengajian tinggi seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia. Apakah kajiannya yang telah dimanfaatkan untuk rakyat. Apakah status pengkomersialannya, jika ada.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Syarikat Astronautic Technology Sdn. Bhd. (ATSB) telah bekerjasama dengan pelbagai Institut Pengajian Tinggi dalam pembangunan teknologi angkasa negara. Kejayaan terbesar yang paling terkini adalah projek *Innovative Satellite (InnoSAT)* yang telah dilaksanakan dari tahun 2006 hingga 2009. Program ini merupakan usahasama Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan ATSB untuk melibatkan pihak universiti dalam

pembangunan sistem satelit. Di bawah projek ini, sebanyak empat universiti terlibat dalam pemindahan dan pembangunan teknologi angkasa tempatan daripada pihak ATSB iaitu Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Projek ini telah berjaya dibangunkan sehingga peringkat “Flight Model” iaitu satelit lengkap.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, satelit lengkap merangkumi sistem Bas Satelit yang dibangunkan oleh ATSB. Bas Satelit ini termasuklah struktur mekanikal, komputer dan perisian penerbangan, komunikasi, sistem penderiaan dan kawalan altitud, sistem janakuasa satelit, dan sistem kamera. Manakala muatan-muatan eksperimen telah dibangunkan oleh pihak universiti seperti berikut:

- i) UNIMAP telah membangunkan muatan Sistem Kawalan Atitud yang melibatkan pembangunan algorithma menggunakan Pengawal Logik Kabur mudah suai dan Kotak hitam berparameter mudah suai;
- ii) USM telah membangunkan muatan Penderia Penentu Atitud dan Penderia Matahari Panel Suria, Penderia Matahari Piramid, Magnetometer, dan Penderia Panel Suria yang bertujuan untuk mengesan dan mengira kadar putaran dan atitud satelit;
- iii) UTM pula telah membangunkan Muatan Rangkaian Penderia Wayarles untuk Satelit InnoSAT. Sistem ini akan beroperasi di kawasan terpencil di mana datanya akan dimuat turunkan

- kepada stesen utama melalui InnoSAT;
- iv) UTM juga telah membangunkan muatan Penerima Sistem Penentu Sejagat Angkasa yang dapat menentukan masa, kedudukan, dan pemanduan arah secara automatik dan tepat. Sistem pemanduan arah ini membolehkan kedudukan satelit dikesan menggunakan GPS; dan
 - v) UKM telah membangunkan muatan Unit Pengukur Inersia, Magnetometer, dan Papan Komputer Pemproses Sistem Penentuan Atitud. Sistem ini menentukan orientasi dan kadar putaran satelit daripada penderia-penderia akselerometer, giroskop, dan magnetometer.

Selain daripada pembangunan muatan satelit, Institut-Institut Pengajian Tinggi seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan UTM juga turut terlibat dalam proses pengujian satelit InnoSAT, manakala Universiti Malaya (UM) pula telah terlibat dalam pengujian pengoperasian vakum satelit.

Tuan Yang Dipertua,

Pembangunan satelit InnoSAT telah berjaya menghasilkan prototaip-prototaip, harta-harta intelek serta pembangunan modal insan tempatan dalam bidang sains angkasa. Pada masa ini, ANGKASA dan ATSB sedang dalam proses mengenalpasti dan membentuk projek susulan InnoSAT-2. Selain itu, ATSB juga sentiasa terlibat dalam proses Pembangunan R&D Institut Pengajian Tinggi dengan mengambil bahagian di dalam pelbagai kolokium, konferen, simposium dan bengkel

kerja yang diadakan oleh pihak mereka.

No: 133

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN	BAGI JAWAPAN LISAN
DARIPADA	TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR (KOTA TINGGI)
TARIKH	23 JUN 2011 (KHAMIS)
SOALAN	133
Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid Bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi]	minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah kereta mewah 'recon' yang dibawa masuk ke pasaran Malaysia telah menjalani pemeriksaan rapi dan rekodnya disemak teliti supaya tiada penipuan atau dimanipulasikan keadaan kereta, enjin ataupun jarak hitung perjalanan.
JAWAPAN	
Tuan Yang Dipertua,	
Prosedur sedia ada berkaitan dengan pemeriksaan kenderaan <i>recon</i> menetapkan bahawa setiap kenderaan tersebut adalah wajib menjalani dan lulus pemeriksaan di PUSPAKOM sebelum ianya didaftarkan dan diberikan lesen oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Pemeriksaan tersebut adalah dikenali sebagai Pemeriksaan Khas (B2) yang meliputi aspek-aspek berikut:	

- (i) pemeriksaan identiti kenderaan yang bertujuan untuk memastikan nombor enjin dan nombor casis kenderaan adalah tulen dan tiada keraguan/gangguan;
- (ii) pemeriksaan visual bahagian atas dan bawah kenderaan bagi mengesan pengubahsuaian, kecacatan dan kerosakan terhadap komponen/struktur utama di bahagian atas dan bawah kenderaan; dan
- (iii) pengujian berkomputer untuk memastikan sistem utama pada kenderaan berfungsi dengan baik dan mencapai tahap piawaian yang ditetapkan JPJ.

Pemeriksaan-pemeriksaan yang dilakukan di atas dilakukan secara teliti bagi memastikan supaya tiada unsur-unsur penipuan dan pengubahsuaian dilakukan terhadap kenderaan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM
[KAPAR]

TARIKH 23 JUN 2011

RUJUKAN 3783

SOALAN:

NO. SOALAN : 135

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada tindakan yang diambil terhadap Utusan Malaysia yang mencetuskan kontroversi dengan artikel yang bersifat perkauman dan hasutan baru-baru ini terlalu ringan berbanding dengan tindakan yang pernah diambil terhadap akhbar lain seperti Sarawak Tribune, Suara Keadilan dan China Press.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kapar yang mengemukakan soalan.

Kementerian sentiasa memantau akhbar-akhbar berdasarkan AMCP 1984 dan akan mengambil tindakan terhadap mana-mana akhbar yang didapati melanggar akta tersebut. Antara tindakan yang boleh diambil terhadap penerbitan yang berbuat demikian ialah:

- a) Memberi nasihat, teguran dan amaran bertulis;
- b) Memberi surat tunjuk sebab; atau
- c) menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.

Akhbar Utusan Malaysia telah dikeluarkan surat teguran pada 12 Mei 2011 kerana menyiaran berita yang menggemparkan fikiran orang ramai bertajuk '*Kristian Agama Rasmi?*' pada keluaran 7 Mei 2011. Ianya dibuat selaras dengan Seksyen 7(1), AMCP 1984.

Kementerian menggantung permit penerbitan akhbar Sarawak Tribune selama dua minggu adalah kerana menyiaran karikatur yang menghina Nabi Muhammad. Akhbar China Press telah didapati menyiaran berita tidak benar melibatkan perletakan jawatan Ketua Polis Negara dan Suara Keadilan telah menyiaran berita yang tidak benar bertajuk Felda Bankrap.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING
TARIKH 23 JUN 2011 (KHAMIS)
SOALAN NO. 135

Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah justifikasi untuk mengeluarkan Ijazah Am (General Degree) daripada MQF pada tahun 2009 pada halnya Ijazah Am masih relevan dalam permintaan pasaran sekarang dan adakah Kerajaan akan menimbang semula untuk meletak balik Ijazah Am dalam MQF.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Rundingan untuk membangunkan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency*, MQF) telah dimulakan pada 26 November 2002 bersama dengan pihak-pihak berkepentingan dan telah diluluskan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) pada 14 Januari 2005.

Ijazah Am (*General Degree*) adalah merupakan satu komponen di dalam tahap 6 MQF yang setara dengan Ijazah Sarjana Muda. Ijazah Am merupakan ijazah kelas terakhir selepas Ijazah Kelas Pertama, Ijazah Kelas Kedua dan Ijazah Kelas Ketiga.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, kelas pencapaian tersebut telah semakin berkurangan diamalkan di institusi pendidikan tinggi (IPT) tempatan yang kebanyakannya menggunakan sistem Putara Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Melalui sistem PNGK ini, pencapaian pelajar diukur berdasarkan gred nilai terkumpul yang diperolehi. Oleh itu, kementerian berpandangan tiada keperluan untuk meletakkan satu kelayakan khusus Ijazah Am dalam MQF sepetimana tidak meletakkan Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama), Ijazah Sarjana Muda (Kelas Kedua) dan Ijazah Sarjana Muda (Kelas Ketiga).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA :Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN :LISAN

TARIKH :23.06.2011

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) apakah nama agen yang telah dilantik di Malaysia untuk mencetak mata wang kita dan adakah ia dilantik melalui tender terbuka oleh Bank Negara Malaysia. Sekiranya bukan tender terbuka sila nyatakan sebabnya ; dan
- (b) berapakah jumlah keseluruhan kontrak yang diberikan kepada agen tersebut dari tarikh pelantikan hingga Mei 2011.

JAWAPAN

NO SOALAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia tidak pernah melantik sebarang agen untuk mencetak mata wang Malaysia. Bank Negara Malaysia sentiasa mengamalkan sistem tender bagi kontrak pembekalan dan percetakan wang kertas yang diperlukan. Sejajar dengan amalan ini, Bank Negara Malaysia hanya berurusan secara terus dengan syarikat-syarikat pencetak mata wang yang mempunyai reputasi yang tinggi serta memenuhi syarat-syarat ketat yang telah ditetapkan. Segala urusan berkaitan kontrak tersebut seperti sebut harga, pembayaran dan urusan penghantaran dibincangkan secara terus dengan syarikat-syarikat yang dilantik tanpa melalui broker atau agen.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA :Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN :LISAN

TARIKH :23.06.2011

Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah berkesan pihak Kerajaan untuk membendung ketidakcekapan kutipan hasil Negara yang menyebabkan kerugian besar serta kebocoran yang amat ketara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil oleh agensi-agensi Kementerian iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk membendung ketidakcekapan kutipan hasil Negara adalah seperti berikut:

(A) Lembaga Hasil Dalam Negeri

- i. Pelbagai program dan aktiviti pendidikan cukai dijalankan bagi memberi kesedaran kepada pembayar cukai melalui aktiviti-aktiviti seperti memberi taklimat, mengadakan bengkel dan seminar percukaian serta melaksanakan Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC);
- ii. Bagi pembayar cukai yang gagal atau lewat mengembalikan BNCP dalam tempoh yang ditetapkan, penalti di bawah subseksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 akan dikenakan;
- iii. Program audit cukai yang berkesan dan terancang dilaksanakan melalui audit luar dan audit meja;
- iv. Program siasatan dilaksanakan untuk mencegah aktiviti pelarian serta pengelakan cukai menerusi lawatan mengejut ke premis perniagaan, premis kediaman dan premis-premis lain yang berkaitan dengan perniagaan pembayar cukai;
- v. Mungut cukai yang masih belum dijelaskan melalui perkhidmatan *Call-Out Centre*, lawatan ke premis pembayar cukai dan mempertimbangkan permohonan pembayaran cukai tertangguh secara ansuran; dan
- vi. Bagi pembayar cukai yang gagal menjelaskan tanggungan cukai mengikut tempoh ditetapkan, penalti lewat bayar boleh dikenakan di bawah peruntukan seksyen 103, 107(B) dan 107(C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

(B) Jabatan Kastam Diraja Malaysia

- i. Bagi mengatasi penipuan (*fraud* Kastam), antara langkah-langkah yang diambil adalah memantapkan pengurusan risiko melalui *Customs Verification Initiatives* (CVI) dan meningkatkan kerjasama dengan agensi berkaitan dengan kesahihan Sijil Tempasal (*Certificate of Origin*);
- ii. Bagi mengatasi penilaian rendah (*under valuation*), satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani dengan Persatuan Pengimpor dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA) bagi menguatkuaskan pemakaian pelekat pengesahan usia kenderaan dan menyemak

NO SOALAN

semula harga warta (*gazetted value*) kenderaan import terpakai;

iii. Dalam mengatasi aktiviti penyeludupan, jumlah operasi penguatkuasaan ditingkatkan dengan meningkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain;

iv. Bagi mengatasi obligasi perdagangan, pengurusan risiko ditingkatkan di samping mempertingkatkan penggunaan teknologi seperti mesin pengimbas dan kecekapan sistem ICT; dan

v. Bagi mengatasi penyalahgunaan kemudahan Kastam, aktiviti penguatkuasaan ditingkatkan dan melaksanakan operasi bagi mencegah penyalahgunaan kemudahan Kastam.

SOALAN NO: 138

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**JAWAB LISAN
TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
[JERAI]**

TARIKH

22 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan alasan kenapa tidak ada sebarang tindakan tegas terhadap media terutamanya TV3 yang berulang kali menyiarkan klip video lucah yang dikaitkan dengan pemimpin Pakatan Rakyat dan Utusan Malaysia yang mencetuskan suasana tidak harmoni apabila menyiarkan isu berkaitan agama rasmi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengawal pengedaran bahan lucah di Internet, telefon bimbit dan stesen televisyen, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKKK) bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan memantau dan mengambil tindakan undang-undang di bawah seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM), terhadap individu yang menyalahgunakan

SOALAN NO: 138

Internet dan SMS bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik. Jika disabitkan kesalahan, individu tersebut boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain AKM, ia juga tetap tertakluk di bawah peruntukan undang-undang lain seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Penapisan Filem 2002 dan lain-lain yang melarang tayangan pornografi.

Selain daripada itu SKMM juga akan memberi amaran kepada pemilik blog, ataupun menyiasat kes tersebut jika suspek beroperasi dalam negara, manakala bagi suspek yang beroperasi di luar negara, SKMM akan mengambil tindakan membuat laporan penyalahgunaan platform kepada hos laman web, ataupun meminta syarikat pemberi perkhidmatan Internet (ISP) untuk menyekat akses kepada laman-laman web porno di bawah Seksyen 263(2) AKM.

Sebagai langkah tambahan SKMM dan Forum Kandungan juga telah menubuhkan Biro Aduan Pengguna dimana orang ramai boleh mengemukakan aduan sekiranya menerima kandungan lucah.

Di samping itu, Kod Kandungan juga menjadi garis panduan yang membantu industri penyiaran dalam penerbitan kandungan yang bersesuaian dengan nilai-nilai dan norma masyarakat Malaysia. Tindakan undang-undang di bawah AKM akan dikenakan oleh SKMM kepada mana-mana stesen televisyen yang didapati melanggar Syarat Lesen, Kod Kandungan atau lain-lain peruntukan undang-undang lain yang terpakai di Malaysia.

SOALAN NO: 138

Untuk makluman, antara syarat khas lesen yang perlu dipatuhi oleh stesen televisyen swasta di Malaysia adalah memastikan semua kandungan yang disiarkan adalah ditapis dan mendapat kelulusan terdahulu dari Lembaga Penapisan Filem (LPF).

Ini bermaksud mana-mana program-program yang mempunyai unsur-unsur keganasan yang terlampau, lucuh dan bercanggah dengan adab sopan serta tatasusila masyarakat kita adalah tidak dibenarkan disiarkan.

Berdasarkan pemantauan dan penilaian pihak SKMM, setakat ini tiada kandungan lucuh yang telah disiarkan oleh mana-mana stesen televisyen swasta termasuk stesen TV3.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN**
 [HULU TERENGGANU]

TARIKH **23 JUN 2011**

RUJUKAN **3894**

SOALAN:

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk membendung pihak tertentu daripada terus membangkitkan isu-isu sensitif yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan
Tuan Yang Di Pertua,

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Hulu Terengganu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi di Malaysia yang dibentuk berdasarkan dua dokumen iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan 1957.

Sehubungan itu, Kerajaan amat serius dan akan mengambil tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana individu yang mengeluarkan sesuatu kenyataan sensitif berhubung perkara-perkara yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan termasuk yang melibatkan soal perpaduan, perkauman, agama dan institusi raja sama ada secara terbuka ataupun melalui media cetak, elektronik mahupun media alternatif.

Namun demikian, tindakan hanya akan diambil sekiranya siasatan mendapati perbuatan tersebut benar-benar melanggar undang-undang dan mampu menggugat keselamatan negara atau ketenteraman awam.

SOALAN140

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN LISA
 N**

DARIPADA Y.B. DATO' BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG]

23 JUN 2011

**TARIKH Meminta MENTERI PELANCONGAN
SOALAN menyatakan:**

Jumlah keseluruhan janaan pendapatan bagi sektor pelancongan untuk tahun 2010 dan apakah pecahan pendapatan ini mengikut sektor.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Rajang, jumlah pendapatan bagi sektor pelancongan pada tahun 2010 hasil daripada kedatangan pelancong asing ke Malaysia adalah **sebanyak RM56.5 bilion** iaitu peningkatan sebanyak **5.9%** berbanding 2009. Manakala, jumlah perbelanjaan pelawat domestik (pelancong bermalam dan pelawat harian) bagi tahun 2009 adalah sebanyak **RM 25.975 bilion** dengan peningkatan sebanyak **23%**. Jabatan Perangkaan Malaysia masih lagi memuktamadkan data pelawat domestik dan pendapatan bagi tahun 2010.

Daripada keseluruhan jumlah pendapatan pelancong asing yang diperolehi bagi tahun 2010, sektor **penginapan** mencatatkan perolehan tertinggi iaitu **30.7%** dari keseluruhan pendapatan, diikuti oleh **membeli-belah dengan 28.7%, makanan dan minuman 17.2%, pengangkutan awam 9.6%, lawatan terancang 4.3%, tambang penerbangan domestik 4.0%, hiburan 3.1 % dan lain-lain perbelanjaan 2.4%.**

SOALAN NO: 141

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PE RTA	LISAN
		Tuan ErTeck Hwa [Bakri]
TARIKH		23 Jun 2011 (Khamis)
SOALAN		TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan mekanisme yang digunakan untuk menentukan nilai pinjaman TEKUN. Senaraikan Statistik dari tahun 2005- 2010 bagi kawasan Parlimen Bakri:
		<p>(a) Jumlah dan status permohonan serta senarai nama dan alamat pemohon yang berjaya; dan</p> <p>(b) Apakah status bayaran pinjaman</p>
JAWAPAN		Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
		Tuan Yang Dipertua,
		a) Mekanisme yang digunakan untuk menentukan nilai pinjaman oleh TEKUN Nasional adalah berdasarkan kepada keperluan usahawan untuk menjalankan perniagaan (maksimum pinjaman adalah sebanyak RM50.000) dan kemampuan usahawan untuk membayar balik pinjaman tersebut.

Pengeluaran pinjaman yang telah dikeluarkan sehingga 30 April 2011 bagi kawasan parliment Bakri adalah sebanyak 987 pinjaman yang bernilai RM7.4 juta dengan melibatkan bilangan peminjam seramai 799 orang.

Manakala dari tahun 2005 sehingga 2010, pengeluaran pinjaman yang dikeluarkan bagi kawasan Parliment Bakri adalah sebanyak 556 pinjaman bernilai

RM5.2 juta yang melibatkan bilangan peminjam seramai 447 orang. Senarai penuh nama dan alamat usahawan TEKUN bagi kawasan Bakri boleh diperolehi di Pejabat TEKUN Kawasan Bakri. b) Secara keseluruhan, sehingga 30 April 2011, prestasi bayaran balik pinjaman bagi kawasan parliment Bakri adalah sebanyak 56 %.

SOALAN NO : 142

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' SERI TIONG KING SING
 [BINTULU]
TARIKH 23 JUN 2011
SOALAN

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menyalurkan peruntukan kewangan kepada pesakit bagi sesuatu kes yang masih di peringkat kajian seperti rawatan *stem cell* yang dilakukan oleh hospital swasta; dan

- b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk memberi peruntukan kewangan kepada institusi perubatan swasta yang berminat untuk menjalankan kajian atau rawatan bagi bidang rawatan yang tidak dijalankan oleh hospital Kerajaan.

Untuk makluman pada masa ini pihak Kementerian Kesihatan Malaysia

Tuan Yang di-Pertua,
(KKM) tidak berhasrat untuk menyalurkan peruntukan kewangan kepada pesakit bagi sesuatu kes yang masih di peringkat kajian seperti rawatan sel stem yang dilakukan oleh hospital swasta. Perkara ini disebabkan rawatan tersebut masih lagi di peringkat kajian dan tidak banyak penyakit yang disahkan sebagai berkesan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak bercadang untuk memberi peruntukan kewangan kepada institusi perubatan swasta yang berminat untuk menjalankan kajian atau rawatan bagi bidang rawatan yang tidak dijalankan oleh hospital Kerajaan. Untuk makluman pakar-pakar KKM juga bergiat aktif menjalankan kajian-kajian klinikal. Institusi KKM seperti Pusat Penyelidikan Klinikal (Clinical Research Centre, CRC) dan Institut Penyelidikan Perubatan aktif terlibat di dalam pengendalian aktiviti penyelidikan klinikal.

NO. SOALAN : 143

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH 23 JUN 2011

RUJUKAN 3891

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa tiada tindakan diambil terhadap “Datuk T” yang menyiaran video lucah kepada umum di Hotel Carcosa Seri Negara pada 21 Mac 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak PDRM telah menerima laporan berkenaan perkara ini dan sedang membuat siasatan lanjut yang mana penyiasatan mengambil kira segala sudut aspek undang-undang negara yang sedia ada dan tidak ada imuniti diberi kepada sesiapa. Hasil siasatan akan mengambil masa untuk dilengkapkan memandangkan arahan untuk mengemaskini kertas siasatan masih diterima dari pihak Pejabat Peguam Negara.

Kementerian melalui agensi penguatkuasaanya iaitu PDRM akan sentiasa mengawal dan menyelia berkenaan kes ini dan kertas siasatan telah diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk mendapatkan nasihat dan pandangan.

/